


**Jilid III  
Bil. 68**

**Isnin  
26 November 2001**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 15)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2002	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
<u><b>Jadual –</b></u>	
Maksud B.19	(Halaman 15)
Maksud B.20	(Halaman 30)
Maksud B.21	(Halaman 49)
Maksud B.22, B.23 dan B.24	(Halaman 73)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 2002	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
Maksud P.19	(Halaman 15)
Maksud P.20	(Halaman 30)
Maksud P.21	(Halaman 49)
Maksud P.22, P.23 dan P.24	(Halaman 73)
Usul Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2)	(Halaman 49)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)

Yang Berhormat	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

- Yang Berhormat Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Noorhazmah binti Hamzah  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Habibunisah Mohd. Azir  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Ruhana binti Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Alias bin Mohd. Nor

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 26 November 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat] minta Menteri Kewangan menyatakan langkah keselamatan yang diambil bagi mencegah penipuan kad kredit terutama sindiket mencuri maklumat pengguna kad kredit dan mengklonkan kad demi menjamin pihak bank, peruncit dan peniaga tidak terus menjadi mangsa.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah penipuan kad kredit, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama daripada institusi perbankan, institusi kad kredit antarabangsa dan beberapa agensi kerajaan telah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) memberi bantuan kepada pemegang kad - institusi-institusi pengeluar kad kredit menerbitkan pelbagai risalah bagi memberi panduan kepada pengguna mengenai cara pengendalian dan penggunaan kad kredit yang selamat bagi mengelakkan berlakunya penipuan kad kredit;
- (ii) memberi panduan kepada peniaga yang menerima kad kredit - para peniaga yang menerima kad kredit sebagai instrumen pembayaran memainkan peranan penting dalam menangani masalah penipuan kad kredit kerana sebahagian besar daripada transaksi kad kredit adalah dilakukan di kaunter peniaga-peniaga berkenaan. Oleh yang demikian, institusi-institusi perbankan memberi latihan kepada kakitangan institusi-institusi perniagaan mengenai langkah-langkah yang patut diambil bagi mengurangkan kemungkinan penggunaan kad palsu di kaunter masing-masing. Di samping itu, institusi-institusi perniagaan ini juga diberi contoh kad kredit tulen sebagai panduan bagi mengenal pasti sama ada sesuatu kad kredit yang digunakan oleh seseorang pelanggan itu tulen ataupun palsu;
- (iii) menyenaraihitamkan institusi-institusi perniagaan - sekiranya institusi perbankan mendapati bahawa sesebuah institusi perniagaan yang menerima kad kredit banyak menerima kad palsu dalam transaksi perniagaan masing-masing, institusi perbankan akan menamatkan penggunaan kad kredit oleh institusi perniagaan berkenaan. Di samping itu, nama institusi perniagaan ini akan disenaraihitamkan bagi mengelakkan institusi perbankan lain daripada menjadikan institusi perniagaan ini sebagai pelanggan mereka;
- (iv) menggunakan teknologi chip bagi kad kredit - punca penipuan kad kredit yang utama adalah menerusi pemalsuan. Memandangkan kad kredit pada masa ini masih menggunakan teknologi *magnetic strip*, dengan izin, yang

menggunakan teknologi *magnetic strip*, dengan izin, yang mudah dengan dipalsukan. Pihak industri kad kredit digalakkan untuk menggunakan teknologi chip bagi kad kredit. Kini terdapat beberapa buah negara telah melaksanakan sistem ini dan Malaysia sedang mengkaji mengenai pelaksanaannya. Penggunaan kad pintar berchip ini akan menyukarkan tindakan pemalsuan kad kredit;

- (v) mengadakan sistem pemantauan - sebagai satu langkah yang proaktif, institusi-institusi pengeluar kad kredit secara individu telah membangunkan sistem pemantauan untuk urusan kad kredit. Menerusi sistem ini, institusi perbankan dapat mengambil tindakan awal sekiranya berlaku sebarang transaksi luar biasa yang dilakukan dengan menggunakan kad kredit yang dikeluarkan oleh institusi masing-masing. Sebagai contoh, institusi perbankan akan menghubungi pemegang kad kredit bagi mendapatkan pengesahan sekiranya kad pelanggan berkenaan digunakan untuk membuat pembayaran bagi satu jumlah yang besar;
- (vi) menubuhkan Risk Management Coordination Unit (RMCU) - pihak industri kad kredit telah menubuhkan RMCU pada bulan April 2001 di mana unit ini mengumpul data, membuat laporan, menggalakkan kerjasama dan juga meningkatkan siasatan terhadap kes penipuan kad kredit di antara institusi-institusi perbankan di Malaysia;
- (vii) memperkenalkan teknologi *card verification value* dan *card validation code* - institusi-institusi kad kredit telah memperkenalkan teknologi seperti kad verification value (CVV) oleh Visa dan *card validation code* (CVC) oleh Mastercard International di mana teknologi ini dapat mengurangkan risiko daripada kad tersebut dipalsukan. Kod tambahan ini hanya berada pada kad kredit yang asal dan boleh digunakan untuk menentukan kad yang digunakan adalah kad asal atau tidak; dan
- (viii) mengadakan program kesedaran di kalangan para peniaga - industri kad kredit dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan institusi perbankan telah mengadakan banyak program untuk peniaga-peniaga bagi menyedarkan mereka tentang gejala penipuan kad kredit supaya mereka tidak terjebak di dalam gejala ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan secara terperinci. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan penipuan kad kredit yang telah berlaku dan berapa yang telah dihadapkan ke mahkamah? Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat. Bilangan penipuan kad kredit yang dilaporkan oleh institusi pengeluar kepada Bank Negara Malaysia bagi tahun ini setakat September 2001 ialah sebanyak 13,314 kes untuk tahun ini. Saya tidak mempunyai angka mengenai mereka yang terlibat telah dibawa ke mahkamah bagi tahun ini sahaja, tetapi saya mempunyai angka bilangan pesalah yang dibawa ke mahkamah dan dihukum kerana melakukan penipuan kad kredit dari tahun 1997 hingga bulan Mei 2001 iaitu tahun ini adalah sebanyak 77 orang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejauh manakah seriusnya perbuatan penipuan ini sama ada tahun demi tahun itu semakin bertambah ataupun kurang dan apakah langkah bagi menghadapi mereka yang mengalami kerugian kerana penipuan ini? Adakah kerugian itu diganti oleh institusi yang mengeluarkan kad kredit ini ataupun ada cara-cara lain yang dimanfaatkan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Bagi tahun 1999 kes penipuan yang dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia ialah hanya

tahun ini ia turun lagi. Maka susah hendak kata sama ada ia meningkat ataupun menurun, memang tidak ada trend yang tertentu. Tetapi kalau dibandingkan dengan jumlah card holders, dengan izin, iaitu 3.2 juta yang sedia ada sekarang angka 13,000 ini memang merupakan satu angka yang kecil.

Sungguhpun ia merupakan angka yang kecil tetapi pihak kerajaan memandang serius tentang kes penipuan yang berlaku di negara ini kerana Malaysia masih merupakan satu negara di rantau Asia Pasifik di mana penipuan kad kredit adalah dianggap serius juga kalau dibandingkan dengan beberapa negara yang lain.

Langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi, tetapi satu langkah yang penting bagi kerajaan ialah untuk menggunakan teknologi chip bagi menggantikan teknologi yang lama iaitu *magnetic strip* yang mungkin senang bagi mereka menjalankan pemalsuan. Pada masa ini, Bank Negara Malaysia sedang berusaha dengan Malaysian Electronic Payment System (MEPS), dengan izin, dan juga institusi-institusi kewangan dan juga syarikat-syarikat pengeluar kad kredit sedang berusaha supaya mendapatkan satu teknologi chip bagi menggantikan teknologi magnetic strip, dan dengan teknologi baru ini kita yakin bahawa penipuan ini dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**2. Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjelaskan tentang sikap pengusaha hotel yang menaikkan sewa hotel pada musim-musim tertentu.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Ini adalah dasar utama parti yang memerintah dan juga kerajaan yang memerintah sejak hari pertama kita merdeka lagi, iaitu kebanyakan perkhidmatan dan juga harga-harga di negara kita ini adalah ditentukan oleh pasaran. Oleh itu, harga sewa hotel juga adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa harga sewa hotel akan naik pada musim-musim puncak atau peak season, dengan izin, seperti musim cuti dan musim perayaan dan ianya akan turun di masa kurangnya permintaan. Pendek kata, hotel-hotel di negara ini adalah bebas untuk menawarkan pakej-pakej yang menarik dengan harga sewa yang kompetitif bergantung kepada strategi, promosi dan pemasaran hotel masing-masing. Pihak kerajaan pula menggalakkan persaingan yang sihat dan sentiasa memantau agar pakej-pakej dan kos itu adalah bersesuaian dengan taraf dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Namun demikian, sukacita saya menyatakan bahawa harga sewa hotel-hotel yang terdapat di Malaysia ini adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan beberapa negara lain di rantau kita ini.

Sehubungan itu, sukalah saya menyatakan bahawa sehingga hari ini terdapat 1,890 buah hotel berbagai kategori menawarkan sejumlah 125,597 bilik di seluruh negara. Pelancong-pelancong domestik dan juga asing boleh memilih jenis hotel yang diminati mengikut kemampuan masing-masing-masing.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri terima kasih banyaklah kerana memberi jawapan yang padat dan tepat. Walau bagaimanapun saya ingin meminta kerajaan tidakkah kerajaan berhasrat untuk mengkaji atau pun menyelaraskan harga-harga hotel di Malaysia ini.

Kalau dari penjelasan Datuk memang kita akui tetapi bagaimana pula kita boleh mencapai Program Cuti-cuti Malaysia menggalakkan rakyat tempatan itu sendiri melakukan pelancongan di dalam negara sendiri kerana hotel ini tidak menentu seperti yang Datuk kata, terutama sekali kalau cuti ataupun Mesyuarat Agung UMNO, misalnya. Hotel berlipat ganda kadar sewanya. Jadi ini pada saya bukanlah sesuatu yang amat baik dalam penggalakan industri pelancongan. Jadi kalau boleh kerajaan membuat kajian ini.

Untuk orang luar harga dia mungkin kita ikut US Dollar, kalau untuk orang tempatan kita buat untuk harga orang tempatan. Jadi ini tidak membebankan orang tempatan itu sendiri kerana kalau pelancong luar datang mereka membawa US Dollar, membawa Pounds. Memang mereka enjoy di dalam negara kita. Tetapi bagi

pelancong-pelancong dalam negara ini sendiri, mereka akan merasa harga itu` tinggi. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua ketahui Malaysia baru-baru ini sahaja bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia ini sebagai satu tarikan pelancong yang terkemuka. Ini bermakna kita terpaksa bersaing hebat dengan negara-negara lain yang sudah pun 'establish' sebagai negara pelancongan dan salah satu tarikan ke negara kita pada ketika ini adalah harga kos sewa hotel yang agak rendah jika dibanding dengan negara-negara lain.

Jadi sebab itu kita terpaksa berhati-hati dalam kita memaksa hotel-hotel turunkan harga. Namun demikian, sebagaimana saya nyatakan harga hotel sudah pun cukup rendah berbanding dengan hotel-hotel yang terdapat di sekitarnya. Kalau lebih rendah daripada itu mungkin hotel pula akan rugi. Dia tak membayar hutang dia kepada bank dan sebagainya.

Namun demikian saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, dan kerajaan sedang mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menggalakkan penyediaan hotel-hotel bagi semua kategori pelancong-pelancong tempatan. Bermakna kita akan banyakkkan lagi hotel-hotel 4 bitang, 3 bintang, 2 bintang dan juga hotel-hotel budget.

Salah satu sebab kerajaan telah pun naikkan 'tourism fund', tabung pelancongan dari RM200 juta kepada RM400 juta baru-baru ini adalah untuk menggalakkan pihak swasta meminjam dan menyediakan hotel-hotel khususnya yang sesuai untuk pelancong-pelancong domestik.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Terima kasih jawapan Menteri dan juga Kempen Cuti-cuti Malaysia. Kita tahu bahawa pelancongan adalah satu industri menjadi punca pendapatan utama negara dan boleh dikatakan penting di dalam menjana ekonomi. Namun demikian walaupun harga sudah terkawal, kita dapati bahawa banyak hotel-hotel ini ataupun operator-operator resort yang mengalami kedatangan atau pengisian begitu rendah dan mereka ini meminjam daripada bank dan kebanyakan daripada mereka mempunyai kedudukan yang rendah ini menghadapi masalah untuk membayar bayaran bank. Apakah usaha kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha hotel ini dalam masalah kesulitan begini kerana industri ini penting sebelum mereka gulung tikar kita kena jaga.

Jadi apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa hotel yang bermasalah ini terus maju. Apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan tabung khas lagi untuk membantu sementara ekonomi belum bertambah baik. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kerajaan telah bersungguh-sungguh mengadakan promosi pelancongan merata-rata dan kita telah pun sedikit sebanyak mendapat kejayaan dan sebagaimana yang telah dinyatakan berkali-kali pada tahun 1998 kita hanya mendapat 5.5 juta pelancong tetapi sebab usaha-usaha kerajaan dan seluruh industri pelancongan untuk menggiatkan usaha promosi maka angka itu telah naik kepada 7.9 juta pada tahun 1999 iaitu kenaikan 66%, satu kenaikan yang cukup baik dan pada tahun 2000 pula naik kepada 10.2 juta. Pada lapan bulan yang pertama tahun ini, setiap tahun hitung panjang kita mendapat 1.2 juta pelancong sebulan dan mereka sedikit sebanyak membawa masuk lebih, 2 bilion pertukaran asing ke negara kita ini. Tetapi malang pada bulan September dia jatuh dan bulan Oktober jatuh dengan teruk lebih kurang 50% dan maka itulah sebabnya maka kita terpaksa mencari cara-cara yang lain untuk mempergiatkan lagi promosinya. Pada ketika ini kita dapati banyak hotel-hotel dengan sendirinya oleh sebab permintaan itu demand telah rendah maka dengan sendirinya mereka telah menurunkan harga hotel tanpa paksaan oleh kerajaan. Kerana ini telah ditentukan oleh pasaran.

*[Soalan No. 3 – Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] tidak hadir]*

4. **Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah pihak bengkel membaiki kereta motor mengenakan kadar bayaran yang keterlaluan serta tidak seragam; dan
- (b) Adakah Akta yang membolehkan pengguna mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik bengkel di atas penipuan alat ganti dan juga kadar caj bayaran yang keterlaluan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kenderaan yang didaftarkan di dalam negara setakat ini adalah sebanyak 10.8 juta kenderaan. Manakala industri bengkel kereta pada masa ini tidak dikawal selia oleh mana-mana agensi kerajaan dari segi pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna. Kalaupun ada ia adalah lesen-lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Dengan itu banyak isu-isu dan masalah yang wujud dalam sektor ini terutama yang melibatkan perkhidmatan kepada pengguna seperti upah perkhidmatan, harga alat ganti yang berbeza-beza serta masalah pencemaran alam sekitar yang dihasil oleh bengkel itu sendiri.

Faktor permintaan dan penawaran bagi perkhidmatan bengkel mempengaruhi harga alat ganti dan kadar bayaran yang dikenakan oleh bengkel. Pihak kementerian menyedari masalah-masalah tersebut dan sedang meneliti keperluan dan cadangan untuk menjadikan alat ganti kereta sebagai barang kawalan dan perbincangan mengenai perkara ini sedang pun dibuat dengan pihak industri, agensi-agensi dan juga persatuan-persatuan yang terlibat dalam industri perkhidmatan

Di samping itu juga pihak kementerian sedang mempertimbangkan dan meneliti cadangan daripada sebuah juruperunding mengenai keperluan mewujudkan suatu tatacara perkhidmatan kepada pelanggan di mana pihak pengusaha perlu memberikan jaminan perkhidmatan, menyediakan 'work sheet' dengan izin, mempamerkan kadar upah buruh yang dikenakan dan harga alat ganti serta piawaian, masa penyelenggaraan kenderaan. Ini diharapkan dapat memberikan serta mewujudkan suatu perkhidmatan yang berkualiti dan berwibawa kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua pada masa ini tiada sebuah akta tertentu diwujudkan bagi sektor ini. Memandangkan sektor ini penting dan berkembang pesat, serta keperluan untuk memantap dan mengawal selia industri maka cadangan daripada sebuah juruperunding untuk menggubal undang-undang mengenai perkhidmatan bengkel kereta sedang diteliti oleh pihak kementerian saya.

Namun begitu pada masa ini jika berlaku penipuan alat ganti dan juga masalah kadar bayaran, pengguna boleh membuat aduan ke Tribunal Tuntutan Pengguna yang terletak di bawah kementerian saya untuk mendapatkan penyelesaian bagi tuntutan yang bernilai tidak melebihi RM10,000.

**Tuan Mohamed Sayuti bin Said:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Tan Sri Menteri yang menjawab masalah keperluan rakyat terutama di luar bandar. Terima kasih juga kepada kerajaan hari ini yang mana alat-alat pengganti akan menjadi salah satu dari harga kawalan.

Kenderaan merupakan satu daripada keperluan, kepada seseorang terutama yang mempunyai keluarga yang mana bukan sahaja menjadi kemewahan di hari ini. Tahniah kepada kerajaan telah mengeluarkan kereta nasional seperti jenama Kancil yang mampu dimiliki oleh rakyat awam.

Soalan tambahan, terdapat alat-alat 'spare part' ataupun alat pengganti harganya mahal dan tidak terkawal oleh kementerian. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi perkara tersebut? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi bahawa memang kita sedar masalah seperti ini telah

pun kerap berlaku dan aduan-aduan kita terima begitu banyak tentang harga alat-alat ganti yang dikatakan begitu tinggi dan juga kos perkhidmatan penyenggaraan kenderaan yang tidak terkawal boleh dikatakan kesemuanya ditentukan oleh pemilik bengkel. Saya telah pun menyebutkan tadi bahawa bahan-bahan alat ganti ini tidak merupakan barang-barang kawalan dari segi harganya walaupun sedang pun kita timbang sama wajar ataupun tidak wajar dikenakan satu harga yang tertentu bagi alat-alat ganti yang tertentu.

Oleh sebab itu ia ditentukan oleh pasaran dan oleh sebab permintaan bagi setengah-setengah alat ganti itu begitu tinggi maka kos ataupun harga yang ditawarkan kepada pengguna juga agaknya lebih daripada berpatutan. Sehingga hari ini kita tidak dapat membuat apa-apa kerana dia tidak ada kuat kuasa undang-undang untuk kita wajibkan mereka menurunkan harga ke satu paras yang lebih rendah. Tetapi walaupun begitu kita sudah pun mengambil satu inisiatif untuk mengadakan perundingan dengan wakil persatuan-persatuan, wakil industri alat ganti dan juga persatuan pemilik-pemilik bengkel supaya mereka dapat mengamalkan satu bentuk perkhidmatan ataupun layanan pelanggan, pengguna yang kita fikir lebih adil ataupun lebih berpatutan.

Tetapi tentulah langkah seperti ini memerlukan sokongan daripada mereka atau pun persetujuan daripada mereka. Selagi tidak ada suatu peraturan ataupun undang-undang yang tertentu untuk mewajibkan mereka mematuhi tentang had harga dan sebagainya saya kira adalah agak sukar untuk kita menguat kuasa ataupun melaksanakannya. Sebab itu sebagaimana yang saya jelaskan tadi kita akan melihat secara lebih mendalam lagi apakah langkah-langkah perlu yang boleh kita buat termasuk memperkenalkan tatacara perkhidmatan tadi dan keduanya kalau perlu suatu bentuk undang-undang baik di peringkat pihak berkuasa tempatan ataupun di peringkat Kerajaan Pusat yang boleh mengawal perjalanan pemilik-pemilik bengkel ini.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berapakah banyak kes para pengguna tidak berpuas hati ke atas charge memperbaiki kenderaan yang tinggi dikenakan oleh pengusaha bengkel yang dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna? Dan sejauh mana tribunal berjaya menyelesaikan kes ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, malangnya sehingga ini belum ada lagi aduan rasmi ataupun kes ini dibawa ke Tribunal Tuntutan Pengguna. Jadi kalau begitu kita tidak dapat pasti sama ada banyak ataupun tidak tetapi aduan-aduan dibuat secara bertulis begitu sahaja ada dihantar ke kementerian. Tetapi peraturan kita ialah supaya mereka membuat aduan dengan mengisi borang yang telah diisi borang yang telah disediakan menerusi tribunal tadi barulah pihak tribunal boleh mengambil tindakan untuk memanggil pihak-pihak yang berkenaan. Jadi sehingga ini belum ada laporan bermakna belum dapat kita selesaikan kalau ada perkara-perkara yang berbangkit tadi.

5. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh manakah perpaduan kaum di Malaysia tergugat berikutan pergaduhan yang berlaku di Jalan Klang Lama, penentangan terhadap konsep sekolah wawasan, Al-Ma'unah dan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM). Adakah kerajaan berpuas hati bahawa perpaduan yang wujud di Malaysia kukuh walaupun diancam kejadian-kejadian berbau perkauman.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden-insiden yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tidak menggugat perpaduan kaum di Malaysia. Ini kerana masyarakat kita hari ini sudah cukup matang untuk membezakan di antara buruk dan baiknya sesuatu tindakan yang diambil. Negara kita mengamalkan perpaduan dalam perbezaan atau *unity in diversity*, dengan izin, di mana masyarakat yang berbeza dari segi agama, budaya dan adat resam mengekalkan perbezaan tersebut, tetapi hidup bersatu padu, berpaksikan amalan budaya dan nilai-nilai murni seperti bertoleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, program dan aktiviti bagi menerapkan nilai-nilai murni ke arah memupuk perpaduan diterapkan secukup bermula dari peringkat rendah lagi,

pendidikan moral dan ilmu keagamaan yang merupakan asas pembentukan nilai-nilai murni dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah.

Sementara itu, pendidikan sejarah, pengetahuan am termasuk kenegaraan dan undang-undang serta Perlembagaan negara merupakan asas pembentukan insan yang berfikiran rasional dan pemangkinan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin tegas bahawa sememangnya perpaduan rakyat Malaysia tidak tergugat ekoran kejadian-kejadian seperti pergaduhan di Jalan Klang Lama, penentangan terhadap konsep sekolah wawasan, gerakan militan Al-Ma'unah dan KMM. Rakyat sedar bahawa pergaduhan di Jalan Klang Lama adalah disebabkan oleh perselisihan faham sahaja dan bukannya disebabkan oleh perkauman, sementara penentangan konsep sekolah wawasan pula disebabkan mereka yang menentang kurang memahami akan objektif penubuhan sekolah wawasan. Gerakan militan Al-Ma'unah dan KMM hanya melibatkan beberapa individu dan tidak mendapat sokongan rakyat dan dengan itu kerajaan dapat membendung dengan mudah. Terima kasih.

**Tuan Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan Setiausaha Parlimen dan saya akui bahawa perpaduan kita kukuh. Tetapi jika kita lihat secara terperinci kejadian-kejadian ini ada elemen-elemen untuk cenderung kepada perlakuan yang berdasarkan kepada kaum dan juga bangsa dan agama.

Saya ingin tahu sama ada kementerian menyedari hakikat ini dan turut sama mengakui hakikat ini dan adakah kementerian, dalam program-program pendekatan perpaduan yang dirancang itu bersedia untuk memperkuat konsep perpaduan terutama umpama dalam program rukun tetangga dan beberapa program yang lain untuk merasakan perpaduan itu wujud di kalangan kita secara *real* dan bukan secara luaran. Sekian.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara telah mengadakan perbincangan dengan badan-badan agama dan juga nasihat daripada badan-badan ini telah mengadakan kursus-kursus nilai murni keagamaan di mana kita dapat bertukar fikiran tentang masalah-masalah yang boleh dihadapi dan cara bagaimana kita juga boleh mengatasi masalah-masalah ini.

Juga melalui aktiviti-aktiviti rukun tetangga, kita telah mengadakan sebanyak 11,482 aktiviti di seluruh negara bagi tahun ini yang melibatkan penduduk-penduduk seramai 1,105,852 orang di seluruh negara ini. Ini menunjukkan bahawa Jabatan Perpaduan Negara melalui rukun tetangga proaktif dan sentiasa mencari jalan bagaimana kita boleh mengatasi masalah-masalah perpaduan dan ini juga memberi peluang kepada anak-anak kita bercampur gaul dan lain-lain di sesuatu kawasan.

Baru-baru ini kementerian saya telah pun berbincang mengenai perkara ini dengan Perdana Menteri kita dan Perdana Menteri kita telah bersetuju supaya kita buka 400 lebih rukun tetangga di seluruh negara bagi tahun hadapan dan beliau juga telah meluluskan satu peruntukan khas sebanyak RM13 juta untuk projek ini.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah perkauman yang besar sekali selepas merdeka berlaku dua kali iaitu Peristiwa 13 Mei dan Peristiwa tahun 1987 ketuanan Melayu.

Kedua-dua peristiwa ini di antaranya melibatkan parti-parti politik yang besar, kenapa soal-soal ini tidak dimasukkan selalu peristiwa kegagalan pemerintah dalam menghadapi masalah perkauman. Dan masalah perkauman ini masih lagi berlaku misalannya sekarang ini kalau berlaku *accident*, masih lagi orang bertanya yang *accident* itu Melayu ataupun Cina. Ini kenapa program integrasi ini gagal setelah hampir 50 tahun merdeka, adakah parti-parti pemerintah itu berdasarkan perkauman, maka soal integrasi kaum ini tidak dapat diselesaikan hingga sekarang. Minta penjelasan dengan baik sekali.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat. Sebenarnya apabila berlaku insiden dalam tahun 1969 itu May 13 baru kerajaan sedar bahawa perbezaan ekonomi antara kaum boleh membawa banyak masalah kepada negara ini.

Jadi, *new economic policy*, dengan izin, telah membawa banyak faedah kepada semua penduduk negara ini. Orang-orang Melayu khas pada masa itu begitu mundur sekali tetapi sekarang mewah, pakaian kot dan lain-lain ya, kereta besar, seperti orang-orang lain, jadi termasuk orang-orang PAS juga .

Jadi, dengan cara itu, kita telah membawa Kerajaan Barisan Nasional, dahulu Perikatan, telah membawa kemewahan kepada seluruh penduduk negara ini dan kita perlu mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, ini tidak memecahkan kaum. Yang mustahak sekali apabila kita mengadakan ceramah-ceramah dengan orang ramai, kita jangan minta orang ramai benci kepada kerajaan, benci kepada pemimpin-pemimpin.  
[Tepuk]

Ini boleh membawa kerosakan kepada negara dan juga kepada pembangunan negara ini. Jadi, saya minta kita boleh berceramah semasa pilihan raya, tetapi sekarang kita jangan ceramah lagi, kalau ceramah pun ceramah tentang perpaduan, mustahaknya kita bersatu padu, dengan cara ini negara kita boleh membangun lebih pesat lagi. Terima kasih. [Tepuk]

**[Soalan No. 6 – Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat] tidak hadir]**

**[Soalan No. 7 – Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak (Kota Belud) tidak hadir]**

8. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah keseluruhan penagih dadah yang ditahan di pusat tahanan seluruh negara serta jumlah perbelanjaan dan adakah cadangan Ketua Setiausaha Negara untuk melanjutkan tempoh tahanan maksimum sekarang dari dua tahun kepada beberapa tahun lagi akan diterima oleh kerajaan; dan
- (b) jika ya, apakah kerajaan akan menambah peruntukan dan menambah pusat tahanan yang sedia ada sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini iaitu 28 Oktober 2001 terdapat seramai 9,082 orang penagih yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di 27 pusat serenti di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2000 sejumlah RM23,158,455 telah pun dibelanjakan untuk menyediakan perkhidmatan dan bekalan kepada penghuni di seluruh pusat serenti. Mengenai cadangan untuk melanjutkan tempoh tahanan maksimum dari dua tahun sekarang, perkara ini sedang diteliti dengan mendalam khususnya dari aspek perundangan dan peruntukan kewangan.
- (b) Pertambahan peruntukan dan pusat tahanan akan ditimbang sekiranya cadangan ini didapati sesuai dan perlu.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Masalah dadah merupakan salah satu musuh utama di negara kita. Dan saya ingin ucapkan terima kasihlah kepada pihak kerajaan, iaitu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kerajaan memang pada setiap tahun belanja banyak, supaya pusat-pusat serenti ini dapat berfungsi dengan baik.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah kos pemulihan seseorang penagih dadah di pusat serenti, nampaknya ada 27 pusat serenti ini dan adakah kementerian terima baik tentang cadangan di mana

penagih dadah yang dianggap sebagai *hardcore* ini dihantar ke sebuah pulau. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kluang. Bagi menjawab soalan yang pertama, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu penagihan dadah adalah satu penyakit kronik yang mudah berulang. Semasa seseorang penagih dadah yang ditempatkan di pusat serenti, dalam masa dua tahun itu beliau memang diberikan segala rawatan dan ubatan supaya dapat mereka ini sembuh dari masalah penagihan dadah, tetapi masalahnya ialah selepas mereka meninggalkan pusat serenti, mereka menjadi penagih berulang.

Ini adalah satu masalah yang kerajaan sedang mengatasi dan bagi kos pemulihan seseorang penagih dalam sebulan semasa penagih dadah itu berada di pusat serenti ialah RM362.10 sebulan. Dan ini kos ini adalah termasuk dengan kos membiayai penghuni, makanan, minuman sebanyak RM4.52 sen sehari dan peralatan serta bekalan sebanyak RM2.41 sehari dan termasuk juga kos tenaga pengajar sebab kita mempunyai pengajar dalam pusat serenti, selain daripada rawatan, untuk mengajar mereka macam mana mereka boleh mengubah sikap dan ini juga adalah termasuk RM5.14 sen, jumlah ini adalah sebanyak RM362.10 sen.

Mengenai soalan yang kedua iaitu cadangan supaya penagih-penagih *hardcore*, dengan izin, ataupun penagih-penagih tegar ditempatkan di satu pusat tahanan khas sama ada di pulau ataupun di sesuatu tempat dalam negara ini, memang kerajaan telah pun menerima baik cadangan ini dan kerajaan telah pun memutuskan supaya suatu tempat khas diadakan dan dalam tempat khas ini hampir 50,000 penagih-penagih tegar akan ditempatkan di situ.

Dan masa tahanan penagih-penagih tegar ini kemungkinan akan melebihi dua tahun, tetapi apa yang penting sekarang ini kita harus membuat pindaan kepada akta-akta berkenaan perundangan sebelum kita dapat melaksanakan cadangan ini. Sekian.

**Tuan Goh Kheng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta Timbalan Menteri menyatakan semasa pesakit ditahan di pusat tahanan, berapakah jumlah mereka yang dijangkiti HIV, berapa pula mereka yang meninggal dunia akibat penyakit tersebut semasa dalam pusat tahanan dan apakah langkah untuk mengatasi supaya penyakit ini tidak merebak kepada tahanan yang lain.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat, dari segi angka-angka berapa orang yang telah pun menghidap HIV ataupun AIDS saya tidak mempunyai angka di sini, jika Yang Berhormat berminat saya boleh memberi secara bertulis. Tetapi saya ingin memberi jaminan iaitu bila seseorang penagih semasa dalam tahanan, didapati menghidap HIV/AIDS, mereka ini semua akan diasingkan daripada subjek-subjek tahanan yang lain dan ini tidak akan mudah menjangkiti penagih-penagih lain yang akan juga menghidap HIV. Dalam perkataan lain, kerajaan telah pun sedia dan mengambil semua langkah-langkah yang wajar supaya mereka ini diasingkan dan jika mereka yang menghidap AIDS ini telah pun sampai ke tahap yang agak merbahaya, maka ibu bapa dan waris-waris penagih-penagih berkenaan akan dipanggil supaya mereka ini bawa balik anak-anak mereka. Sekian.

9. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk membanteras aktiviti-aktiviti cetak rompak cakera padat; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk melindungi hak pengguna agar harga cakera asal adalah rendah.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua untuk soalan:

- (a) Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah penguatkuasaan yang tegas bagi membanteras kegiatan bahan-bahan cetak rompak dan filem lucah di negara ini. Antaranya ialah melalui pengharaman penjualan CD, VCD di tempat-tempat terbuka yang

telah pun berkuat kuasa mulai 8 Ogos 2001. Tindakan tegas ini diambil memandangkan kesan daripada penjualan CD dan VCD haram telah pun memberikan imej yang tidak baik kepada negara, menyekat perkembangan kreativiti harta intelek kerana persaingan yang hebat melalui pengedaran bahan cetak rompak dan juga boleh memberikan kesan terhadap perkembangan MSC di negara ini.

Tindakan bagi mengharamkan penjualan CD dan VCD haram di tempat-tempat terbuka ini telah pun mendapat kerjasama semua pihak, termasuk pihak kerajaan-kerajaan negeri dan juga agensi-agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan, FINAS, Jabatan Kastam dan pihak Polis Diraja Malaysia.

Bagi tempoh 6 Ogos hingga 21 Oktober, sebanyak 960 tindakan kes telah pun diambil melibatkan penyertaan kira-kira 1.06 juta CD dan VCD lucah dan cetak rompak serta peralatan bernilai kira-kira RM3 juta. Pelaksanaan pengharaman ini yang disertai dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas ini telah menyebabkan sebahagian besar pemiagaan di premis-premis terbuka telah ditutup. Bilangan premis terbuka yang menjual CD dan VCD telah pun berkurang daripada 2386 buah pada Julai 2001 kepada 334 buah pada 21 Oktober 2001 iaitu pengurangan sebanyak 84.3%.

Pengurangan yang ketara bilangan premis-premis di tempat terbuka menjadikan bilangan keseluruhan premis pemiagaan CD, VCD termasuk premis tetap turut berkurang daripada 5516 buah pada Julai 2001 kepada 3166 pada 21 Oktober 2001 iaitu pengurangan sebanyak 42.61%. Penjualan filem-filem lucah secara terang-terangan hampir sudah tidak kelihatan manakala bagi CD dan VCD cetak rompak pula masih ada dijual oleh peniaga-peniaga yang degil. Namun demikian kuantiti yang dipamerkan agak telah turun dengan ketara.

- (b) Penetapan harga cakera padat adalah dibuat berasaskan pertimbangan komersial oleh pengeluar dan pihak kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menentukannya. Walaupun demikian usaha-usaha telah dan sedang diambil melalui perundingan dan juga *persuasion* dengan izin, dengan pihak industri supaya produk-produk yang berkenaan dapat dijual dengan harga yang lebih rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa buah syarikat dalam industri muzik telah pun bersetuju dan melaksanakan penurunan harga album yang diedarkan oleh pihak mereka. Usaha pertama syarikat-syarikat tersebut yang terletak di bawah naungan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) bermula dalam bulan April 2001 membabitkan 200 judul album dengan penurunan secara berperingkat-peringkat di antara 30 – 70% potongan. Sehingga kini pihak RIM telah membuat potongan harga melebihi 1000 tajuk album.

Promosi yang dianjurkan oleh pihak RIM ini dijalankan secara berterusan tetapi pihak-pihak yang

menyertainya adalah berlainan. Pada masa ini umpamanya promosi dijalankan oleh pihak SONY Music, Ambang Classic, Life Records dan Gong Classic hingga akhir disember 2001 dan selepas itu syarikat lain pula akan mengadakan promosi mengikut masa-masa tertentu secara bergilir-gilir.

Walaupun terdapat usaha bagi pihak industri untuk menurunkan harga, ianya dibuat mengikut masa-masa tertentu sahaja. Maka dalam hubungan ini penurunan harga oleh pihak industri tersebut adalah wajar dijalankan secara berterusan yang seiring dengan tindakan-tindakan tegas oleh pihak kerajaan dalam membanteras kegiatan cetak rompak.

Sekian.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima Tuan Yang di-Pertua. Persoalan aktiviti membanteras cetak rompak cakera padat di negara kita bukanlah satu persoalan yang baru dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ianya adalah suatu yang berterusan tetapi apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa untuk membanteras aktiviti yang amat tidak sihat ini memerlukan kerjasama semua pihak bukan sahaja dari segi kementerian Yang Berhormat saja tetapi kementerian-kementerian yang lain perlu memberikan kerjasama.

Saya memberikan contoh pada bulan lepas sahaja 11 orang pegawai kementerian Yang Berhormat Menteri telah diserang di Petaling Street, mereka telah dikepung, diserang oleh pekedai-pekedai dengan batang besi, dengan troli dan sebagainya sehinggakan seolah-olah tidak ada pembelaan kepada mereka. Di mana pihak polis di waktu itu, sedangkan mereka menjalankan operasi dan saya juga ingin mencabar pihak Yang Berhormat Menteri kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ini soalan saya, kalau salah satu hari daripada hari-hari Yang Berhormat Menteri boleh keluar bersama-sama dengan saya melihat sendiri, bagaimana bahan-bahan cetak rompak ini berleluasa di Lembah Klang ini.....apa yang berjalan sekarang ini adalah bermusim...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat ....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad:** .....Dan ianya boleh dilihat di mana-mana, di kedai-kedai tempat kaki lima, di Lembah Klang sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Tidak payahlah mencabar ya Yang Berhormat, mengajak. Itu lebih manis ya .....

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya sebagaimana yang saya terangkan tadi memang kita membuat operasi secara bersama-sama dengan banyak pihak termasuk pihak polis, kastam dan sebagainya dan kita membuat perancangan yang agak teliti untuk mengambil apa-apa tindakan penguatkuasaan bagi mengelakkan pegawai-pegawai kita menghadapi serangan ataupun masalah-masalah yang boleh membabitkan keselamatan diri mereka. Ini dijalankan secara berterusan.

Cuma ada juga waktu-waktu di mana agak luar daripada dugaan kita waktu mana pihak peniaga bertindak lebih agresif daripada yang kita jangka. Biasanya mereka mematuhi dan mengikut apa juga tindakan kita dengan tidak bertindak secara kasar ataupun ganas tetapi kadang-kadang timbul masalah seperti itu berlaku dan waktu itu kita meminta kerjasama pihak polis untuk kita ambil tindakan sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi dan saya ucapkan terima kasih. Memang masalah itu agak dihadapi oleh pegawai kita bukan sahaja di sini tetapi baru-baru ini di Pulau Pinang dan di banyak tempat, masalah yang serupa juga dihadapi oleh pegawai kita.

Jadi kita telah meminta kerjasama dengan polis waktu mana kita anggap agaknya perkara itu serius, polis bersama-sama dengan kita untuk menghadapi pihak

penjaga-penjaga ini tetapi di waktu lain kita mengambil tindakan sendiri dan kita juga ada peruntukan dari segi alat-alat senjata dan bahan yang perlu digunakan untuk mengawal diri tetapi kadang-kadang malang ini susah kita nak kata, tidak berbau.

Ada juga berlaku perkara-perkara luar dugaan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua kerana mereka rasa agak tertekan bila hampir semua tempat pemiagaan sudah ditutup, yang *survive* hanya beberapa orang sahaja yang berani. Mereka-mereka boleh kita anggap *core* dan oleh sebab itu tindakan mereka lebih kasar atau lebih ganas dan sebab itu saya telah meminta supaya pegawai kita bertindak secara berhati-hati, mengatur strategi dan langkah cara tersusun dan kalau diperlukan kerjasama pihak polis dan pihak-pihak lain, kita harus meminta kerjasama dengan sokongan dengan pihak-pihak yang berkuasa yang berkenaan.

Yang Berhormat menyebut tentang soal masih terdapat, memang betul kerana soal ini bukan mudah Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah beberapa kali pergi dah, mungkin kalau nak banding dengan Yang Berhormat, saya lebih banyak turun ke bawah, tengok tempat-tempat di mana perkara ini berlaku... [Tepuk] [Disorak] Dan saya tidak menafikan bahawa masih berlaku dan saya nak minta kerjasama daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat juga termasuk kepada pihak parti pembangkang.

Pertama, memberitahu kepada orang ramai bahawa perbuatan membeli bahan-bahan cetak rompak apa lagi lucah ini tentulah salah.

Keduanya ia adalah bertentangan dengan agama kita, haram sebenarnya dan ketiganya mungkin kita dapat menyedarkan masyarakat tentang kesan daripada masalah cetak rompak ini kepada industri dan kepada hasil hak cipta yang dimiliki bersama, sama ada orang asing apa lagi oleh orang kita sendiri.

Oleh sebab itu kita minta kerjasama diberikan secara sepenuhnya. Ini telah pun ditunjukkan begitu baik oleh pihak berkuasa tempatan. Sebab itu saya ingin memaklumkan di sini, pihak *United State Trade Representative* wakil mereka, yang menilai semula kedudukan Malaysia sekarang ini mengiktiraf langkah yang berkesan ini dengan menaikkan taraf Malaysia, dahulunya daripada *priority watch list* dengan izin, kepada *watch list* sahaja kerana mereka yakin tindakan tegas ini telah membawa hasil yang memang diharap-harapkan oleh mereka.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan syabas di atas jawapan Yang Berhormat Menteri, tetap tenang walaupun dicabar, begitulah sebenarnya Menteri dalam Barisan Nasional ini walaupun bekerja kuat, dicabar tapi masih lagi sabar di bulan puasa ini [Tepuk].

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah kita tahu bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bukan sahaja dalam usaha untuk membanteras video lucah dan juga cetak rompak ini tetapi dalam masa kita juga mengatasi soal judi haram. Kita dapati usaha-usaha yang dijalankan ini, usaha-usaha yang memerlukan komitmen yang tinggi dan juga memerlukan pengorbanan yang besar - dicabar, diugut dan sebagainya.

Saya nak Tanya Yang Berhormat Menteri dari segi *root of the problem*. Pengilang-pengilang membuat operasi dan juga mereka yang menyeludup bahan-bahan ini untuk kepentingan keuntungan peribadi ataupun syarikat mereka., adakah pihak kementerian telah dapat membanteras perkara ini hingga ke akar umbi. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Belum lagi berjaya sepenuhnya Yang Berhormat tetapi sudah mula menampakkan kesan kerana dengan akta yang telah pun Yang Berhormat luluskan di Parlimen, Akta Cakera Optik. Kita sudah pun melesenkan semua pengeluaran dan dengan cara begitu kita telah dapat mengenal pasti siapakah yang melakukan kegiatan-kegiatan cetak rompak, pengeluaran CD, VCD lucah dan sebagainya kerana mereka dikehendaki menggunakan *code* dengan izin, yang dipanggil *source identification code*.

Jadi pengeluaran-pengeluar ini tidak boleh dapat elak daripada menggunakan kod dan kita boleh mengenal pasti, siapakah yang mengedarkan ini dan sekarang ini kita sudah pun ada kes yang kita sedang menyiasat secara teliti kerana lepas kita mengenakan kod ada pihak-pihak yang cuba hendak memadamkan kod dan kemungkinan kita syak ini berlaku di kalangan pengusaha-pengusaha dan pengeluar itu sendiri.

Jadi oleh sebab itu langkah berterusan ya Yang Berhormat perlu kita ambil secara tegas walaupun undang-undang sudah sedia ada tapi penguat kuasa perlu dibuat secara berterusan dan kita memerlukan kerjasama orang ramai. Beri kita maklumat, *information* yang setepat-tepatnya. Kalau beri maklumat, Yang Berhormat, kita beri dia wang sebagai imbuhan kepada maklumat yang boleh terbawanya pihak-pihak ini ke mudah pengadilan. Jadi saya harap dengan hal sebegini maka lebih banyak lagilah perkara-perkara yang berlaku, pengedaran cetak rompak dan sebagainya itu dapat kita banteras.

10. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang] minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah pelajar yang gagal di dalam peperiksaan di semua universiti mulai tahun 1998 sehingga sekarang dan berapakah jumlah pelajar yang gagal kerana mengikuti program menguatkan akidah, mengukuhkan iman seperti usrah, tamrim, qiamullail muqayyam, rehlah dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, soalan ke 10 ya, sila Yang Berhormat ...

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzhir bin Mohd Khir]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak dengar kerana api itu tidak buka...[Lampu mikrofon Yang Berhormat Rantau Panjang tidak menyala]

**Dato' Mahadzhir bin Mohd Khir:** Ya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, sila-sila....

**Dato' Mahadzhir bin Mohd Khir:** Nak kata saya bohong lagi...[Ketawa] [Disorak]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ini....[Ketawa] Api Yang Berhormat yang membuat soalan tidak merah, sebab itu tidak dengar dan sebab itu saya menjemput.

**Dato' Mahadzhir bin Mohd Khir:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tak dengar soalan berapa.

Peratusan pelajar yang gagal di dalam peperiksaan di semua IPTA dan dikeluarkan, saya *stress* di sini, dikeluarkan daripada universiti ialah dalam lingkungan 1% dari jumlah populasi pelajar IPTA yang kini berjumlah seramai 277,083 orang dan lebih kurang seramai 2,500 orang setahun bagi semua universiti awam. Jumlah pelajar yang gagal setiap semester dan tidak dikeluarkan tetapi diletakkan di bawah taraf percubaan adalah lebih ramai iaitu di antara 5% hingga 10% setiap tahun. Punca kegagalan adalah berbagai termasuk kurang memberikan masa yang cukup kepada pelajaran akibat penglibatan yang melampau dalam aktiviti-aktiviti luar yang tidak berkaitan dengan pelajaran.

Buat masa ini kita belum mempunyai data yang lengkap, walau bagaimanapun kita dapat pelbagai maklumat bahawa di antara mereka lebih banyak menumpukan masa kepada kegiatan keagamaan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Ingin juga saya beritahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerja kursus bagi sesuatu kursus dibahagi kepada dua bahagian iaitu *assignment*, kerja kursus maksud saya dan peperiksaan. Di sinilah kita terdapat ramai daripada pelajar kita yang gagal itu tidak sempat memberi tumpuan kepada menulis *assignment* dan ini mengakibatkan markah mereka jatuh dan ramai daripada mereka kalau kita ambil dari segi markahnya iaitu markah *accumulative* tidak sampai dua point.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Soalan tambahan. Kalau kita melihat dari segi nisbah yang disebutkan tadi, nampak pada kita bahawasanya pelajar-pelajar universiti yang mengikuti usrah Tamrin, Qiamullail, Muqayyam dan sebagainya ini tidak begitu tinggi yang gagal ataupun tidak siap *assignment* mereka. Jadi, saya

ingin mendapat penjelasan daripada pihak Setiausaha Parlimen, apakah logiknya pihak universiti cuba menghalang daripada pelajar-pelajar mengikuti usrah tamrin, qiamullail, muqayam, relax dan sebagainya. Sedangkan apa yang disebutkan tadi ternyata bahawasanya mereka ini tidak tergolong daripada mereka yang ramai yang gagal kerana mereka ini juga tidak ketinggalan dari segi menyiapkan *assignment* mereka di universiti-universiti.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa ini pandangan saya. Tadi angka ataupun nisbah yang saya beri kepada Yang Berhormat, saya kira Yang Berhormat perlu ambil tahu. Kita ada dua perkara di sini. Satu, mereka yang gagal dan dikeluarkan daripada universiti. Ada lagi satu bahagian yang gagal tetapi masih diberi peluang. Misalnya kalau saya sebut tadi, katalah satu semester dia gagal, semester kedua, dia gagal, semester ketiga dia gagal, kita keluarkan dia. Tetapi lebih ramai kalau kita lihat mereka yang gagal tetapi masih diberi peluang. Tadi ada saya sebut 5% hingga 10% bayangkan daripada 277,083 yang ini mintalah matematik Yang Berhormat betulkan sedikit, maklumlah bulan puasa kita kadang-kadang *calculator* tidak betul, saya pun tidak bawa *calculator* di sini.

Mengenai dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa pihak kita cuba menghalang. Kita tidak menghalang apa kegiatan agama sekalipun tetapi pada pandangan kita, kita rasa kita letakkan perkara yang pertama sekali ataupun yang utama sekali ialah tumpuan kepada mata pelajaran. Sebab pada pandangan kita setiap pelajar yang datang khususnya pelajar dari luar bandar yang datang daripada Kelantan, yang datang daripada Terengganu, apakah mereka ini menggunakan masa yang begitu sepatutnya digunakan untuk menelaah mata pelajaran mereka, tiap-tiap malam usrah. Bayangkan tiap-tiap malam usrah dan ramai daripada mereka adalah daripada penuntut Melayu. Terus terang saya cakap, bukan kita tidak mengizinkan usrah, apatah lagi ada usrah-usrah yang dikendalikan oleh pihak parti-parti pembangkang. Pada mulanya ia merupakan usrah kemudian dia bertukar menjadi muzakarah parti. Inilah yang kita bimbang ramai daripada pelajar-pelajar kita menggunakan masa yang sepatutnya untuk menyiapkan *assignment*, telah ditukar untuk mengikuti usrah daripada 8.00 malam sehingga 12.30 malam. Bayangkan untuk selesaikan *assignment* dan *assignment* itu mesti disiapkan dalam jangka masa yang pendek dan setiap masa adalah berharga.

Jadi, saya berharaplah di sini saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada parti pembangkang marilah sama-sama kita menyeru *student* kita lebih menumpu masa untuk kursus dan yang lainnya kalau ada yang kelapangan, mereka boleh menghadiri usrah-usrah dan ceramah-ceramah agama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Satu lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa .....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** 10.10, 11.20 kan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Soalan jawab Lisan sudah tamat Yang Berhormat.

**[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN  
MALAYSIA (PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2001; dibawa di dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 Dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat]**

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B. 19 [Jadual] –  
Maksud P. 19 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian dibuka semula untuk dibahas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau menyambung ucapannya yang kita tangguhkan. Sila, ada 9 minit lagi Yang Berhormat, sila.

**11.10 pagi.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa hari yang pertama itu saya baru cakap dua ayat, Tuan Pengerusi. Dan saya menyambung ucapan hari ini di dalam B.19 - Kementerian Pertanian.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Sebagaimana yang saya sebutkan pada minggu lalu, kalau kita melihat kepada buku Belanjawan Persekutuan 2002 yang dibekalkan, Kementerian Pertanian mendapat peruntukan RM2,640,864,022. Sepanjang tujuh tahun saya berada di bangunan Parlimen ini Tuan Pengerusi, bersama membahaskan belanjawan dan mendengar rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat nadanya tidak banyak yang berbeza sama ada daripada pihak kerajaan lebih-lebih lagi pihak pembangkang. Setiap Ahli Yang Berhormat menyatakan tidak puas hati terhadap prestasi sektor pertanian. Namun amat sukar bagi kita untuk memberi cadangan yang membina kerana topik yang terkandung dalam sektor ini amat luas. Ruang lingkupnya dan *subject matter*nya, dengan izin, terlalu luas dan bersifat *multi dimension*. Dibetulkan di hulu, di hilir tercicir, ditumpukan di atas, di bawah tergelincir. Kita lihat sahaja dalam skop yang agak kecil di peringkat negeri.

Saya pernah menganggotai beberapa jawatankuasa di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Contohnya Ahli Majlis Mesyuarat MMK Agama ada dua agensi sahaja di bawah MMK Agama iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan Mufti. Kalau di bawah MMK Kemudahan Awam di peringkat negeri, agensi yang ada ialah JKR dan jempunan sekarang ini telah diswastakan Telekom dan juga TNB. Dalam MMK Pelancongan kita ada agensi yang mengendalikan pelancongan dan juga Jabatan Kebudayaan. Tetapi kalau kita lihat dalam MMK Pertanian, saya berada di dalam MMK Pertanian Negeri Perlis, ada 15 agensi yang dikendalikan oleh EXCO Kerajaan Bahagian Pertanian iaitu yang melibatkan pertanian, haiwan, perikanan, JPS, MADA, LPP, FAMA, Bank Pertanian, MARDI, FELDA, FELCRA, RISDA, MAJUIKAN, IADP dan juga BERNAS walaupun ia diswastakan tetapi masih lagi dijemput.

Ini menunjukkan bahawa ruang lingkup dalam Kementerian Pertanian ini begitu besar dan begitu luas. Ia adalah merupakan satu sektor yang penting sebelum sektor industri mengambil tempat utama dalam negara kita. Boleh dikatakan sekarang ini sektor pertanian ini kalau hendak diibaratkan macam isteri tua, bila sudah sekarang ini sudah ada isteri muda, walaupun isteri tua ini sebenarnya dahulu adalah yang menyara makanan kepentingan kepada negara, tetapi hari ini nampaknya tidak berupaya untuk menyinar sebagai satu sektor yang benar-benar dapat memanfaatkan dan juga memenuhi keperluan negara.

Saya masih ingat lagi semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila mengumumkan perubahan dasar-dasar baru dalam negara kita. Sebenarnya sektor pertanian masih lagi diminta dan masih lagi diperlukan untuk sama-sama bangun, sama-sama dimajukan walaupun kita mempunyai sektor perindustrian tetapi keperluan sektor pertanian sentiasa di bibir pemimpin pada waktu itu. Di manakah salahnya sehingga sektor ini hari ini terpinggir dan sektor ini hari ini tidak mampu dan juga tidak berupaya untuk memperlihatkan sesuatu pencapaian yang boleh kita banggakan dan boleh memuaskan hati.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan sama ada Dewan Negara yang saya pernah berada di sana dan juga Dewan Rakyat merasakan bahawa sesuatu perlu dilakukan untuk kita meningkatkan pencapaian dalam sektor pertanian terutamanya keperluan makanan negara.

Tuan Pengerusi, jika dirujuk dalam buku Belanjawan Persekutuan 2002, muka surat 355 hingga 395 saya dapati Butiran untuk B.19 – Bagi maksud Bekalan dan juga pembangunan, pernyataan program-program, kod serta keterangan jenis perbelanjaan amat mengelirukan. Belanjawan adalah merupakan pelan perkhidmatan ataupun rangka rancangan yang dicadangkan untuk tahun yang dimaksudkan. Jika perancangan program tidak kemas, bagaimana pelaksanaannya dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya ada beberapa persoalan apabila kita melihat daripada laporan yang saya sebutkan tadi, yang pertamanya adakah pihak kementerian memberi fokus kepada masalah-masalah yang sedia ada atau kelemahan-kelemahan yang sering dirungutkan oleh pelbagai pihak?

Yang kedua, saya ringkaskan Tuan Pengerusi, kerana saya mengejar masa, sebenarnya banyak yang ingin saya jelaskan melalui laporan yang tadi saya sebutkan memakan muka yang begitu banyak. Yang keduanya, mengapa dalam Belanjawan dalam tahun ini timbul dasar baru. Apakah ia merupakan projek baru bagi tahun 2002? Kalau kita lihat di dalam penyata ini melalui dasar baru, saya melihat bahawa peruntukan bagi tahun 2001, kosong, maknanya tidak ada diperuntukkan sebelumnya. Tetapi kita telah pun mencadangkan yang saya faham daripada laporan ini dasar baru yang berjela-jela banyaknya termasuk menyediakan mesin hemodialisis. Jadi, itu yang saya lihat bahawa fokus kita, perancangan kita dan bagaimana kita mengkaji, melihat masalah yang berlaku dan bagaimana kita hendak mengatasi masalah tersebut, sedangkan kita telah pun mengemukakan satu dasar baru dalam keadaan kita belum lagi dapat memantapkan dasar yang lama.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dengan dasar-dasar baru yang saya lihat di sini yang mana pada anggapan saya apabila dilihat di sini, tahun 2001 kosong peruntukan, bererti ia adalah merupakan satu program baru dan begitu *detail* program baru ini dicatitkan di sini. Saya melihat kementerian-kementerian yang lain tidak ada di dalam mengagihkan peruntukan menjelaskan setiap kepala dan tajuk peruntukan dengan begitu *detail* sekali. Saya ingin bertanya, adakah pihak

Kementerian Kewangan tidak ada kepercayaan kepada Kementerian Pertanian sehingga Kementerian Pertanian terpaksa *display* - dengan izin - ataupun memaparkan permohonan yang demikian rupa?

Saya mendapat sungutan dan rungutan daripada beberapa agensi di dalam Kementerian Pertanian yang mengatakan kekecewaan mereka apabila berhadapan dalam memohon peruntukan daripada pihak kerajaan. Saya pernah menyebutkan dalam Dewan ini di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, begitu juga dengan KADA di Kelantan yang mana infrastrukturnya dibina 20 tahun yang lalu.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara maju, apabila saya melawat Jepun baru-baru ini saya lihat kalau kita meletakkan kesalahan kepada petani-petani dan penanam padi misalnya, mereka tidak dapat meningkatkan pendapatan mereka, tetapi saya berpendapat dalam masa yang sama kita juga harus memikirkan bahawa infrastruktur yang kita bekalkan adalah *outdated* (ketinggalan zaman). Apabila dipohon saya dapat tahu daripada kajian yang saya buat cuma 10% atau 20% sahaja permohonan mereka diluluskan.

Saya rasa apa yang di sebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah - ini pertama kali dalam hidup saya, saya bersetuju dengan Kuala Kedah - memang benar apa yang disebutkan bahawa petani-petani, nelayan-nelayan dan juga mereka yang ada di akar umbi agak jauh daripada peringkat pentadbiran, mereka merasakan bahawa mereka dipinggirkan dan mereka menyatakan manifestasi tidak puas hati mereka dengan mengundi pembangkang. Itulah sebabnya pembangkang menang, bukan kerana mereka mempunyai prestasi yang baik. Kita berharap supaya kementerian akan melihat soal ini.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi, apakah peruntukan kepada petani-petani dalam kumpulan sasar tidak terjejas melalui belanjawan yang dibentangkan pada hari ini? Apabila saya membaca objektif Kementerian Pertanian yang di sebutkan di sini, saya tidak melihat ada di sebutkan petani di sini. Saya bacakan satu dua kerana saya tidak ada masa. Pertamanya menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam usaha untuk membantu meningkatkan pengeluaran makanan berskala besar. Yang kedua menyusun semula dan mengukuhkan institusi yang memberi perkhidmatan sokongan kritikal dan merealisasikan sistem pengeluaran. Sampai akhir saya baca, tetapi tidak ada petani di sebutkan secara khusus, padahal petani adalah kumpulan sasar dalam sektor pertanian yang selama ini telah pun memberikan sumbangan kepada pembangunan sektor pertanian itu sendiri.

Dan saya sekali lagi ingin bertanya kepada pihak kementerian - walaupun pernah saya kemukakan di dalam soal jawab Parlimen tempoh hari - di mana saya melihat Dasar Pertanian Ketiga dan juga dasar-dasar yang dibuat oleh kementerian hari ini agak terlalu menitikberatkan soal penglibatan swasta. Saya sebenarnya bersetuju dengan penglibatan pihak swasta, tetapi dalam masa yang sama saya ingin menekankan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maaf, Tuan Pengerusi. boleh bagi saya seminit lagi, Tuan Pengerusi. Saya hendak .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukup.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Dalam masa yang sama saya juga mengharapkan supaya petani kumpulan sasar dalam negara kita jangan kita tinggalkan dan jangan kita ulang kesilapan negara kita di mana penswastaan-penswastaan yang dilakukan akhirnya menjadi bebanan kepada negara.

Dan Tuan Pengerusi, ada dua perkara kalau saya tidak sebutkan di sini ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** ...dua perkara sahaja saya sebutkan secara cepat kalau dapat ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukup, cukup, cukup! Cukup, Yang Berhormat!

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih dan mungkin saya akan kemukakan secara bertulis kepada pihak kementerian dan saya harap kementerian akan ambil perhatian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ...

**Beberapa Ahli:** Aii...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan "aii" dulu, Yang Berhormat. [Sorak].

Oleh sebab kita mempunyai hanya tujuh hari lagi untuk menyelesaikan perbincangan di atas 21 kementerian, kita tidak ada jalan lain melainkan masa berbincang mengikut Peraturan Mesyuarat 66(6)(b). Oleh yang demikian, adalah diputuskan pada tiap-tiap hari kita kena menyelesaikan tiga kementerian. [Disampuk] Ahli Yang Berhormat, bagi Kementerian Pertanian saya akan memberi peluang dua hari, Yang Berhormat berucap lagi dan 6 orang ahli akan dibenarkan berbincang tiap-tiap satu kementerian yang lain. Dan jawapan daripada kementerian dihadkan bahawa tidak lebih 30 minit.

Keputusan ini terpaksa dibuat dengan kerana kita tidak boleh memanjangkan mesyuarat hingga ke malam atau menambah hari mesyuarat [Disampuk] oleh kerana rang undang-undang perbekalan ini kena dibentangkan dalam Dewan Negara untuk perbincangan di sana. Dewan Negara akan tamat mesyuarat pada 13 Disember 2001 untuk diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebelum tahun 2002. Oleh yang demikian, haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat faham di atas kemusykilan ini dan haraplah kerjasama dari ahli-ahli sekalian.

**Puan Chong Eng:** Saya rasa ini adalah keputusan yang kurang efektif dan kurang berkesan kerana kita memang tahu bahawa Dewan Negara akan bersidang dan perlu berbincang juga atas Budget ini. Mengapa pengurusan ataupun *planning* rancangan tidak dibuat lebih awal dan ....?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada masalah yang di luar dugaan kita.

**Puan Chong Eng:** Itu tiga hari sahaja dan saya rasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, saya harap mahu fahamlah dengan...

**Puan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi dapat dengar apa yang saya ingin cakap di sini terlebih dahulu bahawa Budget ini begitu besar amaunnya dan kerana pada peraturan kita boleh dapat memperuntukkan 18 hari untuk perbincangan dan kita hanya memperuntukkan 11 hari. Dan hari ini jumlah hari pun sudah disekat dan sekarang hendak kurangkan lagi. Saya rasa ini tidak adil kepada Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fahamlah, saya faham. Saya memang faham.

**Puan Chong Eng:** Saya mohon supaya kita dapat bermesyuarat pada waktu malam. Mengapa tidak boleh selepas puasa? Selepas buka puasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dan saya juga pohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat fahamlah masalah yang kita hadapi. Jadi, Yang Berhormat saya harap fahamlah. Saya memang faham masalah tetapi kerana juga perkara-perkara luar dugaan kita berlaku terpaksa pihak kami menggunakan peraturan mesyuarat itu untuk mengehendkan masa berbincang.

Yang Berhormat bagi Padang Terap.

11.22 pg.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]:** Jutaan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang ini kepada saya.

Dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh tentang butiran 070000 dan 080000. Dalam butiran 070000, jumlah wang sebanyak RM36 juta diperuntukkan kepada subsidi baja. Jumlah ini kurang sebanyak RM5 juta daripada tahun 2001. Saya

ingin tahu sebanyak manakah hasil padi yang dapat dihasilkan oleh para petani di negara ini pada tahun ini? Dan adakah ia cukup memuaskan sehingga membolehkan kerajaan memotong peruntukan subsidi baja sebanyak RM5 juta pada tahun 2002? Setahu saya para petani kita kini masih lagi merupakan petani tradisi yang berada pada tahap sara diri. Purata pendapatan petani di kawasan Padang Terap bagi setiap ekar hanya RM650 hingga RM790 sedangkan belanja mengurus bagi setiap ekar ialah RM720 termasuk subsidi baja. Ini bermakna bahawa tiada dari mereka orang yang dapat menjangkau ke tahap komersial dan jauh sekali untuk menjangkau ke tahap petani moden walaupun negara kita kini sedang menuju ke era negara maju menjelang 2020. Maka apakah rasionalnya kerajaan mengambil langkah untuk mengurangkan subsidi baja sehingga RM5 juta pada tahun 2002 sedangkan peruntukan subsidi baja pada tahun 2001 sebanyak RM141 juta tahap pencapaian mereka masih di takuk lama juga?

Tuan Pengerusi, apa yang lebih membimbangkan ialah keupayaan para petani kita bersaing dengan pengeluaran negara jiran selepas pelaksanaan AFTA. Kini ketika kerajaan masih mengenakan cukai import ke atas barangan luar seperti beras, ramai yang suka membeli beras Siam kerana kualitinya lebih baik dan rasanya lebih enak daripada beras tempatan. Beras Siam lembut dan wangi. Sebab itu orang lebih suka kepada beras Siam walaupun ia jauh lebih mahal. Cuba fikirkan apakah yang akan terjadi kepada beras tempatan selepas AFTA. Pada ketika itu para penjual nasi lemak pun akan menggunakan beras wangi Siam bagi menarik lebih ramai pelanggan. Apakah nasib yang akan menimpa para petani kita jika beras mereka tidak laku? Jika sekarang ini pun sudah banyak sawah-sawah terbiar akibat tiada pengusaha yang sanggup mengusahakannya kerana harga padi yang kurang memuaskan, apakah yang akan terjadi selepas AFTA? Tidakkah tanah-tanah sawah kita akan lebih banyak yang terbiar? Dan jika itu menjadi hakikat selepas AFTA, adakah tidak mungkin tanah-tanah tersebut khususnya tanah-tanah sawah yang terletak di kawasan-kawasan berhampiran dengan bandar atau pekan-pekan akan terlepas pula ke tangan orang asing jika ia ditawarkan dengan harga yang lebih menarik?

Hal ini telah banyak berlaku. Contohnya banyak sudah tanah-tanah sawah di Alor Setar, Langkawi, Melaka dan beberapa tempat yang lain kini telah bertukar menjadi taman-taman perumahan, sekali gus bertukar statusnya daripada resab Melayu kepada pegangan bebas. Andaian ini harus sentiasa dibuat agar orang Melayu tidak terus kehilangan hak.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada butiran 080000 melibatkan anggaran belanjawan sebanyak RM104, 947,300 diperuntukkan kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), lebih banyak RM2,027,500 daripada tahun 2001. Saya kira kadar tersebut munasabah kerana sektor penyelidikan adalah amat penting bagi mempertingkatkan pengeluaran pertanian negara. Cuma apa yang menjadi tanda tanya ialah tahap kemajuan yang telah dicapai oleh para petani desa kini. Sejauh manakah hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh MARDI selama ini dapat dimanfaatkan oleh para petani desa?

Dalam soal selidik saya kepada para petani Padang Terap, rata-rata mereka bersungut bahawa untuk memastikan hasil padi yang agak sempurna selain menggunakan baja, mereka juga terpaksa menggunakan berbagai-bagai jenis racun sekurang-kurangnya empat jenis racun iaitu racun benih, racun rumpai, racun serangga dan racun sambau. Sebenarnya penggunaan terlalu banyak racun merupakan usaha menggamit masalah lain bukan sahaja khusus kepada petani malah juga kepada alam sekitar. Sesetengah serangga seperti bena perang mungkin dapat dikurangkan dengan menggunakan racun serangga, tetapi selain itu terdapat pula musuh lain yang lebih mengancam iaitu sejenis cacing merah. Cacing ini mengancam pertumbuhan akar padi. Akibatnya anak padi yang diserang cacing tersebut menjadi kekuningan dan akhirnya reput. Pejabat-pejabat pertanian di daerah-daerah tidak mempunyai pegawai dan kakitangan yang mencukupi dan tidak mempunyai pegawai-pegawai penyelidik yang betul-betul pakar bagi membuat penyelidikan di ladang-ladang atau di sawah-sawah untuk membantu para petani meningkatkan hasil ladang ke tahap yang maksimum.

Bagi mengatasi masalah musuh tanaman yang sering dihadapi oleh para petani kita, bolehkah pihak MARDI membuat penyelidikan untuk minimumkan penggunaan racun dengan kaedah yang lebih selamat iaitu penggunaan kawalan biologi? Dan bolehkah mereka membuat baja organik sebagai menyumbang untuk

mengimbangkan langkah penggunaan baja kimia. Sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan supaya peruntukan penyelidikan ditambah mengikut keperluan.

Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang keadaan sebenar para petani di Padang Terap khususnya di Padang Sanai, DUN Kuala Nerang. Penduduk di sana terdiri daripada petani-petani miskin dan bekerja di kilang tebu yang dulunya adalah para petani. Pada tahun 1974, Kerajaan Kedah telah menubuhkan sebuah kilang di bawah Perbadanan Kerajaan Negeri Kedah (PKNK) atas tujuan untuk membantu rakyat Padang Terap keluar daripada paras kemiskinan. Hasrat dan cita-cita kerajaan itu sangat dialu-alukan oleh penduduk tempatan. Maka dengan rela hati 1200 orang petani Padang Terap dan Padang Sanai menyerahkan tanah yang telah diterokai masing-masing sejak turun temurun itu kepada kerajaan negeri untuk ditanam tebu demi semata-mata untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dan terlalu yakin kepada janji manis Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah yang menyatakan:-

- (i) Kerajaan akan memberikan tapak rumah berserta dengan 6 ekar kebun dan 4 ekar sawah;
- (ii) Kerajaan juga akan menggantikan kawasan padang ragut yang baru sebaik sahaja padang ragut yang sedia ada itu dijadikan ladang tebu; dan
- (iii) Kerajaan bersedia memberikan keistimewaan kepada anak-anak tempatan untuk bekerja dengan Syarikat Gula Padang Terap Berhad. Selama syarikat ini masih wujud para petani terbabit sanggup menerima ganti rugi yang sangat rendah semata-mata untuk mengharapkan perubahan yang berlaku.

Alhamdulillah setelah kilang gula dibina yakni sekitar tahun 1974, penduduk di sana dapat bekerja sebagai buruh dengan gaji sebanyak RM4 sehari. Sambil bekerja mereka menanti janji-janji yang telah diberikan itu dengan sabar. Setelah beberapa lama bersabar dan segala janji yang diberikan itu tidak menjadi kenyataan maka.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Ni dok gulunglah ni [*Ketawa*]....Mereka cuba meneroka semula kawasan-kawasan baru yang dikatakan tidak akan terlibat dengan projek tanaman tebu. Pada 14 dan 15 Ogos 1989, sebuah akhbar tempatan telah melaporkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah membuka ruang kepada Bahagian Mewah Sdn Bhd miliki saham berjumlah RM77 juta atau 71.96% ekuiti dalam Gula Padang Terap Bhd dan tidak lama kemudian Bahagian Mewah Sdn Bhd telah menjual pula saham tersebut kepada Sungai Besi Mines Malaysia sebanyak RM103.95 juta. Dengan itu bermakna bahawa dengan mudah sahaja Bahagian Mewah Sdn Bhd mengaut keuntungan yang sangat besar sedangkan rakyat yang telah lama berkorban terus menjadi buruh. Untuk meneruskan hidup mereka cuba mengusahakan beberapa kawasan baru yang dipercayai tidak akan terlibat dengan projek.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukup Yang Berhormat

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Sebagai ringkasnya pada 16 Oktober 2001 Gula Padang Terap telah mula memberhentikan pekerjaannya. Setakat ini 161 pekerja telah dibuang dan dijangka akhir Januari 2002, 39 orang lagi akan dibuang seterusnya pada April 2002, 84 orang lagi akan dibuang, pekerja-pekerja yang dibuang kerja tidak ada pilihan lain selain daripada kembali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Ya, menurut Sri Gading *UMNO is everything* dengan izin, dalam kes ini UMNO hanya melihat 'Si Luncai terjun dengan labu-labunya, biarkan biarkan,' terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam dan selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

**11.32 pagi**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Dato' Pengerusi yang memberi peluang untuk saya berucap, ini merupakan peluang yang semakin susah untuk mendapat. Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 19 di bawah 17100,17119,171201,17121 dan sampai 17135 iaitu mengenai peruntukan untuk Rancangan Tebatan Banjir di negeri-negeri.

Saya ingin bertanya mengapa peruntukan untuk Kedah telah diberi tambahan lebih kurang 4 kali ganda daripada RM27 juta kepada RM116 juta tetapi untuk negeri Pulau Pinang daripada RM25 juta dikurangkan sampai RM19 juta sahaja dan untuk negeri Selangor juga peruntukan diberi, ditambah dua kali ganda daripada RM50 juta kepada RM112 juta dan mengapa juga peruntukan untuk Wilayah Persekutuan untuk tahun lepas dan tahun ini adalah terbanyak sekali berbanding dengan semua negeri-negeri yang lain? Saya ingin mendapat penjelasan untuk negeri Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Ke-8 negeri Pulau Pinang telah memohon sejumlah 16 program iaitu seperti di bawah;

- Rancangan Tebatan Banjir Perbandaran Pulau Pinang RM15,600;
- Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rambai RM7, 000, 000;
- Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jejawi dan Sungai Junjor RM200,000;
- Rancangan Tebatan Banjir Nibong Tebal RM5,000,000;
- Rancangan Tebatan Banjir Sungai Perai RM40,000,000.

Inilah ialah projek sambungan dan untuk projek baru;

- Rancangan Tebatan Banjir Perbandaran Pulau Pinang RM50,000,000;
- Rancangan Tebatan Banjir Bayan Lepas RM5,000.00;
- Rancangan Tebatan Banjir Weldore RM22,000,000;
- Rancangan Tebatan Banjir Bertam Kepala Batas RM67,000,000;
- Rancangan Tebatan Banjir Auma Juru RM33,000,000;
- Untuk Juru Rambai, RM4,000,000;
- Junjor Jejawi RM7,000,000;
- Bukit Mertajam RM71,000,000;
- Butterworth RM68,000,000;
- Sungai Rambai RM134,000,000; dan
- Sungai Junjung 108,000,000.

Jumlah ialah 621,000,000 tetapi yang diluluskan hanya 55,000,000 iaitu lebih kurang 9% sahaja dan ini merupakan menurut Kerajaan Pulau Pinang peruntukan yang begitu sedikit daripada Kerajaan Pusat merupakan sebab yang utama mengapa masalah banjir di Pulau Pinang tidak dapat diselesaikan dalam 20 tahun kebelakangan ini.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bahawa peruntukan untuk Pulau Pinang ialah sebanyak RM77.825 juta tetapi dikurang dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada RM55 juta sahaja. Apakah sebabnya saya rasa Timbalan Menteri Pertanian pun daripada negeri Pulau Pinang dan memang sedar apabila ada banjir beliau Yang Berhormat pergi juga memantau bagaimana seriusnya tetapi mengapa peruntukannya begitu kurang dan semakin berkurangan tetapi untuk Wilayah Persekutuan untuk negeri Selangor, untuk Kedah begitu ketara bahawa pengagihan peruntukan ini tidak sama rata dia dipentingkan kepada Kedah. Walaupun saya mengalu-alukan supaya kalau mereka perlu diberikan tetapi dia perlu diagih lebih sama rata supaya masalah banjir di Pulau Pinang juga diselesaikan.

Yang kedua saya ingin merujuk kepada projek itik iaitu 21900 dan juga 10870 pembangunan semula pusat latihan ternakan ayam Melaka. Saya difahami bahawa ternakan ayam, ternakan itik dan ternakan khinzir semakin susah bersaing dengan negeri-negeri yang berjiranan. Ia akan menghadapi masalah yang lebih besar lagi

kalau AFTA dan WTO dijalankan. Jadi saya ingin tahu, apakah perusahaan ataupun apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian supaya untuk meningkatkan lagi daya saingan industri-industri ini.

Saya ingin juga merakamkan kekecewaan saya kerana Dewan yang mulia ini tidak dapat berjalan seperti normal, saya tidak pasti sama ada ini kerana bulan puasa ini. Kalau ini kerana bulan puasa saya ingin memperingatkan bahawa dalam era globalisasi ini, kita perlu meningkatkan produktiviti untuk meningkatkan daya persaingan dan dunia lain tidak akan menunggu walaupun pada bulan puasa dan saya rasa bahawa tidak ada sebabnya kita tidak boleh melanjutkan mesyuarat pada waktu malam selepas buka puasa kerana kita di Dewan yang mulia ini perlu menunjukkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah ini...ok cukuplah...dalam peringkat Jawatankuasa...

**Puan Chong Eng:** ...Satu contoh yang baik supaya kita menunjukkan bahawa Dewan yang mulia ini dapat menjalankan kerja seperti biasa walaupun dalam bulan puasa. Kita menunjukkan satu contoh yang baik ini di dalam hawa dingin, bagaimana dengan petani, dengan nelayan yang bekerja di bawah matahari yang panas? Jadi saya rasa kita perlu mengingatkan bahawa dalam globalisasi ini walaupun kita puasa, kita perlu bekerja dan dapat menjalankan kerja seperti biasa ataupun lebih baik lagi meningkatkan produktiviti, lebih baik lagi. Itu sahaja...untuk rakyat...ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar]:** Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Salam Sejahtera Dato' Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya faham banyak ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian tapi disebabkan kesuntukan masa.

Saya hendak jawab tentang Bukit Mertajam ini, kita bulan puasa, malam kita hendak pergi sembahyang tarawih. Yang Berhormat tidak faham, malam kita sembahyang tarawih. Mungkin Yang Berhormat sudah kawan lama dengan PAS dulu, PAS tidak terang dan tidak beritahu. Saya ingat ini soal pada waktu malam pada bulan puasa kita disuruh memperbanyakkan amalan. Hanya bulan puasa sahaja ada sembahyang tarawih bulan lain tidak ada. Saya rasa ini satu kegagalan PAS yang tidak memberi penerangan kepada DAP..[Disampuk] betul!...Ini masalah serius, jangan bangkit isu ini, kalau tidak faham tentang Islam jangan cuba cakap. Ini soal saya bagi nasihat, ini benda serius, sembahyang tarawih hanya ada dalam bulan Ramadhan, *the only month* dalam 12 bulan saya minta maaf, saya ingat kawan-kawan saya macam Yang Berhormat daripada... sudah terang tadi, mungkin ada daripada Jerlun, daripada Pokok Sena sudah terang pasal bulan puasa ini. Kita sembahyang tarawih, dia tidak faham kot. Daripada Tanah Merah tidak terang, dia pergi tarawih.

**Puan Chong Eng:** Dato' Pengerusi. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, kalau dia katakan kegagalan PAS mengapa tidak dikatakan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional? Memang 'Kerajaan Nasional' mengatakan bahawa Malaysia ini sudah menjadi sebuah negara Islam dan ada banyak rancangan di TV dan radio. Mengapa tidak mengadakan rancangan supaya diberitahu bahawa di dalam bulan ini ada sembahyang waktu malam. Seterusnya saya ingin bertanya adakah semua menteri ataupun Yang Berhormat juga sembahyang sahaja dan tidak buat kerja yang lain dan adakah ini diperlukan untuk – saya harap kalau dalam bulan ini hendak ajak orang lain pun juga dengan lebih elok sikit supaya orang lain pun dapatlah menjunjung sama kepada agama Islam bukan dengan secara yang kalau tidak tahu jangan berucap ataupun bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ....Kalau tidak tahu silalah tunjuk ajar, tidak perlulah bersikap macam ini.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, kawan-kawan kita daripada MCA, Gerakan, MIC lain-lain parti yang bukan Islam, faham. Umumnya orang bukan Islam faham dalam bulan puasa, orang Islam akan ke masjid untuk sembahyang

tarawih, di surau, di masjid, Yang Berhormat saja-saja tidak faham hendak menunjukkan Yang Berhormat ini kerja kuat. Jangan pura-pura tidak faham, jangan pura-pura tidak faham, ini benda yang sensitif, jangan anggapkan kata bulan puasa orang Islam ini tidak produktif, bulan puasa orang Islam ini tidak rajin bekerja. Itu satu persepsi yang salah, saya harap Yang Berhormat boleh belajar dari kawan-kawan lama, kawan PAS.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cukuplah.

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Saya ingat saya sudah beri peluang pada dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah sebab ada masa untuk jawapan bagi Kementerian Pertanian. Cukuplah.....

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Dato' Pengerusi, Dato' Pengerusi

**Puan Chong Eng:** ..... lalah walaupun berpuasa perlu bekerja sebagai biasa bukan saya yang anggap itu, itu yang....*[Disampuk]*

**Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar:** Dato' Pengerusi.....

**Tuan Pengerusi [Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi Timbalan Menteri telah menerangkan kegiatan untuk kaum Muslim selepas buka puasa dan apakah kegiatan mereka itu telah diterangkan dengan jelas, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Ya, ya saya faham tapi janganlah..... *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** .....Dengan cara yang elok

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Betul, saya cakap dengan elok, saya terangkan dengan betul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Yang Berhormat anggap cakap yang elok tetapi kepada saya ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bagi saya tadi Timbalan Menteri telah memberikan satu gambaran dengan cara yang terang dan baik.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Ya betul, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya selaku Wakil Rakyat, saya pun sentiasa dijemput untuk mengambil bahagian berbuka puasa dengan rakyat saya di kawasan, adalah. Hanya saya tidak boleh tunjuk ajar sebab saya bukan muslim, saya tidak dapat tunjuk ajar. Saya faham ada kegiatan seumpama itu. Ya Timbalan Menteri teruskan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, kerajaan telah mengumumkan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan bahawa sektor pertanian akan menjadi, dengan izin, *third engine of growth* bagi ekonomi negara di masa depan di samping sektor pembuatan dan perkhidmatan. Jadi, kita nampak jelas bahawa sektor pertanian akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita. Harapan saya kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya berilah sedikit masa kepada Kementerian Pertanian untuk kita menjalankan tugas kita dengan tujuan untuk hendak buat transformasi dalam sektor pertanian negara hendak menjadikan sektor pertanian lebih moden, dibangunkan dengan berskala besar-besaran, dengan menggunakan teknologi moden supaya pengeluaran dapat ditingkatkan dan sudah tentu para petani, penternak dan peladang akan mendapat.....

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis bangun.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** ...Pendapatan - sekejap Yang Berhormat ya ....yang lebih banyak lagi.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat tertarik hati dengan memodenkan sektor pertanian. Jadi, kalau kita berhasrat untuk memodenkan sektor pertanian ini, tindakan dan rancangan kita mestilah selaras dengan matlamat kita. Tetapi Yang Berhormat, apa yang saya dapati di kampung-kampung, peralatan untuk pertanian ini masih lagi menggunakan peralatan yang lama. Saya ingat pada pertengahan tahun 70-an, ketika itu di Hulu Tembeling, Kampung Bandar, belum ada jalan raya lagi, masih menggunakan bot, tetapi pada ketika itu Yang Berhormat Menteri Pertanian bawa traktor dengan helikopter pergi ke Hulu Tembeling pada tahun 70-an, *middle of 70's*. Tetapi pada masa ini saya tengok traktor masih tidak digunakan lagi. Di tempat saya, saya tengok para petani yang berkebun untuk buat jagung dan sayur-sayuran masih menggunakan cangkul. Pengalaman saya dengan Jabatan Pertanian umpamanya saya hendak buat sistem *sprinkler system* di satu kawasan buah-buahan yang 100 ekar lebih.

Sudah empat tahun saya selalu membangkitkan dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah umpamanya masih belum dapat dilaksanakan sebab mesin untuk menyambung paip dipanggil *beg future*, tidak ada. Saya difahamkan bagi seluruh negeri Pahang mesin *beg future* ini ada dua buah sahaja, sedangkan projek berkelompok pertanian yang memerlukan sistem perairan air titis atau *sprinkler* beratus-ratus buah. Jadi, kita tidak *update*, tidak memperbanyakkan peralatan-peralatan moden. Jadi, saya harap kepada Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri, kita kena perbanyakkan benda yang lebih moden, jentera-jentera, peralatan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya daripada Lipis, kita ambil perhatian dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, kita ambil kira keperluan-keperluan tersebut.

Tuan Pengerusi, isu utama yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan peranan FAMA dalam aktiviti pemasaran hasil pertanian. Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini FAMA sedang disusun semula di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Kita .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Aik, tidak sempat cakap lagi....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta laluan sebelum FAMA tadi mengenai dasar untuk meningkatkan sektor pertanian. Saya ucapkan terima kasih di atas komitmen yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi saya melihat dari segi sektor pertanian ini kalau kita bandingkan dengan tempat-tempat yang lain pertamanya dari segi undang-undang. Saya rasa sektor pertanian kita dari segi undang-undang, saya ambil contoh Jepun, dia ada *the basic law of food agriculture and rural areas*, macam-macam ada dalam itu dan dasar-dasarnya juga ada *General Food Policy Bureau, Agriculture Production Bureau, Management Information Bureau, Rural Development Bureau* dan pelbagai peraturan, tetapi saya rasa kita terkebelakang dari segi itu. Saya harap Kementerian Pertanian juga akan melihat dalam soal ini.

Yang keduanya, semangat pegawai-pegawai kita. Saya lama dalam sektor pertanian dan hari ini masih melihat lagi perjalanannya. Pegawai-pegawai pengembangan kita di peringkat bawah, sekarang ini semangatnya telah pun tidak sebagaimana pada masa yang lalu. Kalau dahulu helikopter bawa enjin dan sebagainya, kita dapati ini berlaku dan ia jelas kerana UPM sendiri telah menukar Universiti Pertanian kepada Universiti Putra meninggalkan pertanian. Mereka yang ada dalam bidang pertanian ini pun dari segi kebajikan mereka, misalnya ada satu kertas kerja yang saya akan beri pada Yang Berhormat nanti. Rintihan juruteknik pertanian, veterinar dan juga pegawai-pegawai pengembangan yang penting menjalankan tugas di peringkat akar umbi tidak terbela. Mereka hari ini ada di pejabat tetapi sebahagiannya bukan oleh rakan-rakan yang lain. Tadi saya dengar Padang Terap mengatakan sepatutnya perkara itu tidak berlaku. Kita ada pegawai-pegawai di kawasan tetapi mereka tidak lagi bersemangat hari ini dan saya harap Kementerian Pertanian akan mengkaji kenapa ini berlaku?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ingin saya mengingatkan masa jawapan juga dihadkan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya sudah tidak beri jalan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dalam perhatian kementerian, kita sedang mengambil tindakan yang sewajarnya. Kita faham masalah itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung bahawa kita akan menyusun semula FAMA di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini dengan kita memberi penekanan kepada lima perkara penting. Yang pertamanya, kita hendak mewujudkan yang kita namakan sebagai terminal makanan (Teman). Terminal makanan ini yang berfungsi seperti juga pasar borong yang akan kita adakan pada mulanya kita akan adakan di empat buah negeri iaitu yang akan kita adakan di Ipoh, Kota Bharu, Johor Bahru dan Alor Setar. Di bawah konsep yang saya namakan tadi Teman, kita akan mengumpulkan sebagai saluran untuk mendapatkan pengeluaran dan daripada situ kita akan edarkan kepada saluran-saluran pemasaran yang terdapat di dalam negara kita.

Yang kedua, kita akan mewujudkan apa yang kita namakan sebagai *agri-portal* ataupun risikan pasaran yang berkaitan dengan pengeluaran, permintaan, mengenai dengan harga dan sebagainya. Yang ketiga, FAMA akan memberi perhatian kepada apa yang kita namakan sebagai, dengan izin, *advertisement and promotion* (A&P) di mana FAMA akan memainkan peranan .....

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [Bangun]**

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak habis lagi, hendak cerita lagi Yang Berhormat. Kita akan memainkan peranan untuk menjalankan branding, akreditasi dan kita akan mengeluarkan produk di atas satu jenama yang kita akan namakan sebagai Malaysian Best. Jadi, mana-mana pengeluaran yang mendapatkan akreditasi dengan jenama Malaysian Best ini, kita akan bekerjasama dengan pengeluar dan bekerjasama dengan semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dalam bidang ini.

Yang keempat, di bawah A&P tadi - pengiklanan dan promosi, kita juga akan mengadakan pesta buah-buahan secara besar-besaran di bandar-bandar besar dalam negara kita di bawah program untuk menggalakkan rakyat makan buah-buahan tempatan. Saya ingin menyebut perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Kuala Kedah. Dia kata buah cempedak itu bagi lembu makan, di Kuala Kedah, di Padang Terap mungkin di Jerlun. Jadi, yang lembu makan itu, memanglah orang pun tidak mahu beli yang itu sebab itu kena bagi lembu makan. Buah cempedak itu bukan jenis kualiti yang boleh dipasarkan, bukan semua buah cempedak itu boleh dipasarkan. Kalau kita beli buah cempedak, kita belah buah itu, kita tengok tidak ada biji, banyak yang kita panggil jerami itu sahaja, sudah tentu yang itu sesuai untuk makanan ternakan.

Jadi, FAMA akan mengambil tindakan untuk mengadakan promosi pesta buah-buahan di bandar-bandar besar dengan tujuan untuk menggalakkan rakyat makan buah-buahan tempatan. Yang nombor empat kita adakan satu yang kita katakan *smart partnership* ataupun perkongsian pintar bersama-sama dengan *hyper-market*, pasar raya yang besar-besar seperti TOPS, GIANT, CARREFOUR, JAYA JUSCO dan sebagainya di mana FAMA akan mengumpul keluaran-keluaran pertanian ini, kita akan adakan di *city center* kita, daripada situ kita akan terus menghantar ke *hyper market-hyper market* yang berkenaan. Dan yang akhir sekali FAMA akan mengadakan kita punya *outlet* sendiri yang sedang berjalan iaitu seperti pasar tani yang sedia ada di mana kita akan *upgrade* dengan izin, kita akan tingkatkan lagi supaya ia merupakan kawasan yang berkekalan, tidak lagi berpindah-randah dan diperlengkapkan dengan beberapa kemudahan lagi.

**Tuan Zawawi bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya rasa rancangan-rancangan dibuat kalau setakat dalam negeri, tidak ke mana sebab sudah lama kita buat itu tetapi tidak sampai ke mana. Kenapakah tidak kita menerokai pasaran luar negara, misalnya Siam itu tiap-tiap minggu kalau masa rombongan dihantar pergi.

Orang Arab kalau tengok rambut, kulit pun dia hendak telan. Jadi oleh kerana itu, lakunya buah-buahan tempatan itu, belimbing umpamanya paling digemari oleh rakyat di Timur Tengah. Kenapakah kita hanya untuk dalam negeri sahaja yang kita tahu kalau setakat dalam negeri tidak sampai ke mana, keadaan ini akan terus seperti itu. Saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, kita bukan sahaja tumpu tentang soal pasaran dalam negeri, kita juga meneroka pasaran di luar negara. Itu juga dibuat oleh pihak FAMA. Jadi, saya ingat Yang Berhormat jangan salah faham bahawa penekanan hanya untuk pasaran dalam negeri. Kita juga ingin menjadikan Malaysia sebagai pengeksport makanan suatu hari, tetapi janganlah Yang Berhormat mengharapkan dalam tempoh yang singkat kita boleh menjadi *exporter of makanan*, beri masa kepada kementerian, insya-Allah, sekarang ini kita sedang bergerak, menurus ke arah menjadikan negara kita sebagai bukan sahaja pengeluar makanan yang cukup untuk keperluan rakyat, tetapi satu masa kita juga boleh menjadi pengeksport makanan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Kota Melaka berhubung dengan pampasan wang kepada penternak babi yang terlibat dengan wabak Japanese Encephalitis. Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, baki peruntukan sebanyak RM17.6 juta itu akan diagihkan mengikut nisbah yang ditentukan secara adil dan saksama dan mereka ini akan dapat sebelum Tahun Baru Cina 2002. Jadi, mereka akan dapat dan kita sedang proses. Ini memakan masa disebabkan ada masalah yang tidak dapat diselesaikan mengenai dengan angka, jumlah babi yang dituntut oleh pihak berkenaan dengan angka yang ada di jabatan. Jadi, saya yakin perkara ini dapat diselesaikan dan kita akan bayar sebelum Tahun Baru Cina 2002. Saya harap Yang Berhormat puas hati, ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Hmm, sila, sila Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan memakan masa begitu panjang untuk kementerian membayar oleh kerana dahulu memang kementerian telah bayar sebanyak RM137 juta. Kalau kita mengikut senarai yang sedia ada, saya tidak nampak, apakah masalahnya? Jadi, boleh jelaskan, apakah sebenarnya masalah baru yang telah timbul?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya telah terangkan tadi masalah dia, tentang bilangan babi yang dimusnahkan dan sebagainya. Itu memerlukan satu penyelarasan. Walau bagaimanapun, bayaran itu akan dibayar sebelum Tahun Baru Cina.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada 13 minit lagi Yang Berhormat, ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Saya ingin menyentuh masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Beluran mengenai dengan aktiviti penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan terutama sekali di Sabah.

Kita memandang serius aktiviti penangkapan ikan dengan menggunakan bahan letupan. Saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, di mana di bawah peraturan yang sedia ada, di bawah Akta Perikanan yang sedia ada, kita tidak boleh ambil tindakan. Walau bagaimanapun, proses untuk meminda Akta Perikanan ini sedang berjalan. Di bawah pindaan ini, kita akan menyediakan peruntukan, barang siapa yang memiliki ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan, sama ada ia miliki atau dijual, ditangkap, mereka ini akan dikenakan hukuman. Kita mencadangkan hukuman sehingga denda RM20 ribu. Tindakan ini memerlukan kerjasama bukan sahaja daripada Jabatan Perikanan tetapi kerjasama daripada agensi penguatkuasaan yang lain termasuk bahagian keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian mengambil maklum akan masalah penternak-penternak udang harimau di Sabah. Kementerian sudah mengambil

langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini. Di antaranya, melatih Pegawai Perikanan Sabah di Semenanjung di Institut Perikanan Pulau Pinang untuk menganalisis penyakit dan seterusnya latihan diberi kepada penternak melalui kursus dan seminar, mengambil tindakan bagi menghantar sampel udang berpenyakit untuk dianalisis, memberi khidmat nasihat dan lain-lain bantuan yang diperlukan dari segi pasaran, lazimnya harga turun naik mengikut permintaan pasaran. Strategi dan ujian ini ialah dengan menurunkan kos pengeluaran.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi kawasan Kinabatangan telah menyentuh isu berkaitan usaha-usaha kementerian untuk mengurangkan nilai import makanan negara dengan mengusahakan tanah terbiar.

Tuan Pengerusi, kementerian sudah berusaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara supaya input makanan dapat dikurangkan. Salah satu aktiviti yang dijalankan ialah pembangunan tanah terbiar. Sehingga tahun 2000, Kementerian Pertanian telah membangunkan sejumlah 27,762 hektar tanah terbiar melalui projek-projek berkelompok. Dengan peruntukan sedia ada, kementerian bercadang untuk membangunkan lebih kurang 2,000 hektar tanah terbiar di bawah Rancangan Malaysia Kelapan iaitu lebih kurang 500 hektar setiap tahun.

Jadi, mengenai keluhan kononnya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, pegawai-pegawai, Ketua Pengarah tidak turun ke padang, saya ingin nyatakan bahawa kita sebenarnya mengamalkan satu pendekatan di mana Menteri telah mengarahkan kita semua turun ke padang, mesra tani, mesra peladang, mesra nelayan. Di tiap-tiap minggu, kita turun ke padang untuk melihat.....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Hulu Terengganu bangun, ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:**.....Mengenai dengan masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasar.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berasa bangga dengan rancangan untuk meningkatkan pengeluaran makanan tetapi saya rasa terkilan sedikit kerana di antara rancangan yang kerajaan buat ialah berkenaan dengan ternakan lembu dengan cara *feed lot*. Apa yang kita rasa sedih, pada tahun 2001 ini, bagi negeri Terengganu, peruntukannya telah ditarik balik. Saya difahamkan lebih daripada RM60 ribu untuk ternakan *feed lot* ini telah ditarik balik oleh kementerian dengan alasan-alasan yang kita rasa tidak munasabah.

Jadi, kalau selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan termasuk dengan pertanian dan juga ternakan ini, saya rasa ini satu perkara yang baik diteruskan dan kita galakan petani-petani kecil kita dan kita bagi apa yang saya difahamkan sebelum daripada ini, diberikan enam ekor bagi setiap keluarga untuk dibuat projek kecil, *feed lot* ini tetapi yang menyedihkan bagi tahun ini, negeri Terengganu peruntukan RM60 ribu telah ditarik dengan alasan yang kita rasa tidak munasabah. Saya minta sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya ingat program untuk aktiviti ternakan lembu secara *feed lot* kita jalankan di Terengganu, di bawah program Wang Ehsan ada program *feed lot* yang dijalankan. Yang Berhormat kata kita tarik itu tidak betul, ya, masih berjalan.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Hulu Terengganu bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalankah tidak? Yang Berhormat, ada beberapa minit lagi, tidak lama dah.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak banyak dah. Saya ingat, cukup saya jawab Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ada tujuh minit lagi, ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Lagi tujuh minit lagi. Saya minta maaf. Tuan Pengerusi, saya..... [Disampuk] Nanti kita bercakap di luar pun, tidak apa.

Tuan Pengerusi.....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, dia tidak bagi jalan, ya.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Mertajam, minta menjelaskan mengapa peruntukan rancangan tebatan banjir negeri Kedah, negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah diberi pertambahan manakala peruntukan bagi Pulau Pinang dikurangkan?

Saya daripada negeri Pulau Pinang, saya faham kenapa dikurangkan? Sebab banjir daripada Pulau Pinang ini, puncanya daripada negeri Kedah. Betul, puncanya daripada negeri Kedah. Jadi, kita hendak kena selesai daripada peringkat punca, ya. Punca daripada negeri Kedah, maka kita terpaksa memberi peruntukan yang lebih untuk menyelesaikan masalah di punca, kawasan Padang Terap, kawasan Baling, kawasan inilah punca banjir, mai turun ke Pulau Pinang, masuk kawasan Tasik Gelugor, apa semua. Jadi, sebab itu peruntukan negeri. Di Bukit Mertajam pun, bila kita selesai masalah, beri peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir di negeri Kedah termasuk di kawasan Bukit Mertajam juga, saya rasa keadaan banjir itu akan dapat kita tangani.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi kawasan Padang Terap ada membangkitkan tadi masalah harga padi. Katanya, hasil padi rendah yang dikeluarkan oleh petani disebabkan oleh banyak faktor seperti benih padi, pengurusan ladang, infrastruktur, amalan pertanian, penggunaan baja yang rendah. Jadi, kerana itu hasil padi akan jadi kurang. Jadi, untuk meningkatkan hasil padi, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan. Penyelidikan dan pembangunan *variety* padi yang boleh menghasilkan sehingga 10 tan. Kajian tentang penyakit dan mengeluarkan secara besar-besaran. Jadi, pembinaan semula perparitan dan sebagainya. Jadi, pihak.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Pokok Sena bangun, ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Bercakap soal padi ini, baru-baru ini, kalau tidak silap ingatan saya pada 12 November baru-baru ini, iaitu satu mesyuarat pengilang-pengilang padi di negeri Kedah bersama dengan MADA dan juga pihak kawal selia padi. Mesyuarat tersebut diadakan di Hotel Sentosa Alor Setar dekat Masjid Zahir. Antara yang diperbincangkan, macam ada satu persetujuan yang telah dicapai antara pihak-pihak ini termasuk MADA dan juga pihak kawal selia iaitu kemungkinan pada musim padi yang akan datang ini, pada bulan Disember ataupun bulan Januari ini, pihak pengilang kemungkinannya akan memotong ataupun mengurangkan insentif harga kepada petani-petani padi. Sekarang ini, insentif diberikan RM5 kepada setiap 100 kilo padi. Ia menjadikan harganya menjadi RM60.

Harga ditetapkan oleh kerajaan ialah RM55, kemudian insentif yang diberikan oleh pengilang sebanyak RM5. Ini, ekoran kata mereka, bahawa masalah kejatuhan harga beras tempatan sebanyak RM1,150 sehingga RM1,180 metrik tan. Ini berpunca daripada lambakan beras luar sekarang ini sehingga berlarutan, sehingga sekarang begitu banyak dan dikatakan bahawa jika ini berlaku, iaitu soal pengurangan ataupun penghapusan insentif padi dan kemudiannya penguatkuasaan permutuan padi yang akan dibuat secara baru ini, dijangka bahawa petani-petani akan kerugian antara RM50 hingga RM120 setiap tan metrik dan ini saya kira bahawa suatu yang sangat tidak menguntungkan.

Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memastikan pendapatan petani ini tidak berkurangan dalam keadaan petani terpaksa menanggung kos hidup yang meningkat ekoran daripada kenaikan harga barang dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tuan Pengerusi, kerajaan telah menetapkan harga jaminan RM550, itu harga jaminan. Pada masa sekarang, para petani, harga yang ditawarkan oleh pengilang lebih daripada RM550. Di samping itu, ditambah sebanyak lebih kurang RM228 sebagai subsidi harga padi. Dari segi jaminan kerajaan, bahawa harga padi

tidak boleh kurang daripada RM550. Alhamdulillah, sekarang ini harga yang ditawarkan lebih daripada RM550, tidak pernah berkurang daripada RM550. Malahan ada sesetengah kilang-kilang yang menawarkan sehingga RM700. Dari segi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan insentif yang diberikan ini, terletak kepada pihak pengilang-pengilang. Insentif ini terletak kepada pengilang. Oleh kerana pengilang ini memerlukan padi, jadi diberi insentif-insentif tertentu dengan tujuan untuk memberi tarikan supaya pengilang-pengilang ini mendapat padi bagi membolehkan operasi pengilangan beras dapat berjalan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Macam mana? Saya bagi masa lagi dua minit.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tidak perlu, saya sudah hendak tutup Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya bagi masa lagi dua minit.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Dua minit? Tuan Pengerusi, jadi akhir sekali mengenai dengan soalan Yang Berhormat bagi Arau yang membuat tanggapan bahawa kementerian hanya mementingkan pihak swasta dalam membangunkan sektor pertanian, ini suka saya sebutkan tidak betul. Kita dalam memajukan sektor pertanian negara kita, kita ingin mengajak penglibatan pihak swasta bersama-sama. Kalau hendak mengusahakan secara besar-besaran, berskala besar, dengan modal yang banyak, jadi dengan pengeluaran yang lebih, maka sudah tentu pihak swasta yang boleh memainkan peranan. Jadi tidak betul kalau kita mengatakan kita meninggalkan para petani tradisional.

Dalam kita punya sistem provisi pertanian, perhatian perlu kita berikan untuk memajukan sektor pertanian dengan memodenkan, meningkatkan daya saing, dan dengan lebih menarik. Sehubungan dengan itu sektor swasta perlu untuk menerajui dalam segi *investment*. Kementerian juga akan memperbaiki dan memodenkan para petani tradisional – kementerian akan menggabungkan petani moden dengan pihak swasta untuk sama-sama maju dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Kementerian sentiasa memikirkan kumpulan sasar Kementerian Pertanian, iaitu petani, pentemak dan nelayan. Ini dapat dilihat kerana kementerian menggalakkan hari khas para petani iaitu Hari Petani, Pentemak dan Nelayan yang diadakan pada setiap tahun.

Oleh yang demikian kementerian tidak akan melupakan matlamat utama kementerian iaitu untuk membantu para petani, para penternak dan para nelayan. Dalam masa yang sama kita memerlukan penglibatan pihak swasta dalam memodenkan sektor pertanian dalam negara kita supaya pengeluaran makanan dapat ditingkatkan supaya kita dapat menjamin keperluan makanan untuk rakyat cukup dan dalam masa yang sama pada satu hari nanti negara kita boleh jadi pengeksport bahan makanan. Tuan Pengerusi ..

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Sekali lagi saya ucapkan terima kasih, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak sempat jawab insya-Allah kita akan ambil perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,316,155,772 untuk Kepala B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,316,155,772 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,324,708,250 untuk maksud P.19 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,324,708,250 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.20 [Jadual] –  
Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 2002] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Saya akan membenarkan enam orang sahaja mengikut sebagaimana keputusan yang dibuat tadi. Ya, Yang Berhormat bagi Tambun.

12.20 tgh.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Penggalakan Perdagangan Antarabangsa. Pada tempoh hari saya ada membangkitkan soalan mengenai dengan kedudukan negara China yang telah memasuki WTO. Walaupun sekretariat ASEAN menyatakan bahawa kemasukan China dalam WTO tidak meninggalkan implikasi besar kepada ASEAN tetapi saya berpandangan berbeza dengan pihak berkenaan.

Saya berpendapat bahawa kemasukan China dalam WTO merupakan satu ancaman kepada ASEAN, termasuklah negara kita. Saya dapati bahawa China sekarang memainkan peranan untuk mengganti ASEAN sebagai pengeluar global yang begitu berpengaruh terutama di dalam bidang elektronik dan elektrik di mana negara kita begitu kuat sebelum ini. Di samping itu, saya dapati bahawa negara tersebut mempunyai kelebihan daya saing dalam produk-produk berbentuk *labour intensive* seperti tekstil dan sebagainya. Malah dalam bidang elektronik yang kita begitu kukuh, sekarang China telah mendahului kita. Ada beberapa syarikat daripada negeri China yang menjadi syarikat terbesar di dunia.

Di samping itu, negara kita dan China berkongsi pasaran yang sama. Kekuatan kita di Amerika Syarikat dan juga di Europe dan Jepun, China juga mempunyai access yang sama dengan negara kita. Ancaman yang paling ketara adalah dari segi China sebagai sebuah negara yang begitu menarik kepada FDI dan kita dapati banyak FDI yang berpindah ke negara tersebut.

Jadi, sehubungan dengan itu saya ingin memberi pandangan saya tentang apa yang saya rasa yang perlu kita lakukan untuk menangani masalah tersebut. Saya berpendapat, pertama, kerajaan memang bercadang untuk mempelbagaikan pasaran dan saya melihat China, India dan juga negara-negara Islam sebagai negara-negara yang begitu mempunyai kekuatan untuk kita mempelbagaikan pasaran. Sehubungan dengan itu saya berpendapat dari segi hubungan *bilateral* antara kita dengan China, daripada sekarang kita perlu mewujudkan *strategic partner* kita dalam bentuk untuk mengadakan kerjasama antara negara kita dan China dalam pembangunan ekonomi dan juga untuk access kepada pasaran-pasaran global terutama di negara China sendiri. Dengan itu negara kita perlu *strategize* dari segi hubungan strategik ini – apa yang harus kita lakukan dan apa yang negara China patut lakukan.

Oleh kerana negara China begitu kuat dari segi aktiviti pengeluaran maka negara China boleh menumpu kepada bidang tersebut manakala kita *strategize* dari segi untuk terlibat dalam *supply chain* tersebut dari segi penglibatan dalam *R&D, design* dan juga sebagai pusat *procurement* untuk kawasan Asia.

Kedua, mengenai masalah kita dengan FDI. Saya dapati ada dua *approach* yang boleh kita gunakan. Satu, kita mempertahankan sistem yang ada sekarang yang dipanggil sebagai *static approach*, atau pun kita menggunakan *approach* kedua, iaitu *dynamic approach*. Saya berpendapat jika kita menggunakan *approach* sekarang ini – *static approach*, maka lambat-laun kita tidak akan menjadi pusat FDI yang penting. Maka suka tidak suka kita perlu untuk melaksanakan *approach* kedua.

Sehubungan dengan itu ada beberapa pendekatan yang perlu kita buat. SMI kita perlu diperkukuhkan supaya SMI terus di dalam *supply chain global*. Saya berpendapat SMI perlu diperkukuhkan mungkin dengan mengadakan konsortium di antara SMI supaya dapat kita memperkukuhkan proses pengeluaran dalam negara kita supaya dapat menghasilkan produk-produk yang baik, dan SMI ini boleh menjadi *supplier* kepada *multinational company* di seluruh dunia. Di samping itu untuk memperkukuhkan SMI tersebut atau konsortium tersebut, perlu mereka lebih terdedah kepada keperluan-keperluan *trend* perniagaan masa kini melibatkan ICT dan sebagainya.

Kita juga perlu melihat dari sudut untuk menjadikan Malaysia sebagai *international procurement centre* – kita boleh menggunakan kekuatan-kekuatan kita melalui insentif dan juga infrastruktur yang kukuh serta undang-undang negara kita yang begitu baik dan di samping itu kita harus menumpu kepada kualiti pelaburan.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berpendapat beberapa *adjustment* perlu dibuat oleh sektor swasta. Salah satu daripadanya yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan kereta Malaysia. Saya mengambil sikap yang begitu tegas tentang kereta Malaysia kerana kita tidak mahu satu masa nanti dia *marginalize*. China telah pun mengadakan satu perjanjian *bilateral* dengan Amerika Syarikat pada tahun 2006 akan mengeluarkan kereta dan tentunya ini akan menjadi satu persaingan besar termasuklah seperti mana yang telah ada di Thailand.

Yang saya bimbang tentang Proton – sikap kita. Sekarang ini Ford sedang mempelawa untuk mengadakan *strategic partner* atau untuk membeli sebahagian ekuiti dalam Proton. Saya berpendapat bahawa dari segi strategi ada baiknya. Mungkin dari segi nama kereta kita akan hilang dalam proses tersebut tetapi dari segi strategi dalam industri automobil, kita tidak boleh bersendirian - kita perlu bergabung dengan pihak lain. Ford telah mengambil Volvo, Ford juga telah mengambil Mazda lama dahulu dan beberapa kereta yang lain. Dengan Ford membeli sebahagian daripada pelaburan kita, saya percaya akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kereta kita. Kita boleh menjadi pusat pengeluaran bagi negara Asia. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan bagaimanakah status kita mengenai dengan tawaran Ford ini. Apakah sikap kita mengenai dengan tawaran begitu? Adakah kita masih lagi mahu kereta kita menjadi tersendiri – *isolated* begitu dan bersaing dengan orang lain?

Saya ingin menyatakan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya juga mengikuti rombongan Yang Berhormat Menteri ke mesyuarat WTO di Doha dan saya pergi melawat salah satu daripada *dealer* Proton di Doha dan dari segi itu sahaja saya dapati banyak kelemahan-kelemahan yang begitu *basic*, yang tidak seharusnya berlaku pada sebuah syarikat yang mahu menjadi *key player* dalam dunia *global*. Itu sebab saya bangkitkan tentang hubungan kita dengan Ford kerana berasaskan kepada *standard* sekarang tidak mencukupi.

Salah satu daripada contohnya, pengedar kita di sana memerlukan kereta baru dan memakan masa yang lama sehingga sekarang, setelah membuat beberapa kali janji untuk menghantar kereta tetapi tidak dihantar sampai sekarang dan ini menjejaskan pasaran di negara tersebut. Dari segi sekarang *ranking* kita lebih-kurang nombor tiga daripada kereta lain di Qatar. Tetapi dengan sikap kita, soal yang *basic* tidak dapat kita urus, penduduk di sana akan hilang keyakinan kepada kereta kita termasuklah dari segi hubungan di antara pengedar dengan ibu pejabat. Kadang-kadang orang yang bertanggungjawab untuk mengadakan hubungan itu sakit – kalau dua minggu tidak ada maka tidak ada orang yang akan berhubung. Ini perkara-perkara yang *basic*. Di samping itu Proton Malaysia tidak pernah melawat ke pejabat pengedar kita – dibiarkan begitu.

Jadi, kalau inilah *standard* kita dan kita masih lagi mahu bersendirian bersaing dalam industri automobil *global*, saya tidak percaya kita mampu nanti apabila semua orang bergabung kita masih lagi tersendiri – kita tidak mampu untuk bersaing dan akhirnya kereta projek Malaysia kita akan hilang, akan *marginalize* dalam dunia automobil *global*, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada masa lagi, ya Tuan Yang di-Pertua?

Satu lagi saya hendak sentuh sedikit mengenai dengan negara-negara ASEAN dan perjanjian *bilateral* dengan negara lain. Saya ambil contoh Singapura; mengadakan hubungan *bilateral* dengan New Zealand dan akan mengadakan banyak lagi dengan negara-negara lain. Kita mengambil sikap kita menyalahkan Singapura kerana mengadakan hubungan *bilateral*. Tetapi pada pandangan saya Singapura mempunyai sikap yang lebih cerdas daripada kita kerana hubungan *bilateral* Singapura dengan New Zealand dan negara-negara lain berasaskan kepada latar belakang ASEAN sendiri. Pertama, kita begitu lambat dari segi melaksanakan perdagangan bebas di kalangan negara ASEAN

Dan kedua, hubungan bilateral ini antara Singapura dengan New Zealand dan negara lain melibatkan bidang yang bukan melibat tarif antara negara ASEAN, melibatkan bidang yang lebih advanced lagi terutama dalam bidang ICT yang tidak disentuh oleh negara-negara ASEAN bertujuan supaya Singapura mencapai kepada satu standard yang tinggi di peringkat antarabangsa dalam bidang ICT, dari segi

kualitinya dari segi human resourcenya dan sebagainya. Ini saya lihat sebagai satu tindakan yang begitu cerdik kerana akhirnya yang penting dari segi sovereignty ialah survival negara itu. Dalam konteks ini survival dalam bidang ekonomi dan global ekonomi itu begitu penting dan Singapura telah mengambil langkah yang begitu kehadapan pada pandangan saya.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian. Tidakkah kita juga patut melakukan perkara yang sama di samping kita mempunyai perjanjian multi lateral dengan negara-negara ASEAN tetapi di dalam bidang yang lebih advanced, higher order product areas? Tidakkah patut kita mengadakan hubungan dengan negara-negara lain supaya kita akan sentiasa kehadapan dalam dunia global ini? Terima kasih Tun.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

12.32 tgh.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam B 080400 iaitu satu jumlah peruntukan bayaran sumbangan kepada WTO. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang kedudukan dan peranan Malaysia di dalam WTO itu sendiri. Apa yang saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan ialah apakah rasionalnya pihak kerajaan baru-baru ini di Doha bersetuju untuk menerima pelancaran rundingan baru WTO yang saya difahamkan bahawa jika pelancaran baharu WTO ini dilakukan ianya akan memberikan kesan yang agak negatif kepada industri pertanian itu sendiri dalam negara kita? Ini adalah kerana dijangka bahawa pelancaran rundingan baharu WTO ini ialah usaha pihak barat sendiri khususnya untuk melobi bagi memasukkan komponen-komponen pertanian di dalam perjanjian WTO itu sendiri. Walhal pada awalnya kita lihat bahawa Kerajaan Malaysia agak mengambil sikap berdiam diri di waktu India agak menentang pelancaran baharu WTO. tetapi selepas India sendiri bersetuju, lalu Malaysia seolah-olah macam agak bersetuju menerima pelancaran baharu rundingan WTO.

Bagi saya bahawa ini satu yang sangat membimbangkan kita kepada industri pertanian dalam negara kita, apabila nanti rundingan baharu WTO ini yang dikatakan berusaha untuk memasukkan komponen-komponen pertanian di dalam perjanjian tersebut, sudah tentu ini akan menjejaskan masa depan pertanian di negara kita kerana antara yang saya kira bahawa dalam keadaan yang agak kurang selamat ini ialah dari sudut kajian-kajian pertanian yang telah dibuat oleh negara kita khususnya melalui MARDI. umpamanya benih-benih dan sebagainya.

Apakah ada satu jaminan perlindungan bahawa benih-benih kita ini tidak akan di manipulasi oleh pihak-pihak yang lain seperti mana yang dihadapi oleh petani-petani di Thailand sekarang ini? Umpamanya saya hendak sebut apa yang dihadapi oleh petani-petani di Thailand apabila satu benih padi mereka yang didaftarkan di bawah International Rice Research Institute di Philippines, benih itu iaitu *cog docmalli*. 105 iaitu benih asal yang kemudiannya diambil oleh seorang profesor daripada universiti di Florida iaitu Chris Darren untuk membuat satu kajian dan dia sudah pun menyelesaikan kajiannya dan kemudian dia akan mendaftarkannya sebagai satu patent padi yang baru iaitu patent Jasmin versi Amerika.

Ini menimbulkan penentangan petani daripada Thailand itu sendiri, sebab Thailand sendiri telah mendaftarkannya dalam IRRI ini sebanyak 600 patent benih-benih padi, tetapi oleh kerana tidak ada satu peruntukan undang-undang yang boleh diambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil benih-benih itu untuk tujuan research dan kemudiannya dibuat satu penemuan dan kemudian dan didaftarkan dipatenkan dengan paten hasil kajiannya maka sudah tentu ini akan memberikan keadaan di mana para petani di Thailand itu sendiri dalam keadaan yang sangat membimbangkan. Ini adalah kerana selepas ini apabila benih itu dipatenkan dengan paten daripada Amerika apatah lagi bila perjanjian WTO itu sendiri akan memasukkan komponen-komponen pertanian, maka sudah tentulah petani-petani terpaksa membayar apabila mereka hendak menggunakan benih ataupun patent daripada Amerika tersebut.

Inilah juga yang saya kira bahawa yang dihadapi oleh petani-petani di Malaysia. Dalam keadaan sekarang ini sekali pun kita lihat bahawa petani-petani di

Malaysia industri pertanian khususnya penanam padi ini menghadapi masalah-masalah yang begitu besar. Jadi, tidak sewajarnya bagi saya bahawa Malaysia boleh bersetuju atau pun menerima pelancaran rundingan baharu WTO yang akan memasukkan komponen-komponen pertanian. Persoalan yang ingin saya kemukakan ialah apakah jaminan daripada pihak kerajaan apabila rundingan baharu WTO ini telah dilancarkan nanti? Apakah jaminan bahawa kerajaan boleh berusaha untuk menjamin supaya menghalang daripada komponen pertanian ini dimasukkan. Walau pun ini adalah satu percubaan untuk memasukkan tetapi belum ada muktamadnya, tetapi apakah usaha-usaha kerajaan untuk menghalang supaya komponen pertanian ini tidak dimasukkan di dalam perjanjian WTO kerana ini akan memberikan kesan yang tidak baik kepada industri pertanian khususnya industri padi dalam negara kita?

Yang kedua - yang akhir Tun, saya tidak banyak - 030000 iaitu Pembangunan Perindustrian. Yang ingin saya sentuh di sini ialah tentang hal-hal berkaitan dengan soal penyertaan bumiputera khususnya dalam soal pengagihan peluang-peluang untuk bumiputera mendapatkan pengagihan saham, sama ada daripada syarikat-syarikat asing atau pun yang bukan bumiputera yang dipindahkan ataupun daripada syarikat-syarikat yang lain. Apa yang ingin saya mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ialah apakah kriteria untuk seorang bumiputera ataupun syarikat bumiputera ini untuk diletakkan mempunyai kelayakan bagi mendapat saham-saham bumiputera itu sendiri? . Dan kemudiannya, apakah tidak ada satu peraturan khusus bahawa kalau pun hendak diberikan kepada syarikat-syarikat ataupun kepada bumiputera ini mesti diutamakan kepada syarikat ataupun yayasan-yayasan ataupun koperasi-koperasi daripada bumiputera dengan diberikan peruntukan jumlah yang lebih daripada individu bumiputera?

Umpamanya saya ingin menunjukkan satu contoh di sini, Tuan Pengerusi, iaitu pengagihan yang dibuat oleh MITI ini dalam pengagihan untuk saham bumiputera dalam Top Glove Corporation Berhad yang diberikan kepada mereka ini. Saya lihat bahawa jumlah ini dilihat seorang individu itu kalau mengikut dokumen seperti yang ada pada saya ini, individu ini maknanya dinamakan nama orang kemudian. Ada lagi nama-nama lain selepas itu, syarikat koperasi dan sebagainya termasuk yayasan. Individu itu mendapat jumlah yang lebih daripada koperasi, sedangkan koperasi itu koperasi yang bertanggungjawab terhadap kepentingan bilangan jumlah bumiputera yang lebih ramai.

Umpamanya penganugerahan saham sebanyak 2,365,000 kepada menantu kepada Menteri Perdagangan Perindustrian sendiri. Ini isu baru, bukan kes yang dahulu. Saya hendak sebut.

**Seorang Ahli:** Bukan syarikat lama?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan syarikat lama, ini syarikat baru, saya hendak sebut. Yang dahulu itu dalam leather – Leather Universal - ini adalah dalam Top Glove Corporation iaitu diberikan kepada menantu Menteri sejumlah 2,365,000 iaitu Fadzin Azwar bin Mohamad Nor. Kita meminta penjelasan daripada pihak Menteri sendiri apakah kewajaran untuk dia sendiri sebagai Menteri dapat meluluskan peruntukan sejumlah saham kepada menantunya? Ini satu perbuatan menyanggahi kepentingan dan saya pun agak kecewa juga. Sepatutnya lebih baik diberikan kepada Yang Berhormat Sri Gading, pada rakan saya [*Tepuk*], sekurang-kurangnya sebahagian daripada 2,365,000 ataupun kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Tetapi sayangnya diberikan kepada menantu Menteri sendiri dan ini satu perbuatan mengulangi perbuatan yang pernah dilakukan oleh Menteri dalam penganugerahan saham di Universal Leaders satu ketika dahulu yang juga diberikan kepada menantu beliau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya gulung. Sedangkan kalau kita melihat dari sudut penganugerahan saham ini, menantu mendapat 2,365,000 sedangkan Koperasi Pembangunan Belia hanya mendapat 100,000. Kemudian Koperasi Pembangunan Permodalan Melayu Negeri Johor mendapat 100,000. Koperasi Majlis Agama Islam Melaka mendapat 110,000. Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Pahang mendapat 400,000. Yayasan Pahlawan Malaysia iaitu untuk perajurit-perajurit tanah air kita hanya mendapat 110,000 sedangkan menantu Menteri mendapat 2,365,000. Apakah tidak....,

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** [Bangun]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Beri jalan kepada Ketua Pembangkang

**Tuan Pengerusi:** Cukup sudah masa, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ketua Pembangkang hendak bertanya sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, sila

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Nama syarikat Nazar, syarikat individu kah? Nazar Motor, jadi apa yang saya fahamkan mendapat banyak juga. Khabarnya syarikat ini juga ada hubungan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena mempunyai maklumat tentang perkara ini?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, begitulah seperti mana yang dimaksudkan oleh Ketua Pembangkang bahawa ia juga turut diberikan kepada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengan Menteri itu sendiri, tetapi bagi saya sewajarnya bagi pihak kerajaan memberikan saham-saham itu lebih kepada koperasi-koperasi yang saya maksudkan dan mengelak daripada menyanggahi kepentingan untuk diberikan kepada menantu. Ini saya kira bahawa BPR seharusnya memulakan satu penyiasatan terhadap Menteri yang mengulangi perbuatan yang sama yang pernah dilakukan satu ketika dahulu untuk mengkayakan kroninya. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Kemaman.

12.41 tgh.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan mengenai Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Kalau diikuti daripada peruntukan yang ada di bawah Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia ini, kita ada namanya iaitu technology Acquisition Commercialization of Technology. Ianya program jalinan rangkaian teknologi global, program pembangunan teknologi kelompok dan pelbagai lagilah.

Jadi, saya hendak tahu kedudukan teknologi-teknologi yang dipindahkan ke dalam negara kita kerana banyak syarikat-syarikat pada satu ketika dahulu begitu ghairah untuk membawa balik teknologi-teknologi ke dalam negara kita. Banyak daripada mereka menandatangani perjanjian-perjanjian dengan syarikat-syarikat asing untuk membawa teknologi ini ke dalam negara. Di antara condition ataupun syarat untuk mendapatkan technology transfer ini terpaksa syarikat tempatan membayar royalti untuk certain percentage mengadakan jualan minimum ataupun kalau tidak dapat jualan minimum kena compensate dan kena ada minimum payment, a certain lump sum setiap tahun kena bayar dan sebagainya. Inilah yang menyebabkan banyak syarikat-syarikat yang menandatangani technology transfer ini kalau tidak memenuhi syarat-syarat ini tidak dapat membawa balik teknologi-teknologi tersebut dan banyak pada hari ini - dalam keadaan ekonomi hari ini - banyak syarikat-syarikat ini telah bungkus dan technology tidak *transfer* ke dalam negara.

Banyak juga syarikat-syarikat dalam negara kita yang acquire ataupun membeli syarikat-syarikat asing untuk membawa balik teknologi ke dalam negara tetapi banyak syarikat-syarikat yang dibeli ini kebanyakan mempunyai obsolete teknologi ataupun tidak memenuhi kehendak teknologi yang dikehendaki oleh negara kita. Ini termasuklah perjanjian yang dibuat oleh Proton untuk membeli atau acquire syarikat Lotus di mana syarikat ini telah dibeli tetapi di dalam pembelian ini tidak termasuk team Lotus di mana teknologi sebenarnya berada dalam team Lotus sedangkan syarikat yang dibeli hanyalah mempunyai design engineer sahaja. Dan ramai daripada good design yang terbaik daripada Lotus ini keluar apabila Proton membeli dan menyebabkan Proton tidak dapat apa yang sepatutnya mereka dapat apabila membeli Lotus ini.

Difahamkan lebih kurang 80 orang top design engineer-nya keluar apabila Proton membeli syarikat Lotus ini dan teknologi sebenarnya berada dalam team Lotus tetapi apabila Proton membeli syarikat ini didapati team Lotus tidak termasuk dalam pembelian syarikat Lotus ini dan menyebabkan technology transfer yang diharapkan tidak tercapai oleh Proton itu sendiri.

Keduanya ialah mengenai projek fabrikasi wafer yang dibina di Kulim. Kita mengharapkan satu *technology transfer* untuk membina wafer dan kerajaan telah menghabiskan ataupun membelanjakan saya difahamkan khazanah sahaja melabur lebih kurang RM3, bilion tetapi sehingga hari ini tahap pengeluarannya tidak mencapai apa yang dikehendaki dan hari ini kita mengalami masalah *economic global* dan pengeluarannya terbantut dan pembinaan syarikat ini pun juga terbantut.

Saya hendak tahu apa akan jadi kepada syarikat ini yang menghadapi masa depan yang cukup gelap dalam segi pemasaran wafer yang hendak dikeluarkan kepada negara-negara terutamanya di negara Amerika Syarikat yang menghadapi kegawatan ekonomi juga.

Selain daripada itu, kita lihat banyak syarikat *software, hardware* dan pelbagai teknologi yang dijanjikan untuk ditransfer ke sini dan banyak syarikat tempatan telah menandatangani perjanjian-perjanjian tetapi apabila mereka tidak memenuhi syarat-syarat itu maka mereka hanyalah menjadi ejen-ejen sahaja, hanya mendapat *marketing* ejen sahaja, tidak dapat menarik teknologi itu ke dalam negara.

Dan kalaulah kita lihat, kalau keperluan dalam negara kita seperti mana yang berada di dalam perusahaan kimia dan *petro-chemical*. Kita lihat kalaulah di Malaysia ini kita ada Petronas sahaja ada lebih kurang 40 kilang, yang *private* sektornya seperti Ezon, Amoko dan sebagainya, mempunyai banyak kilang. Kita percaya di Malaysia ini terdapat lebih kurang 100 kilang-kilang petroleum dan kimia seluruh negara. Dan, kalau kita lihat bahan-bahan yang diperlukan untuk operasi kilang-kilang ini, satu contoh sahaja yang saya ingin sebut iaitu contohnya *explosion proof lighting*.

Kalaulah semua syarikat ataupun kilang dalam negara kita ini beli *explosion proof lighting* ini di dalam negara kita, maka kita tidak perlu lagi import barang-barang ini yang memakan belanja yang banyak, kosnya cukup tinggi sekiranya diimport. Sekiranya kalau Malaysia dapat *transfer* teknologi ke dalam negara kita.

Tetapi apa yang berlaku dalam negara kita hari ini ialah banyak syarikat ini tidak diberi galakkan untuk memberi *exclusive marketing* ataupun sekiranya sesuatu kilang yang ditubuhkan di Malaysia ini untuk jual *explosion proof lighting* ini tidak diberi eksklusif maka mereka tidak sanggup membuka kilang-kilang di dalam negara kita, sedangkan pasarannya cukup di dalam negara.

Dan juga, kalaulah sekiranya syarikat-syarikat, kilang-kilang ini membeli daripada pengeluar tempatan, kosnya lebih murah lagi walaupun persaingannya hebat daripada negara luar. Dan juga, kita lihat banyak lagilah produk yang sekiranya kita dapat *concerted* untuk memberi daripada tempatan maka mudah kita membina kilang-kilang untuk mengeluarkan barang-barang ini. Selain daripada *oil and gas*, banyak lagi industri lain yang mana Malaysia mempunyai kelebihan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membawa mengenai perkara 00507 – Konsultansi dan Pemasaran IKS ini, kerana saya lihat bahawa banyak syarikat yang barangan keluaran IKS ini banyak yang tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Kalau kita lihat pengeluaran-pengeluaran daripada IKS, seperti contohnya *cables leather*, ataupun benda yang *very basic* sahajalah untuk memasang sebuah *wiring* ataupun kabel di dalam kilang-kilang – yang *explosion proof*lah, saya cakap ni dalam bidang *oil and gas* ini, yang memerlukan *very specialty* punya *requirement* tetapi kebanyakan kilang yang mengeluarkan barangan ini dari dalam negara kita sudah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk digunakan dalam kilang-kilang petroleum dan gas.

Tetapi kalau kita lihat banyak – oleh kerana main-main *contractor* yang membina kilang-kilang ini adalah syarikat-syarikat luar, maka banyak *cable tray, cable leather* ini dibawa daripada luar negara, sedangkan kita ada lebih kurang 10 syarikat yang boleh mengeluarkan *cable leather* di dalam Malaysia dan ia memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk digunakan dalam keadaan *explosion area* ini.

Dan, ini menyebabkan banyak kilang kita tutup, dan saya difahamkan di Johor sudah tutup, di Serdang sudah tutup kerana syarikat-syarikat tempatan sendiri pun tidak menggunakan mereka. Jadi, pasaran mereka terhad, sedangkan sudahlah pasaran mereka dalam negara kita terhad, tetapi oleh kerana kita bawa kontraktor luar negara, mereka membawa import lagi daripada negara-negara luar. Jadi, inilah menyebabkan banyak syarikat kita yang mempunyai teknologi yang tersendiri pun tidak dapat memasarkan barang-barang mereka dengan sebaiknya di dalam negara sendiri.

Itulah sahaja, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Ya, sila Sipitang.

12.50 tgh.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi di atas peluang untuk membahas di bawah Maksud Bekalan 20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 03000 - Pembangunan Perindustrian dan 04000 - Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, apakah dasar perindustrian negara sekarang ini dikaji apabila keadaan kegawatan ekonomi menimpa di rantau ini dan dalam keadaan kita mempunyai saingan yang hebat oleh negara-negara jiran kita seperti Thailand dan juga Indonesia.

Adakah kerajaan tidak menimbang untuk memperbaharui cara pendekatan kita, yang mana saya melihat pada masa ini, dasar yang kita ada agak tidak menguntungkan negara kita lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang mendesak ini, yang mana semua negara berebut-rebut untuk menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara kita.

Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah penyelarasan dengan negeri-negeri di Malaysia ini dan apakah dasar kita dengan negeri-negeri yang mempunyai kuasa terhadap tanah. Apakah tidak boleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri membuat satu dasar yang seragam mengenai dengan dasar tanah negeri apabila ada keperluan untuk tujuan pelaburan daripada luar ke negara kita ini.

Masalah yang kita hadapan sekarang ialah dasar ataupun kuasa menentukan milik tanah, harga tanah adalah ditentukan oleh negeri. Dan, saya melihat inilah satu penghalang besar kepada daya tarikan pelaburan. Apa tidaknya dasar ini kita kaji semula dan kita mempunyai satu fleksibiliti, yang saya katakan tadi, mungkin satu dasar yang sama di mana apabila pelabur asing untuk melabur di suatu negeri itu, kita mesti menentukan kadar yang semimumimum mungkin. Mungkin dengan satu bayaran premium kepada pemilik ataupun untuk mendapatkan tanah tersebut dan tidak *dicharge* seperti harga komersial yang begitu tinggi. Misalnya pada masa ini, KKIP, Kota Kinabalu, tanah ini telah dibangunkan dan mempunyai infrastruktur tetapi harganya begitu tinggi dan ia tidak menjadi tarikan kepada pelabur asing dan juga pelabur tempatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Misalnya, walaupun ada insentif yang diberikan, harga yang ditawarkan sekarang ialah sekitar, RM10 hingga RM11 sekaki, yang bererti satu ekar lebih kurang setengah juta ringgit, dan jikalau kilang itu memerlukan 3 ekar, pelabur sudah mempunyai modal awal yang diperlukan ialah RM1.5 juta, dan, ini agak menjadi beban dan tidak begitu menarik kepada pelabur.

Apa tidaknya, kalau terdapat pelabur asing ini kita beri, saya takakan tadi satu harga yang murah, misalnya satu ekar dalam satu *lump sum*, dengan izin, mungkin RM50 ribu ataupun RM100 ribu untuk memiliki tanah tersebut. Dan, satu insentif yang lebih lagi jikalau pelabur asing itu akan melabur secara usaha sama dengan pelabur tempatan dalam negara ataupun ada usaha sama dengan pelabur-pelabur atau ahli-ahli perniagaan bumiputera. Itu adalah juga kelas yang lain.

Apa yang penting bagi saya ialah apabila pelabur ini datang ke negara kita, ia akan membawa duit, akan membawa modal dan dilaburkan di tempat tersebut. Apa yang saya lihat sekarang ini, kerajaan negeri khususnya lebih mementingkan keuntungan awal daripada keuntungan jangka panjang yang lama dan juga ini sebagai batu penghalang. Maksud saya, keuntungan awal ialah kerajaan lebih mementingkan harga tanah yang disediakan itu untuk mendapat keuntungan awal daripada memikirkan soal pelaburan, duit masuk dan juga pembinaan kilang yang mana akan mewujudkan peluang pekerjaan, yang akan mewujudkan produk-produk tempatan, yang akan mewujudkan keuntungan dan juga pelbagai pendapatan berpunca daripada pembinaan kilang tersebut.

Jadi, apabila kita tidak memikir jangka panjang, cuma memikir jangka pendek sahaja, inilah akibatnya. Saya mohon kementerian dapat melihat dasar ini, saya rasa lebih menguntungkan dalam jangka panjang, bukan kita memikirkan untuk membangun seribu ekar satu kawasan, kita akan mengutip keuntungan awal RM100 juta, RM200 juta, tetapi keuntungan awal yang diidam-idamkan itu cuma tinggal angan-angan sahaja, sedangkan yang lebih penting lagi, pelabur-pelabur itu membuat pelaburan tetap.

Saya pasti jikalau ini dibuat, pelabur-pelabur ini akan datang walaupun kita mendapat keuntungan yang sedikit daripada harga tanah, dari segi premium, infrastruktur dan sebagainya. Apabila mereka membuka kilang di kawasan tersebut, saya rasa kilang itu akan berada di situ dalam jangka masa yang lama, tidak mungkin satu syarikat tanam pelaburan RM50 juta akan cuma berada di situ dalam masa 3 tahun, 5 tahun. Sekurang-kurangnya, mereka akan berada di kawasan tersebut mungkin dalam masa 20 tahun, 30 tahun, bergantung kepada jenis industri.

Dan, 20, 30 tahun yang ada itu, saya rasa cukup untuk kita mengatur strategi secara berperingkat-peringkat apabila syarikat itu untung, kita kutip cukai dan sebahagian untuk menutup kembali kerugian yang kita fikir. Dan, yang lebih penting ialah dari segi pertumbuhan ekonomi negara dan juga peluang pekerjaan. Kalau ini kita tidak buat, di mana kita ingin menempatkan pelajar-pelajar SPM, keluaran-keluaran maktab, keluaran-keluaran politeknik, keluaran-keluaran universiti yang semakin hari, semakin berlipat ganda.

Jadi, bukan soal keuntungan jangka pendek, tetapi keuntungan keseluruhan haruslah diperbaiki. Biar murah ataupun mungkin secara percuma kita bagi kepada pelabur asing ini, tetapi apabila mereka berada di sini, mereka akan terus beroperasi dan ini menjadi satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan juga menyelesaikan masalah negara kita.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja sumbangan saya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli.

12.58 tgh.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Saya ingin menyentuh tentang 020400 – Kerjasama Ekonomi ASEAN. Persoalannya Tuan Pengerusi, sebelum AFTA dilaksanakan kemungkinan bahang daripadanya tidak dirasai. Tetapi yang kita bimbangkan ialah apabila dan bilamana AFTA dilaksanakan. Kerana saya baru sahaja kembali daripada Vietnam dan saya perhatikan Vietnam berada pada satu kedudukan yang sungguh kuat untuk mencabar kita. Dan, kelebihan yang ada pada Vietnam ini, Tuan Pengerusi, ialah mereka mempunyai tenaga mahir yang juga fasih berbahasa Inggeris, di samping kemahiran ICT mereka yang memang lebih berbanding dengan pekerja-pekerja kita. Ini diakui oleh mereka yang terlibat dalam bidang ICT.

Sehinggakan satu perkara yang memeranjatkan saya, sebuah motosikal yang hampir sama modelnya dengan Honda, dijual dengan harga RM1,500, sedangkan di tempat kita harganya RM5 ribu. Walaupun motosikal ini dibuat di negara China, tetapi bayangkan di mana kedudukan Modenas selepas daripada pelaksanaan AFTA, sedangkan Vietnam merupakan salah satu negara yang menandatangani AFTA kerana ia merupakan salah satu anggota negara ASEAN .

Begitu juga, apa yang ada kelebihan yang ada pada kita sekarang ini ialah tentang infrastruktur. Kita berbangga dengan kelebihan infrastruktur yang kita ada, tetapi infrastruktur ini sekiranya negara-negara saing kita, negara-negara jiran kita mendapat bantuan, sokongan, saya fikir dalam masa yang terdekat kerana infrastruktur tidak memerlukan teknologi yang tinggi. Sebab itu kelebihan infrastruktur kita dalam masa terdekat akan dipintas oleh negara-negara terdekat, negara-negara saingan kita.

Saya tidak menyebut Thailand kerana Thailand sudah diakur dan sudah diakui sebagai sudah mendahului kita dalam banyak hal. Sebab itulah kita perhatikan syarikat-syarikat automobil yang bertaraf dunia, mereka menempatkan kilang-kilang mereka secara besar-besaran sehingga Thailand dikenal sebagai The Tried of the East.

Sebab itu kita perhatikan umpama sekarang kita ini, kita mungkin sebahagian daripada peniaga-peniaga kita dan juga pengimport-pengimport kereta-kereta berjenama mewah kita dapat mengaut hasil dalam waktu-waktu yang terdekat ini. Tetapi bila mana dengan Mecedez sedikit masa lagi akan membuka kilangnya secara rasmi di Thailand, maka dengan sendirinya kesan kepada pengimport-pengimport kereta yang kebanyakannya bumiputera akan terjejas dengan teruk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat,  
....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Pengerusi, saya perhatikan siapa yang membimbangkan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta sambung petang, ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Majlis mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

2.30 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita disambung semula. Jeli bercakap, minta sambung. Sila.

**Beberapa Ahli:** Jawatankuasa.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tuan Pengerusi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh, minta maaf.

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Ahli Yang Berhormat, Majlis kita bersambung semula. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Jeli, sila.

2.32 ptg.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Menyambung di bawah tajuk kerjasama ekonomi ASEAN, belum lagi kegerunan kita tentang pelaksanaan AFTA akan berlaku dalam satu atau dua tahun akan datang, tiba-tiba sudah tercetus satu idea yang lebih membimbangkan saya iaitu EAEG yang asalnya ASEAN Plus 3 yang sebelum itu dikatakan sebagai EAEC tetapi sekiranya EAEG ini benar-benar terlaksana, maka saya fikir di mana dan industri apa yang kita boleh menonjolkan kekuatan negara kita kerana sekiranya EAEG itu benar-benar berlaku, maka kita akan perhatikan China, selepas kemasukan mereka dalam WTO sudah pastinya mereka akan melambakkan produk-produk mereka yang *dimanufacture* secara besar-besaran dan pada ketika itu sudah tentu produk-produk ini yang juga merupakan produk-produk yang juga dibuat di negara kita akan menghadapi saingan yang luar biasa, sehinggakan produk kita tidak mampu dijual kerana produk yang akan dilambakkan oleh China nanti pada satu kos yang tidak terfikir oleh negara kita.

Sebab itu, tujuan mungkin pada ketika itu, sekiranya kerajaan China melaksanakan begitu ialah untuk memastikan pembuatan-pembuatan di negara-negara pesaing. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada asalnya, kira-kira 10 tahun yang dulu, ekoran kesungguhan di kalangan blok Eropah dan blok Amerika

Utara untuk mewujudkan NAFTA dan juga EURO menyebabkan menimbulkan idea tentang EAEC tetapi pada mesyuarat terbaru negara-negara ASEAN di Brunei Darussalam baru-baru ini, nada dan tone ucapan Perdana Menteri sudah mula berbeza yakni sudah meminta negara-negara ASEAN agar berhati-hati dengan pelaksanaan EAEG.

Sepertimanalah juga ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada satu ketika berdegar-degar tentang globalisasi tetapi bila mana globalisasi sebenar akan terlaksana, maka sudah ada satu bentuk seolah-olah penentangan kepada globalisasi iaitu kerana ketidakmampuan kita untuk berdepan dengan globalisasi sebenar.

Sebab itu saya mahu mengambil beberapa contoh di sini. Umpamanya pada tahun 1998.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Masa Yang Berhormat hendak habis.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Pada tahun 1998.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ... dan juga pada tahun 1999, semasa saya berada di Korea Selatan, saya perhatikan kereta yang setanding dengan kereta Perodua berharga RM11,000 di sana. Bayangkan kalau EAEG datang, bagaimana Perodua kita hendak bertanding dengan kereta setanding buatan Korea nanti?

Di samping itu juga, kita perhatikan umpamanya Perodua sendiri. Perodua sendiri sekarang ini hanya boleh mengeluarkan kereta sekitar pasaran Malaysia, walaupun rakan kongsinya Daihatsu tetapi Daihatsu hanya membenarkan model Perodua ini untuk dipasarkan di Malaysia dan untuk dipasarkan ke negara-negara lain selain daripada Malaysia, mesti mendapat persetujuan daripada Daihatsu dahulu.

Kemudian saya ingin pergi kepada....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....07000 dan juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah lebih banyak masa Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Eh, tadi baru start, saya tadi tiga minit, Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Ha, ada tiga minit lagi itu, tiga minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, tidak, kita sudah mula 12.48 tengah hari sebelum ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Eh, tidak, saya mula 12.48, sekarang...

**Seorang Ahli:** Lima minit lagi.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ha, lima minit lagi, Tuan Pengerusi. Kemudian saya pergi kepada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana pula lima minit....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...07000...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .... – Perbadanan Pembangunan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....Industri Kecil, sedikit sahaja, dan Sederhana (SMIDEC), 00402 – Kajian-kajian Perindustrian dan 00602 – Technology Development for SMI.

Actually, dari segi apa *niche* untuk SMI kita, *niche* industri apa? Saya fikir, sekaranglah waktu yang paling sesuai, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) fokus kepada industri herba kerana banyak pokok yang terdapat di negara kita. Biar kita mendahului satu produk, satu bahan mentah yang sudah ada dalam negara kita dan mungkin dengan gabungan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....syarikat-syarikat yang berpengaruh di peringkat luar negara...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ..... umpamanya *merge* dan sebagainya, mungkin kita boleh bergabung tenaga untuk benar-benar membuat satu *research intensive* supaya *this will be the next product* untuk SMI.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah itu.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kerana sekarang ini..... Sedikit sahaja, satu minit. Sekarang ini kita perhatikan, umpamanya, kita hanya berbangga dalam SMI kita.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ....dalam *plastic injection, plastic moulding*....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...*metal stamping*....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Okay, oleh kerana.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Oleh kerana waktu tidak mengizinkan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Saya bagi Tebrau. Dia sudah bangun itu. Kemudian saya minta Menteri menjawab. [Disampuk] Sudah cukup enam. [Disampuk] Ya, ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Selepas ini hendak tutup, tutuplah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kemudian Menteri menjawab ya.

2.38 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun tidak berapa panjang hendak menyentuh dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Satu saya hendak menyentuh kepada B.20 ini, 02000 – Kerjasama Ekonomi ASEAN ataupun AFTA. Tadi sahabat saya dari Jeli pun sudah sentuh. Kita sedia maklum AFTA ini ataupun ASEAN Free Trade Area akan dilaksanakan jika tidak ada halangan, 2003 difahamkan. Cuma, saya hendak menyentuh dari segi pengeluaran kereta negara apabila AFTA ini dilaksanakan.

Sekarang dalam tahun 2001, 2002 mungkin kita akan banyak mengeluarkan produk-produk kereta, EON jenamanya yang baru ini, Kelisa. Mungkin tahun 2002 ada jenis baru akan dikeluarkan. Saya cuma hendak tahu dari segi jumlah pengeluaran ini yang jika tidak dikawal, saya tidak tahu ke mana kita akan pergi sekiranya perjanjian

AFTA dengan negara-negara ASEAN dilaksanakan pada 2003. Ia kena ambil tindakan dari awal, Tuan Pengerusi, supaya apabila berlaku sahaja atau pelaksanaan AFTA dilaksanakan, suasana penjualan harga kereta adalah berbeza.

Tadi sahabat saya pun ada menyentuh tentang harga kereta ataupun motosikal di negara-negara lain lebih murah – apabila AFTA dilaksanakan, sudah tidak ada cukai, tidak ada apa, harga sudah murah. Mungkin kereta yang dahulu beratus ribu sudah jadi separuh kerana yang paling mahal ini adalah cukai. Cukai import kereta itu yang jadi mahal. Apabila ini dibatalkan, maka harga kereta sudah berubah begitu jauh.

Bila ini berlaku, maka saingan pengeluaran kereta kita akan terjejas sebab kereta nasional negara kita adalah satu pengeluaran yang besar. Saya khuatir kalau tidak diawasi, tidak diambil perhatian tentang pengeluarannya dalam tempoh setahun atau dua tahun ini, apabila berlawan sahaja dengan kereta-kereta lain, maka tentulah orang ramai akan berminat kepada kereta-kereta jenis lain yang pada masa ini mahal kerana dikenakan cukai tetapi apabila AFTA dilaksanakan, cukai sudah tidak dikenakan, jadi harga kereta sudah menurun. Bila menurun, ia menjejaskan kereta kita.

Kita khuatir juga kerana ada negara-negara yang ada pengeluar kereta, ada yang tidak. Kalau di Singapura itu langsung tidak ada dan kita ada. Jadi, kita tidak hendak dengan pelaksanaan AFTA ini akan merugikan negara kita dan kita kena betul-betul kaji pelaksanaan ini, jangan ada pula negara-negara lain sabotaj kita.

Dalam masalah berniaga, business ini, macam-macam boleh berlaku kalau tidak betul-betul diteliti perjanjian AFTA ini, Tuan Pengerusi. Sebab apa, kalau berlaku esok sudah dilaksana, jangan merugikan kepada negara kita. Negara kita banyak pengeluaran. Selain daripada kereta, kita ada juga pengeluaran kelapa sawit, ada pengeluaran pertanian dan juga sebagainya tetapi ada negara kadang-kadang ia tidak terlibat dengan perkara ini tetapi jangan bila AFTA ini dilaksanakan, ia akan merugikan kepada negara kita.

Saya tidak tahu sejauh mana perjanjian AFTA ini dibuat oleh kementerian ataupun kerajaan dengan negara ASEAN yang lain. Kita mesti kaji keuntungan yang ada pada kita. Yang saya khuatir ini ialah pada kereta nasional sahaja sebab hari ini pun kalau ikut harga kereta kita pun...

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ini sudah tidak ada masa.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sama-sama berkabung, okaylah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila, sila.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Pengerusi, saya ingin mohon penjelasan daripada sahabat saya, Tebrau, mengenai AFTA ini. Ada pendapat daripada negara-negara sedang membangun yang beranggapan bahawa AFTA ini adalah satu penjajahan bentuk baru yang memberikan atau mengenakan tekanan kepada negara-negara yang cuba untuk bangkit bagi memasarkan produk dalam negeri untuk dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Dengan adanya kekangan ini, adakah Yang Berhormat setuju bahawa negara-negara membangun ini harus bangkit bersama-sama untuk memberi satu isyarat kepada negara-negara maju bahawa kita merupakan satu kuasa besar yang tidak boleh dinafikan kekuatan kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Memang cadangan Yang Berhormat itu baik, sebab itulah saya kata dalam keadaan-keadaan begini, kita kena ambil perhatian dan tindakan yang serius. Saya kata kalau pelaksanaan AFTA ini dilaksanakan, banyak perkara akan timbul.

Jadi, sehubungan itulah, kita hendak juga negara kita yang saya katakan tadi sebagai negara yang banyak mengeluarkan pengeluaran yang besar supaya tidak menanggung kerugian. Itu sebab tadi saya hendak tumpukan sahaja kepada pengeluaran kereta nasional. Saya takut kalau esok harga kereta nasional, yang sekarang Kelisa pun RM42,000, kereta lain datang pun RM42,000 juga – kerana perjanjian AFTA ini sudah dilaksanakan, tentu nanti orang bila hendak pilih, “Oh, ini bagus, kereta luar negara, baik. Dahulu mahal kerana ada cukai tetapi sekarang sudah tidak ada cukai. Jadi, lebih baik kita beli.” Dan apa akan jadi kepada kereta-kereta negara kita?

Sebab itulah dalam pengeluaran kereta kita ini, saya pun ingat dalam tempoh 2 tahun ini, kena buat kajian juga sejauh mana penjualan kereta ini dapat dilaksanakan dalam tempoh sebelum AFTA ini dilaksanakan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Jadi, saya haraplah, kata saya tadi, janganlah bila sudah dilaksana nanti, tadi pun ada, negeri Thailand pun telah membuat kilang Mercedesnya. Esok harga Mercedes pun sudah sama dengan harga Perdana kita. Tentulah apabila itu berlaku, orang akan pilih Mercedes kerana nama Mercedes ini masyhur. Jadi, ini pun kita kenalah berjaga-jaga dalam perjanjian AFTA ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya hendak menyentuh sedikit Butiran 080500 – Pewujudan Bahagian Perdagangan Elektronik. Ini saya tak tahulah dalam keadaan ekonomi yang ada ini, banyak negara terjejas dari segi pengeluaran elektronik dan pemberhentian kerja pun terlibat begitu besar dan mungkin Malaysia ini ada pemberhentian pekerja, termasuk juga di Johor.

Saya tidak tahu sejauh mana kementerian melaksanakan kewujudan perdagangan elektronik ini kalau keadaan ekonomi dalam bahagian elektronik terjejas seperti yang berlaku di negara Singapura yang negara itu ialah sebuah negara elektronik tetapi begitu teruk terkena dengan sebab peristiwa 11 September lalu.

Jadi dalam hal ini saya tidak tahu sama ada kementerian melihat kembali dalam perkara ini supaya masalah pemberhentian pekerja di kilang elektronik dan sebagainya tidak begitu terjejas teruk ataupun boleh kementerian mencari jalan lain, pengeluaran lain yang boleh membantu negara walaupun ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi mungkin ia juga akan melibatkan para pengeluar yang lain yang dapat dibantu oleh kementerian ini dari segi pertanian.

Saya tahu dia melibatkan Kementerian Pertanian tetapi mungkin dari segi import barang-barang ini agak ataupun buka kilang-kilang yang hasilnya bergantung kepada pertanian dapat diperbanyakkan lagi di negara kita supaya kita dapat menampung pekerja-pekerja yang mungkin terlibat dengan kerja dalam bidang elektronik ini kerana masalah yang saya sebut itu tadi.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahajalah dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya jemput kementerian menjawab.

2.48 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan telah memberi pandangan dan cadangan tentang isu ada kaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Yang pertama, Yang Berhormat bagi Tambun mengatakan kemasukan China dalam WTO memang merupakan satu ancaman kepada lain-lain negara khususnya negara ASEAN dan Malaysia.

Tuan Pengerusi, ingin saya mengatakan di sini bahawa kemasukan negara China sebagai ahli WTO akan membawa cabaran tetapi pada masa yang sama ia akan juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat perniagaan Malaysia kerana sebagai ahli WTO, China perlu melaksanakan komitmen yang akan memberi kesan positif kepada pembangunan perdagangan dunia iaitu penurunan tarif yang akan memberi peluang kemasukan pasaran yang lebih luas.

Dalam perkara ini, dalam perjanjian *Bilateral Market Access Negotiation Agreement* dengan izin, yang telah ditandatangani oleh Malaysia dan China pada April

tahun 2000, China telah bersetuju menawarkan kepada Malaysia satu pakej konsesi terhadap 760 produk yang Malaysia mempunyai kepentingan pasaran dan kebanyakan produk ini termasuk elektronik, *electrical*, barangan berasaskan kayu dan juga minyak kelapa sawit dan sebagainya.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kemasukan China juga akan memastikan ada penyelarasan undang-undang dan peraturan mengenai perdagangan dan pemiagaan di seluruh negara China dan juga negara China perlu memberi layanan sama rata kepada syarikat-syarikat tempatan dan asing dan juga negara China juga akan membukakan pasaran sektor perkhidmatan pada lain-lain negara.

Keseluruhannya Tuan Pengerusi, kita beranggapan bahawa manfaat adalah lebih banyak daripada cabaran. Apa yang penting seperti saya telah pernah....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat ada yang berdiri minta penjelasan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti saya habis dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti sedikit lagi. Ya!

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya pernah jawab di sini, apa yang penting ialah pengusaha-pengusaha tempatan mesti mengadakan sikap yang positif dan mengambil langkah yang perlu untuk menerokai pasaran dengan lebih awal. Jangan kita tunggu-tunggu dan di mana kita perlu membuat perubahan meningkatkan daya saing, kita perlu menjalankan dengan usaha yang gigih. Pasaran dunia adalah pasaran bebas dan persaingan kian hebat, maka saya berpendapat apa yang penting ialah sikap yang positif dan kalau kita menutup sikap terhadap kemasukan China dalam WTO maka kerugian dalam peluang untuk kita terokai pasaran China mungkin lebih besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita bukan katakan menutup China untuk kemasukan dalam WTO. Tetapi kita mesti memandang serius terhadap persaingan yang akan diberikan oleh Negeri China kepada negara kita khususnya seperti dalam pembuatan baju, kain dan kasut dan industri penternakan.

Pada waktu sekarang pun pengusaha-pengusaha telah merasai kesusahan untuk bersaing dengan negeri China khususnya dari segi perindustrian membuat kasut, membuat kain dan membuat baju kerana produk-produk dari China yang harganya begitu rendah dan pengusaha kita di sini tidak dapat bersaing dengan harganya.

Dalam pasaran kita sendiri dalam Malaysia banyak mereka telah menukar dari perbuatan membuat, *manufacturing* ke *importing* untuk mengimport barangan sahaja supaya dapat menjual di pasaran tempatan. Tetapi masalah akan timbul di mana pekerja kita. Ada ramai pekerja yang bekerja di kilang membuat baju dan membuat kasut. Kalau kita tidak mengadakan langkah-langkah untuk membantu mereka meningkatkan daya persaingan, pekerja ini akan kehilangan kerja. Ini hanya di antara beberapa industri sahaja, beberapa sektor sahaja.

Bagaimana dengan sektor-sektor yang lain seperti menanam sayur. Sekarang ada pengusaha telah pergi ke Indonesia untuk menanam sayur. Macam mana negara kita akan membekalkan pekerjaan kepada rakyat kita sendiri? Tolong jelaskan. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, adalah tidak boleh dinafikan bahawa ada subsektor-subsektor tertentu di mana kita tidak mempunyai kekuatan lagi. Khususnya sektor di mana yang akan menggunakan tenaga manusia yang terlalu banyak. Tetapi apa yang kita perlu sedar atau strategi kita ialah supaya kita mengeluarkan barangan di mana nilai ditambah yang lebih tinggi di mana ia mempunyai kandungan pengetahuan dan kandungan teknologi yang lebih tinggi.

Kita tidak boleh anggap bahawa misalnya di sektor pengeluaran kasut kita tidak ada peluang lagi pada masa hadapan. Kalau kita banding dengan negara Itali. Di Itali upah mereka juga amat tinggi. Tetapi Itali menguasai pasaran kasut di dunia khususnya di peringkat *niche market* dan *higher value market*.

Apakah sebab dan apakah keutamaan mereka? Kekuatan mereka ialah ada R&D, mereka ada pasaran di bawah jenama dan sebagainya. Inilah pendekatan yang Malaysia perlu ambil, bukan sahaja dalam sektor kasut tetapi dalam semua sektor yang lain. Sudah sampai masa kita perlu beralih supaya kita menitikberatkan nilai ditambah, menitikberatkan R&D, *branding* dan sebagainya.

Oleh sebab itu kerajaan sedang menggubal *master plan for k-economy* supaya kita akan beralih ke arah tersebut...

**Tuan Mohd. Apani bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jeli ada berdiri. Hendak beri jalan?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ah, ada banyak soalan ini. Berapa masa ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sampai ada 20 minit lagi.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tak berapa cukup lah!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak berapa cukup ya?

**Tuan Mohd. Apani bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memang benar yang diperkatakan bahawa syarikat-syarikat negara sepatutnya berubah kepada suatu industri yang ada *value added*, dengan izin.

Sekarang ini, eksport negara kita berjumlah lebih kurang dalam RM350 bilion. 65% disumbangkan oleh sektor elektronik. Daripada 65% sektor elektronik ini, saya kira 80% adalah bukan hak milik negara kita. Bukan hak milik anak tempatan kita. Jadi saya sekarang hendak tanya, oleh kerana kita bercakap *value added*, boleh tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi tahu satu syarikat yang kita sama-sama boleh bangga, yang ada *value added*.

Jangan cakap *glove*, jangan cakap tayar, yang *value added* yang kita hendak bangga. Kita hendak bangga dengan negara kita. Boleh tidak beritahu tiga, empat syarikat kerana saya hendak pergi jaja lepas ini di merata-rata. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Ya, sila.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya bagi contoh yang amat bagus iaitu Eng Technology. Eng Technology adalah satu syarikat elektronik dan *electrical* dan juga 'Globetronic', mereka merupakan *entrepreneur* dan pengusaha tempatan dan syarikat-syarikat ini telah mencatat taraf antarabangsa. Ada banyak lagi contoh. Jadi biarkan saya teruskan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan FDI, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tentang FDI, ingin saya beritahu bahawa adalah tidak benar mengatakan FDI yang memasuki dalam Malaysia telah menurun walaupun memang benar bahawa FDI ke rantau ini dan ke kawasan ini kebanyakan telah pun beralih kepada negara China. Tetapi yang masuk ke Malaysia masih kekal pada tahap yang kita telah rancang.

Jadi saya juga ingin beritahu bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk terus menarik FDI di Malaysia termasuk menghalusi pakej-pakej insentif yang akan diberi kepada pelabur-pelabur daripada luar negeri dan juga melonggarkan syarat pegangan ekuiti sehingga tahun 2003 dan juga selain daripada itu, kerajaan juga giat memperbanyakkan lagi misi perdagangan dan pelaburan di luar negeri. Kerajaan telah pun meluluskan pusingan kedua insentif pelaburan kepada syarikat-syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia. Jadi ini adalah langkah-langkah yang telah diambil untuk terus menarik pelabur luar negeri ke Malaysia.

Mengenai dengan pembangunan IKS yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, ingin saya memberitahu bahawa ia memang mempunyai banyak program untuk memajukan industri kecil dan sederhana khususnya dalam *Global Supply Program* di Pulau Pinang di mana melalui latihan dan juga rangkaian dengan industri multinasional di Pulau Pinang kita telah berjaya mewujudkan banyak *supplier*

kepada industri-industri multinasional di Pulau Pinang dan program ini sedang dijalankan di Johor Baharu dan dikembangkan di lain-lain negeri juga.

Jadi dalam *Global Supply Program* ini, IKS akan dapat memainkan peranan yang penting dalam membekalkan komponen melalui *global supplier chain* dan juga ia akan menjadikan Malaysia sebagai satu *procurement center* di mana IKS-IKS boleh membekalkan barangan mereka kepada pembeli-pembeli daripada syarikat antarabangsa.

Mengenai dengan industri automobil nanti saya akan jawab serentak sebab ramai Ahli Yang Berhormat telah sentuh perkara ini.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada juga sebut tentang *Free Trade Agreement* yang ditandatangani oleh Singapura dengan New Zealand dan ingin tahu pendirian Malaysia.

Tuan Pengerusi, ingin saya beritahu bahawa Malaysia telah ada perjanjian-perjanjian perdagangan dengan banyak negara walaupun kita tidak panggil perjanjian *Free Trade Agreement*. Perjanjian perdagangan dua hala dengan 61 negara telah pun ditandatangani dan ini merupakan satu mekanisme di mana Malaysia sentiasa mengadakan perbincangan perdagangan untuk memajukan perdagangan dan pelaburan dua hala.

Selain daripada itu, Malaysia juga melalui mekanisme pelbagai hala seperti WTO dan juga kerjasama serantau seperti AFTA memajukan perdagangan dan pelaburan antara ahli-ahli kerjasama ekonomi serantau.

Ingin juga saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa dalam perjanjian Singapura dan New Zealand, Malaysia akan kaji dengan teliti kandungan perjanjian tersebut dan mengikut perjanjian AFTA, jika apa yang diberi oleh negara Singapura kepada negara New Zealand adalah lebih baik daripada apa yang dijanjikan dalam Perjanjian AFTA maka Singapura juga terpaksa memberi layanan yang sama kepada lain-lain ahli negara ASEAN.

Jadi setakat ini Malaysia tidak bercadang untuk mengadakan apa-apa perjanjian "Free Trade Agreement" tetapi kita cuma akan memberi keutamaan kepada rundingan-rundingan liberalisasi pasaran dan tarif di peringkat pelbagai hala seperti WTO.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengatakan tentang apakah rasional Malaysia telah mengubah pendirian dan menerima perundangan baru di Persidangan WTO. Ingin saya memberitahu di sini bahawa adalah tidak benar mengatakan dalam Persidangan WTO baru-baru ini Malaysia telah bersetuju untuk mengadakan perundangan baru. Apa yang telah dipersetujui ialah ahli-ahli WTO akan mula mengadakan kajian dan klarifikasi terhadap beberapa isu yang telah dicadangkan dan dalam tempoh sebelum persidangan kelima, kita cuma akan membincang "modaliti" untuk perbincangan dan pada persidangan kelima barulah negara-negara di WTO akan membuat keputusan secara konsensus tentang "modaliti" perundangan baru. Semua ahli kena bersetuju tentang "modaliti" perbincangan.

Saya rasa perlu membetulkan tentang tanggapan tersebut dan saya ingin menjamin kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Malaysia akan mengambil bahagian yang aktif dalam semua perbincangan sama ada jawatankuasa penuh atau jawatankuasa kecil untuk memastikan kepentingan negara terjamin.

Tentang pembukaan sektor pertanian, ingin saya memaklumkan bahawa perbincangan akan meliputi pembukaan pasaran, pengurangan subsidi domestik, subsidi eksport, dan ada satu peruntukan yang amat istimewa iaitu layanan istimewa bagi negara-negara membangun. Ini bermakna fleksibiliti akan diberi kepada negara-negara membangun untuk meneruskan program-program pembangunan pertanian dan program-program pembasmian kemiskinan. Ini adalah persetujuan-persetujuan yang telah dicapai dalam perundingan di Doha ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita sebut tentang pembukaan pasaran di pertanian, sektor padi cuma merupakan satu sub sektor sahaja. Ada sub sektor lain amat penting kepada negara kita seperti eksport minyak kelapa sawit, di mana kita juga harap lain-lain negara akan membuka pasaran mereka kepada eksport minyak kelapa sawit Malaysia.

Pendek kata, apa yang telah dipersetujui ialah kita bersetuju untuk membincang "modaliti" perbincangan dan bukan kandungan isu-isu baru. Saya harap jangan khuatir.

Isu tentang pemberian syer, ingin saya memberitahu bahawa tugas pemberian syer atau pembahagian saham-saham khas yang dipertanggungjawabkan kepada MITI dilaksanakan dengan telus dan mengikut garis panduan yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Garis-garis panduan adalah seperti berikut:-

- (i) 65% akan diberi kepada institusi amanah. Yang akan diberi keutamaan ialah seperti PNB, Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera dan sebagainya. Itu garis panduan yang pertama;
- (ii) 25% kepada pemegang-pemegang saham sedia ada dalam syarikat yang menawarkan saham;
- (iii) 10% kepada ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang akan disenaraikan dan pihak-pihak berkaitan dengan syarikat mengikuti syarat.

Dan sekiranya jumlah saham-saham khas yang ditawarkan itu besar dan terdapat penolakan daripada kategori institusi amanah keutamaan di atas, sama ada semua atau sebahagian saham yang diperuntukkan, maka bagi saham akan ditawarkan kepada institusi amanah dan yayasan di peringkat negeri yang diiktirafkan.

Dan sekiranya masih terdapat bagi setelah tawaran kepada semua kategori yang diberi keutamaan di atas, maka bagi saham berkenaan akan ditawarkan kepada koperasi dan syarikat yang berdaftar dengan MITI.

Jadi, dalam kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena tentang Top Glove Corporation, ingin saya memberitahu bahawa selepas semua pembahagian masih terdapat sejumlah 5,136,000 unit saham telah ditolak sebahagiannya atau kesemuanya oleh institusi-institusi dan bumiputera-bumiputera yang telah diperuntukkan saham tersebut.

Saham-saham yang telah ditolak itu telah diletak di bawah akaun amanah dan akan diperuntukkan kepada bumiputera lain yang layak. Dalam perkara ini, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak - saya mengulangi, tidak - menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera ketiga peruntukan saham-saham khas Top Glove Corporation Berhad dibuat.

Saya harap ini telah dapat menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Pokok Sena berdiri Yang Berhormat

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Setiausaha Parlimen yang telah memperjelaskan tentang isu pengagihan saham dalam Top Glove Corporation ini.

Tadi disebut bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menghadiri mesyuarat, cuma bagi saya apakah satu pengesahan yang boleh memberikan satu keyakinan kepada Dewan ini dan juga kepada rakyat keseluruhannya bahawa Yang Berhormat Menteri tidak hadir dan tidak terlibat dalam kes pengagihan saham yang melibatkan kepentingan dia sendiri iaitu menantu dia, sebab berasaskan kepada kes yang lalu dalam Universal Leaders sendiri, dikatakan bahawa - kalau mengikut siasatannya - mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri hadir. Yang Berhormat Menteri minta hendak keluar tetapi katanya, dikatakan oleh menteri, dihalang oleh Ketua Setiausaha pada waktu itu, Asmat Kamaludin untuk keluar. Tetapi daripada siasatan yang dibuat oleh BPR, BPR mengatakan bahawa semua saksi-saksi mengatakan bahawa Asmat Kamaludin tidak pernah menghalang ataupun menyuruh menteri untuk keluar.

Ini bermakna bahawa dalam kes Universal Leaders Holdings itu, bermakna bahawa menteri berada di dalam mesyuarat, sedangkan pada kes yang melibatkan

bekas EXCO Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Haji Ahmad Muslim, beliau hanya hadir dalam mesyuarat tetapi tidak mempengerusikan mesyuarat. Dalam kes pemberian tanah anugerah kepada beliau, akhirnya beliau didapati bersalah oleh mahkamah.

Oleh sebab itu dalam kes ini, saya kira bahawa jawapan Yang Berhormat tadi tidak memberikan satu keyakinan bahawa tidak terlibatnya menteri dalam memberikan pengagihan saham kepada keluarganya iaitu menantunya. Sebab itu bagi saya bahawa sepatutnya kalau Yang Berhormat sendiri mencontohi Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu membuat report kepada BPR untuk menyiasat kepada bos Yang Berhormat sendiri tentang keraguan penglibatan Yang Berhormat Menteri dalam pengagihan saham kepada menantunya.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, jawapan saya tadi jelas menunjukkan bahawa pembahagian saham adalah mengikut kriteria, ada satu committee yang menjalankan dan semuanya adalah above board.

Jadi, tentang isu Top Glove Corporation saya pun telah memberi jawapan yang saya percaya amat meyakinkan. Pihak pembangkang mengatakan tidak meyakinkan sebab pihak pembangkang mempunyai agenda politik.

Tentang lain perkara, itu adalah irama lama, lagu lamalah, sudah basi. Tak payahlah, sebelum ini menteri sendiri pun pernah hadir di Dewan di sini untuk menjawab soalan ini dan saya rasa tidak perlu dijawab lagi. Isu Top Glove ini, tadi jawapan saya adalah mencukupi dan menjelaskan segala pembahagian saham adalah jelas dan juga telus dan juga above board. Jadi, jangan kita mempolitikkan isu ini ya.

Yang Berhormat daripada Kemaman ada menyentuh tentang perolehan teknologi oleh syarikat-syarikat dan berpendapat bahawa banyak perolehan teknologi adalah ketinggalan masa dan ada banyak syarikat Malaysia tidak mempunyai teknologi terkini yang diperlu oleh industri-industri kita.

Saya berpendapat pandangan Yang Berhormat tidak khusus dan ada sebahagian besar tidak benar, misalnya kalau kita kata dalam industri software dan hardware, tahap teknologi industri sektor ini adalah rendah berbanding dengan negara seperti Amerika Syarikat dan negara maju, mungkin ada kebenaran. Kalau dibandingkan dengan lain-lain negara, saya rasa adalah tidak benar. Kita tidak boleh membuat sweeping statement, ....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti, saya habiskan dahululah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Habis dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya rasa tidak boleh membuat *sweeping statement* dan statement yang tidak berasas.

Tentang wafer fab di Kulim, tidak boleh dinafikan bahawa permintaan tentang wafer fab dan electronic chips kini adalah rendah oleh kelembapan ekonomi di Amerika, tetapi ini adalah "cyclical", sektor elektronik khususnya chips memang "cyclical" dan segala program pelaksanaan masih dijalankan dan mungkin kita akan membuat perubahan terhadap jadual pelaksanaan untuk menghadapi kelembapan dan permintaan daripada pasaran Amerika. Walau bagaimanapun, ia akan terus dilaksanakan seperti mana yang telah dirancang. [Deringan hand phone berbunyi] Ini adalah teknologi daripada chips juga, ya. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, tentang bantuan yang diberi oleh kerajaan kepada industri-industri dalam perolehan teknologi, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan melalui MTDC telah pun menubuhkan satu tabung perolehan teknologi iaitu "technology acquisition fund" di mana dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM113 juta telah diperuntukkan dan RM80.2 juta telah diluluskan kepada 75 syarikat. Dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan terus memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk tujuan tersebut dan untuk Belanjawan tahun 2002 sebanyak RM70 juta akan diperuntukkan untuk tabung ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Saya percaya dengan tabung ini kita akan dapat membantu industri ....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [Bangun]

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tidak ada masa lagi, saya ada jawapan lagi. Kita akan dapat membantu syarikat-syarikat tempatan khususnya IKS dalam memperoleh teknologi yang diperlukan.

Tentang pembangunan IKS, adalah tidak benar mengatakan kerajaan tidak memberi perhatian. Kerajaan melalui agensi MITI seperti SMIDEC, MATRADE, MPC dan MTDC telah banyak merancang pelbagai program untuk memajukan IKS ini dalam negara kita, sama ada dalam bidang pembangunan teknologi, pembangunan sumber manusia atau pembangunan pasaran dan sebagainya. Jadi, kalau ada sektor-sektor tertentu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat seperti *explosion proof cable tray*, *cable ladder* dan juga lain-lain *cable*, saya hendak cadang supaya Yang Berhormat merujuk kepada buku ini iaitu buku panduan *Investment In The Malaysian Manufacturing Sector, Policy, Incentive And Facilities* di mana tercatat senarai produk-produk dan aktiviti yang digalakkan dalam sektor elektronik dan *electrical*. Dalam pada itu *cable* yang diguna dalam sektor elektrik merupakan salah satu produk yang diberi insentif tertentu untuk menubuhkan industri pengeluaran. Yang Berhormat boleh hubungi saya kalau ingin tahu lebih teliti lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** 2, 3 minit lagi..... Jeli dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah sentuh tentang sektor automobil. Ingin sekali lagi saya menjelaskan, sepertimana saya telah beberapa kali menjelaskan di sini bahawa sektor ini adalah sebahagian sektor industri berat yang masih memerlukan perlindungan negara tetapi kita tidak berhasrat memberi perlindungan secara selama-lamanya. Pihak pengusaha sektor telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan dan daya persaingan mereka dan langkah-langkah yang diambil termasuk peningkatan kecekapan proton, penurunan kos pengeluaran melalui *multi sourcing*, mewujudkan sistem pembekal komponen utama yang mampu mengurangkan masa pemasangan kereta, *cost inventory*, kualiti produk dan juga kecekapan pembekal.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti sekejap biar saya habis ini. Dan juga pastikan semua pembekal mempunyai taraf ISO dan juga mengurangkan kos setahun di antara 5% hingga 10%. Ini adalah langkah-langkah yang telah diambil. Kita perlu beri masa sedikit dan sabar dan bagi peluang untuk pengusaha industri menjalankan, melaksanakan tugas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Masa dah habis.....kalau Tuan Pengerusi izin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** Tuan Pengerusi, ini isu penting, isu perlindungan. Adakah perlindungan industri di negara kita, adakah kita mesti terikut-ikut hujah-hujah Barat ini, yang mengatakan kononnya kita tidak perlu lagi melindungi industri kita. Walhal yang sebenarnya di negara mereka, mereka melindungi industri mereka. Pada peringkat baru-baru ini selepas September 11, industri penerbangan di Amerika teruk, dia lindungi US\$20 billion atau US\$30 billion dikeluarkan wang, peruntukan besar untuk membela industri penerbangan mereka. Mengapa kita mesti mengikut, menyanyi lagu Barat ini, belah sana memang dia ikutlah, dia tak ada lagu lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ...persoalannya Yang Berhormat .

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis:** Adakah perlu kita ikut agenda-agenda lama ini.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Memang perlu kita melindungi industri tempatan khususnya apabila kita belum sedia untuk bersaing di pasaran terbuka. Jadi jangan bimbang soalan kereta yang diperbuat oleh Cina sama ada dia memasuki pasaran tempatan. Saya mengingatkan lagi motosikal yang diperbuat dari Cina tidak memasuki

pasaran AFTA sebab ia tidak memenuhi 40% kandungan daripada negara-negara ASEAN.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat .

**Datuk Fu Ah Kiow:** Jadi, setakat itu sahaja, saya telah pun jawab semua pertanyaan-pertanyaan. Sekian, Terima kasih .

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM216,958,660 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM216,958,660 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM231,060,000 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM231,060,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

#### ***Majlis mesyuarat bersidang semula***

#### **USUL MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)**

3.20 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan;

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2), susunan giliran kementerian menjawab peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2002 untuk Kementerian Pertahanan yang mana susunan asal kedudukannya di nombor 9 ditukarkan kedudukannya ke nombor 15 dan disenaraikan selepas giliran menjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia juga untuk Kementerian Kewangan yang mana susunan asal kedudukannya di nombor 11 ditukarkan kedudukannya ke nombor 25 dan disenaraikan selepas giliran menjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. "

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

#### ***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

**Maksud B. 21 [Jadual] –**

**Maksud P. 21 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas.

Ya, Tumpat. Sila bagi Tumpat.

### 3.22 ptg.

**Datuk Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin bercakap ringkas mungkin berkenaan dengan Maksud Bekalan 21 dengan secara khusus merujuk kepada B 030000 – Konsumerisme iaitu di bawahnya 030100 – Penguat Kuasa dan 030200 – Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi dari segi kementerian ini amat penting di jaga harga-harga, supaya pengguna-pengguna tidak dikenakan kepada keadaan yang akan menjadikan kehidupan mereka dan keluarga mereka lebih susah terutama sekali menjelang musim-musim perayaan, Hari Raya, Krismas, Tahun Baru dan Tahun Baru Cina pada tahun yang akan datang ini.

Suatu perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan peringkat dasar dahulu ialah mengenai kenaikan harga minyak petrol dan diesel. Saya masih ingat dan menyimpan laporan berkenaan dengan kenaikan harga petrol dan diesel. Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya dalam penggulungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan yakin mengatakan bahawa kenaikan harga minyak petrol dan minyak diesel 10 sen seliter adalah paling rendah berbanding dengan negara-negara lain terutamanya negara-negara jiran dan untuk menguatkan lagi hujah Yang Berhormat telah menggunakan mengikut *Hansard* ini bahawa satu kajian telah dibuat oleh kementerian melalui Universiti Putra Malaysia yang mana mengikut Yang Berhormat, saya petik, "UPM telah membuat analisa statistik berhubung dengan kenaikan tersebut berdasarkan model penstabilan harga dan mendapati ia akan hanya memberi kesan kenaikan minima ke atas harga barangan makanan iaitu sebanyak 0.004%"

Dalam sesi itu saya juga menyoal sekali lagi, Yang Berhormat sekali lagi meyakinkan lagi kita semua bahawa kenaikan ini dengan izin *insignificant, negligible* malah kata Yang Berhormat 0.004% itu tidak pun sampai 1 sen dalam tiap-tiap RM1. Ini amat meyakinkan kita dan kita percaya dan kita menyokong Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Backbenchers sudah tentu amat kuat menyokong kenaikan ini. Tetapi tiba-tiba kita membaca pengumuman bahawa setelah agaknya bercanggah pendapat antara Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mula-mulanya, tapi lebih kurang seminggu selepas itu diputuskan bahawa kenaikan diesel 10 sen ditarik balik.

Ini saya fikir perlu banyak penjelasan, dari sudut bahawa ianya sudah dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini tiba-tiba ditarik sebegitu mudah sahaja, tanpa apa-apa rujukan balik kepada Dewan yang mulia. Adakah ini bermakna dari segi dasarnya kita tidak indahkan langsung peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, untuk menerima atau bersetuju penarikan balik kenaikan harga itu.

Keduanya yang amat membimbangkan kita ialah keyakinan yang dipamerkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, nampaknya kami di Dewan ini sahaja yang bersetuju, saya yakin rakyat di luar tidak bersetuju. Kalau tidak kenapa yang kementerian dan kerajaan tiba-tiba tanpa proses dan prosedur yang biasa dengan mengejut tiba-tiba menarik balik kenaikan harga minyak diesel itu. Adakah ini disebabkan oleh kerana....

**Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi:** [Bangun],

**Datuk Kamarudin bin Jaffar:** Saya ada 10 minit Dato' Pengerusi. Kalau saya ada masa lebih insya-Allah saya bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak bagi lagi Yang Berhormat.

**Datuk Kamarudin bin Jaffar:** Dia nak sekejap tak mengapalah saya bagi Yang Berhormat

**Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sahabat saya dari Tumpat memang baik hati dalam bulan puasa ini pula. Tidakkah Tumpat bersyukur bahawa kerajaan prihatin terhadap permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli di Dewan ini, sama ada pembangkang atau kerajaan dari segi menurunkan harga, sepatutnya ini kena terima

dengan hati yang terbuka dan dada yang lapang, jadi tidaklah memberi komen-komen yang negatif kepada langkah proaktif yang dibawa oleh pihak kerajaan.

**Datuk Kamarudin bin Jaffar:** Bab bersyukur Tuan Pengerusi banyak kali kita dengar daripada pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO. Hari ini kita dengar dari pemimpin-pemimpin kurang tinggi menyebut soal bersyukur ini [*Ketawa*]. Saya tak mahu ulas secara langsung, yang saya hendak ulas kalau bab bersyukur dan berterima kasih kerana turunnya harga ataupun dibatalkan kenaikan harga untuk diesel ini, saya nak tanya pihak kementerian pula berkaitan dengan itu. Hari ini dalam seminggu dua yang lalu, malah sudah sebulan harga petrol sudah turun dengan cara yang menjunam. Harga petrol telah turun sebegitu rendah.

Saya nak cabar pihak kementerian, berdasarkan cadangan daripada kawan saya dari Bagan Datok supaya pada 1 haribulan depan yang mana tiap-tiap 1 haribulan di semak harga minyak ini, diturunkan sekadar dengan penurunan [*Tepuk*] harga petrol yang seluruh dunia mengalaminya hari ini. Kalau itu berlaku maka saya akan lafazkan kesyukuran kepada Tuhan dan terima kasih kepada kerajaan di atas tindakan itu.

Tuan Pengerusi ini yang membimbangkan kita bahawa terdapat di pihak kementerian, saya nampak kajian yang tidak begitu menyeluruh berkenaan dengan kesan sebenarnya hasil daripada cadangan asal untuk menaikkan harga minyak petrol dan diesel itu. Dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya kementerian mewujudkan suatu unit penyelidikan yang lebih terperinci, yang lebih baik, yang khusus untuk mengkaji berkenaan dengan harga pengguna. Harga CPI ataupun indeks pengguna ini supaya kajian ini tidak lagi bergantung kepada Universiti Putra Malaysia atau mana-mana universiti dalam negara kita ini.

Saya ingin mencadangkan bahawa buat kali ini kementerian mengambil betul-betul berat berkaitan dengan masalah pengguna ini dan menggunakan sedikit peruntukan yang ada ini, untuk mewujudkan suatu unit yang benar-benar dapat mengkaji berkaitan dengan harga pengguna supaya kesilapan perkiraan seperti yang dirujuk yang menjadi nampaknya, asas landasan dasar yang dibuat oleh pihak kementerian bahawa kenaikan 10 sen hanya mengakibatkan 0.004% tidak lagi kesilapan perkiraan seperti ini tidak berulang dan kalau itu insya-Allah dapat kita elakkan pada masa-masa yang akan datang, ianya tidak akan lagi meletakkan kerajaan dan kementerian dalam keadaan seperti yang berlaku ini, iaitu mengumumkan kenaikan harga, tiba-tiba menarik balik dasar itu. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Batang Lupar. Ya, teruskan.

3.30 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.. Saya ada dua perkara. Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya ada kompelin sedikit dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri soal tambang *express boat* di Sarawak termasuk kawasan saya. Semenjak dinaikkan harga diesel dahulu, dinaik RM3.00 daripada RM15.00 ke RM18.00. Jadi, yang masalahnya, apabila diesel diturunkan harga, tambang tidak dituruni bersama. Jadi, ini saya sebut di bawah Butiran 0301000 – Penguatkuasaan. Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian atau Yang Berhormat Menteri sendiri bolehlah jumpa kepada *express* ini minta kuat kuasakan undang-undang dan janganlah orang kampung gunakan *boat express* tambang RM3.00 lebih tiap-tiap seorang. Kenaikan yang hampir 30%.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya juga soalan diesel ini tadi, harga naik turun dan sebagainya. Saya hendak bertanya kerajaan menyatakan diesel ini telah mengenakan kerugian kepada pihak kerajaan oleh kerana subsidi. Saya hendak tanya berapakah jumlah subsidi yang diberi oleh pihak kerajaan tiap-tiap tahun ataupun selama ini semasa kita *subsidize* dengan izin, harga diesel ini supaya *menstabilisekan* harganya di pasaran. Dan kenapakah pula kita gunakan mekanisme yang tertentu yang mana ada dikatakan *Singapore Posting* iaitu harga nilai diesel daripada Singapura yang dinilai oleh syarikat minyak asing yang kita gunakan, bahkan kita sendiri pengeluar minyak di Malaysia ini dan kenapa tidak kita gunakan nilai kita sendiri? Dan saya minta penjelasan daripada pihak kementerian juga bahawa penilaian yang dibuat

oleh pihak minyak asing ini dipercayai lebih tinggi daripada nilai *average* dengan izin, antarabangsa. Jadi kenapa kita tidak gunakan nilai antarabangsa dan kenapa kita gunakan nilai yang dibuat oleh pihak Shell, Esso dan sebagainya dibuat di Singapura dipanggil *Singapore Posting* ini. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, ialah atas perkara penguatkuasaan di bawah bilangan yang sama. Apabila kerajaan menurunkan harga kasut beberapa tahun dahulu, jadi saya mendengar harga cukai kasut ini turun 30%, saya pergilah ke pekan hendak beli kasut yang mahal-mahal dapat murah sedikit, mungkin turun 30%. Tetapi malangnya kasut Bally dijual di kedai-kedai itu naik harga, tidak turun. Jadi, ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan itu masih banyak kelemahannya dan pihak peniaga masih hendak mengaut untung walaupun kerajaan telah cuba menolong masyarakat keseluruhannya mendapat barang-barang dengan harga yang murah. Dan kalau kita lihat di bawah penurunan cukai perkara umpamanya minuman, kain, sulaman dan kain selimut umpamanya, 55 *items* di bawah tajuk sedemikian, diturun cukai 20% ke 105% kepada 10 ke 50%. Ini adalah menunjukkan penurunan yang *substantial*. Begitu juga 25 perkara serbuk koko dan *sweetches* diturunkan 10% ke 30% ke 5% ke 25%. Dan 109 perkara komponen perabot muti-media projektor daripada 25% ke 30% ke 0 ke 25%. Dan 37 perkara *telephone answering machine* dan kertas untuk buat gambar daripada 5 ke .....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Point of Order, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bercakap dengan telefon semasa mesyuarat tengah bersidang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sri Gading bercakap di telefon semasa mesyuarat tengah bersidang. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, Peraturan Mesyuarat perlu dipatuhi. Sila duduk. Baik, baik. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya terganggu selama 2 minit Tuan Pengerusi, oleh kerana gangguan daripada Kemaman, jadi minta tambahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak sampai, tidak sampai, 2 saat sahaja.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tidak boleh tambah, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Mengangguk]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Jadi, satu lagi iaitu daripada makanan pun ada penurunan - *sharks fin*, madu, teh hijau (*green tea*) diturun daripada 5% ke 30% ke 2% ke 15%. Jadi, penurunan-penurunan cukai ini adalah amat jauh tinggi dan *substantial*. Maknanya, masyarakat keseluruhannya dan pengguna-pengguna sepatutnya mendapat keuntungan daripada penurunan cukai oleh pihak kerajaan. Jadi persoalannya, penurunan cukai ini kesemuanya dikuat kuasa semenjak pembentangan kewangan dahulu, bulan 10, bulan Oktober. Tetapi pada masa sekarang, saya belum pasti bahawa barang-barang yang telah diturunkan mengikut apa yang dicadangkan dalam pembentangan Belanjawan ini telah diturunkan. Dan apakah jaminan kementerian supaya harga-harga yang saya sebut tadi, yang hampir 200 lebih perkara yang saya sebut tadi, itu belum semua lagi, sudah diturunkan oleh pihak kerajaan dan masyarakat keseluruhannya mendapat nikmat daripada penurunan harga sedemikian dan pihak-pihak peniaga tidak mengambil peluang supaya mendapat untung daripada semua perkara ini - barang-barang yang telah diturun harga oleh pihak kerajaan.

Jadi Tuan Pengerusi, satu lagi perkara, baru saya nampak dalam Belanjawan ini yang saya ingin hendak tahu, apakah fungsi dan tujuan pewujudan satu badan yang digelar Institut Pengajian Harta Intelek. Jadi, saya hendak tahu tujuan institut ini adakah Institut Pengajian Harta Intelek ini ada hubung kait dengan mengajar orang apa benda harta intelek ini. Ataupun apakah bidang kuasa ataupun bidang tindakan yang dibuat di bawah institut ini kerana ini adalah perkara-perkara baru dan tidak diketahui oleh kebanyakan orang.

Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, ialah soalan ROC. Soal ROC ini masih menjadi satu masalah yang besar kepada kita terutama sekali daripada Sarawak, mungkin juga di Sabah Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 14100. Kita masih belum mendapat perkhidmatan yang cepat yang kita harapkan. Semenjak ROC ini dibekalkan dengan alat komputer, dengan dasar pengkomputeran badan ini, tetapi pada masa sekarang masih pencarian syarikat di peringkat negeri terutama sekali di negeri Sarawak belum dapat mencapai tahap masa yang kita harapkan. Kerana Tuan Pengerusi, dalam keadaan zaman sekarang kalau orang hendak memasuki dalam satu perjanjian ataupun *agreement* umpamanya mereka mesti mendapat jawapan yang cepat, dengan jawapan yang penuh dengan maklumat-maklumat yang boleh kita dapati untuk memberi pengetahuan kepada pihak yang hendak membuat surat janji dengan sesiapa yang berkenaan.

Tetapi pada masa yang sama ROC belum lagi boleh membekali maklumat-maklumat ini dengan cepat kepada pihak-pihak yang tertentu. Umpamanya, carian kalau hendak dibuatkan masih memakan masa, jawapan sekurang-kurangnya sebulan kalau di Sarawak. Jadi, maknanya komputer yang ada pada ROC ini belum lagi mendatangkan hasil yang kita harapkan sebagaimana dalam cadangan ini dahulu. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja perbincangan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan Datok.

3.40 ptg.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara B.21 - pecahan 030100, pecahan 030200 dan pecahan 030300. Dalam pecahan 030100 dalam bidang penguatkuasaan, saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai objektif bahagian ini yang berhajat untuk menguatkuasakan undang-undang dan melindungi pengguna serta memastikan urusan transaksi sewa beli melalui perjanjian sewa beli berjalan secara teratur. Ada 4 aspek yang saya perlu lontarkan di Dewan yang mulia ini, iaitu pertama, mengenai terdapat syarikat-syarikat yang menjual peralatan barangan rumah yang mengenakan faedah 1% sebulan. Yang kedua, ada syarikat yang mengenakan kadar faedah 0%. Ada syarikat sewa beli yang mengenakan bayaran melebihi daripada harga pasaran, dan yang keempat, ada syarikat yang mengenakan deposit sifar tetapi sebenarnya memberikan penekanan kepada pengguna.

Tuan Pengerusi, dalam kategori syarikat-syarikat yang menjual barangan dan peralatan rumah yang mengiklankan hanya mengenakan faedah 1%. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian supaya dipantau syarikat-syarikat dalam kategori berkenaan. Jika iklan yang terdapat dalam media menyebutkan hanya 1% sahaja faedah dikenakan dalam sebulan, ini bererti faedah yang dikenakan kepada pengguna adalah 12% setahun dan ini melebihi kadar yang diizinkan oleh BAFIA atau oleh institusi kewangan yang di bawah pengawalan Bank Negara.

Oleh yang demikian, *effective rate*, dengan izin ataupun kesan kepada faedah ini sebenarnya lebih besar kepada pengguna dan ini dikhuatiri akan melibatkan kenaikan Consumer Price Index (CPI) ataupun indeks harga pengguna dan ini akan menyebabkan berlakunya inflasi yang berlebihan. Saya ingin merujuk kepada kes-kes syarikat-syarikat yang menawarkan perabot barang-barang elektrik dan juga barang-barang yang berkaitan dengan hari-hari perayaan. Dan ini amat membahayakan jika tidak ada pembendungan dibuat oleh pihak penguatkuasaan kementerian ini.

Kategori yang kedua, ada iklan dalam media yang memberikan 0% faedah, ertinya faedah sifar. Pihak kementerian harus melihat perbezaan harga asal dengan bayaran tunai dengan perbezaan harga ansuran berdasarkan kepada pembelian pembayaran tertangguh. Ini merupakan satu taktik pemasaran yang harus dipantau sebenar-benarnya oleh pihak penguat kuasa supaya pengguna tidak tertipu, supaya pengguna tidak tertindas dengan penggunaan iklan yang mengabui mata dan memberikan janji-janji yang akhirnya menyusahkan pengguna sendiri. Dalam perkara ini, saya harapkan pihak kementerian melihat iklan-iklan seperti ini dan pergi memantau dengan lebih kerap lagi walaupun saya tahu, memang dari segi statistiknya diperlihatkan pemantauan yang dibuat cukup banyak, tetapi saya fikir eloklah dalam musim perayaan ini Menteri sendiri, Timbalan Menteri sendiri dan pegawai-pegawai kanan, Ketua Setiausaha Kementerian sendiri turun ke bawah membuat *spot check*, membuat lawatan mengejut supaya pengguna-pengguna dapat *confident* balik, supaya penjual-penjual dapat dikejutkan daripada lawatan-lawatan mengejut ini.

Kategori ketiga, ialah syarikat-syarikat bukan kewangan yang memberikan kredit sewa beli. Di dalam peraturan BAFIA, syarikat kewangan dikawal oleh Bank Negara, tetapi syarikat-syarikat kredit yang memberikan pinjaman kepada pembeli-pembeli kenderaan dan peralatan yang telah melepasi tempoh pembiayaan oleh institusi kewangan, syarikat kredit ini dikawal oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan syarikat ini juga dikawal oleh kerajaan negeri. Saya mahu tahu apakah langkah pihak kementerian untuk menentukan bahawa syarikat kredit ini tidak mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi daripada kadar pasaran yang dikenakan oleh mana-mana syarikat yang tertakluk kepada BAFIA.

Dan yang keempat, kategori syarikat-syarikat yang mengenakan deposit sifar di mana barangan yang dibeli tidak dikenakan sebarang deposit, sebaliknya *deferred payment*, dilanjutkan pembayarannya. Sebenarnya ada unsur-unsur penekanan kepada harga barangan itu mengikut harga asal dan ini harus dilihat terutamanya musim perayaan yang sedang kita hadapi dalam tempoh yang terdekat ini.

Begitu juga dalam jualan murah. Dalam jualan murah kita lihat bahawa pihak kementerian telah melakukan langkah-langkah proaktif untuk menentukan jualan murah ini benar-benar murah dan tidak menekan pengguna tetapi saya fikir barang-barang perayaan seperti baju Melayu, kuih-muih tidak ada satu piawai yang dapat dibuat oleh pihak kementerian dan apakah justifikasi untuk menentukan harga-harga itu tidak menekan pengguna-pengguna. Memang benar saya lihat walaupun pemantauan dibuat terhadap alat-alat timbang untuk mengawas sebarang urus niaga tetapi itu dari segi *visible*, aktiviti ketara tetapi aktiviti-aktiviti tidak ketara ini harus dibuat lebih terperinci oleh pihak kementerian sendiri.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan soal Tribunal Tuntutan Pengguna. Dari laporan yang diserahkan kepada semua ahli-ahli Parlimen melalui Belanjawan Persekutuan 2002 dan Laporan Prestasi saya lihat tidak ada satu pun aktiviti yang tercatat yang dibuat oleh Tribunal Tuntutan Pengguna. Pada tahun 2000 prestasi aktiviti sebenar kosong. Pada tahun 2001 anggaran kosong. Hanya 2002 anggaran 450 kes akan dibawa.

Jadi, saya hendak tahu keadaan sebenarnya mungkin laporan ini salah dan mungkin tidak dikemaskinikan. Tetapi di Dewan yang mulia ini saya ingin tahu berapa keskah Tribunal Tuntutan Pengguna ini telah menerima aduan-aduan dan sejauh manakah langkah-langkah pro-aktif dapat dijalankan oleh Tribunal ini supaya kita mahu pihak kerajaan yang prihatin ini dapat ditanggap oleh masyarakat keseluruhannya bahawa kita cukup prihatin terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pengguna-pengguna tanpa melalui proses yang panjang yang dibuat oleh peguam-peguam yang menggunakan mahkamah sebagai saluran untuk memuaskan hati pengguna. Dan kita harap tribunal yang diwujudkan ini benar-benar dapat dipantau dan dapat melaksanakan kehendak masyarakat secara keseluruhannya agar keyakinan rakyat kepada kerajaan, keyakinan rakyat kepada kementerian sendiri dapat memberikan perlindungan secukupnya kepada pengguna-pengguna agar ini tidak dimanipulasikan oleh mana-mana pihak yang menanggung di air keruh. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

3.48 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. 020200 Pendaftaran Syarikat. Sejak bilakah kementerian telah menentukan supaya pendaftaran syarikat untuk nama-nama syarikat perlu dalam bentuk bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Saya mendapat pengaduan daripada seorang peniaga bahawa dia telah pergi ke syarikat pendaftaran untuk mendaftarkan syarikatnya tetapi diberitahu oleh pegawai bahawa nama yang dicadangkan tidak boleh diterima oleh pendaftar syarikat.

Misalnya saya kata, Syarikat Perniagaan Kim Sai. Dia kata saya tidak faham apa itu makna Kim Sai. Dia perlu menukar kepada Syarikat Perniagaan Singa Emas. Mana boleh ini macam. Kita hanya pakai nama terjemah. Nama sahajalah. Syarikat Pelancongan Kwai Lok. Apa makna Kwai Lok. Dia perlu nama Syarikat Pelancongan Gembira. Kalau saya buka sebuah kedai kopi Syarikat Kedai Kopi Hock Seng, apa makna Hock Seng saya tidak kenal. Kena tukar kepada Kedai Kopi Nasib Tuah. Ini semua telah hilang makna asal atau nilai bahasa Tionghua. Saya mahu Hock Seng mengapa saya perlu tukar kepada Nasib Tuah.

Saya rasa adakah ini dasar kementerian? Sejak bilakah kita menentukan dasar ini atau ini cuma ikut suka hati pegawai-pegawai yang tertentu. Maksud saya tempat yang saya maksudkan ini adalah di pejabat pendaftaran syarikat di Butterworth. Ini perlu satu penjelasan sekiranya ini adalah dasar kementerian, silalah Yang Berhormat menimbang semula. Ini tidak boleh diterima. Kita mahu supaya sesiapa sahaja yang hendak memakai nama syarikatnya dibebaskan daripada apa-apa gangguan.

Tuan Pengerusi, 030000 Konsumerisme dan 03100 Penguatkuasaan. Tuan Pengerusi, kementerian telah melancarkan satu kempen untuk menyeru orang ramai supaya bersukarela untuk menolong kementerian memantau atau memberitahu harga-harga untuk barang-barang runcit. Ini kita mengalu-alukan tetapi ada parti politik yang tertentu seperti MCA telah menggunakan kempen ini sebagai satu kempen politik. Mereka menggunakan Wanita MCA berdaftar beramai-ramai untuk jadi anggota sukarela untuk banci atau menjadi telinga kerajaan. Dan kalau ikut terjemahan orang Cina atau orang Tionghoa mereka yang memberi maklumat kepada kerajaan adalah hantu – jadi hantu kerajaan.

Ini bukan saya menghinakan mereka. Ini betul-betul jadi. Kita mengalu-alukan kempen ini. Sesiapa sekiranya saya sebagai seorang pelanggan, saya sebagai seorang pengguna kalau saya mendapati barang yang saya beli ini harganya lebih mahal pada masa biasa saya mengadu kepada kementerian. Itu boleh diterima tetapi bukan gunakan kempen ini sebagai satu kempen politik. Dan sama ada kerajaan akan melarang mana-mana parti politik untuk berkempen sedemikian.

Tuan Pengerusi, penguatkuasaan juga berkenaan dengan penyitaan barang-barang dalam penguatkuasaan. Kementerian kadang-kadang ada menjalankan penguatkuasaan mengawal harga, mengawal *labeling*, mengawal barang-barang tiruan dan lain-lain yang serupa sedemikian. Dan mereka selalunya merampas atau menyita barang-barang untuk jadi barang kes. Kadang-kadang barang yang dibawa dan di sita untuk jadi barang kes itu adalah ubat-ubatan atau lain-lain barang yang mudah rosak dan juga ada barang-barang yang ada tempoh had guna iaitu *expiry date*. Selepas mengambil atau menyita barang-barang yang diambil itu mereka perlu tunggu beberapa bulan baru ada satu keputusan sama ada peniaga itu akan didakwa dalam mahkamah atau sama ada peniaga itu akan kena kompaun atau dibebaskan daripada apa-apa tindakan. Selepas itu barang kes itu sudah jadi rosak dan sudah reput pada hari sah lakunya.

Jadi, adakah kementerian menyediakan tempat yang sesuai seperti *cold storage room* untuk menyimpan ubat-ubatan atau sama ada kerajaan menentukan sah tempoh laku itu supaya sebelum sah tempoh laku itu dikembalikan kepada peniaga itu. Jikalau tidak, memang peniaga-peniaga akan rugi banyak berikutan daripada perampasan barang-barang itu. Sekian sahaja tiga perkara saya bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang.

3.55 ptg.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Dato' Pengerusi. sebelum saya meneruskan saya ingin meluahkan rasa kecewa saya kerana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tadi langsung tidak menyentuh soalan yang saya katakan, tapi saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya kerana apa yang dia tidak jawab di Dewan dia hantar secara bertulis. Tahniahlah!

Dato' Pengerusi, di bawah butiran 020200 - Pendaftaran Syarikat dan 020300 - Pendaftaran Perniagaan serta di bawah 0300 - Konsumerisme iaitu 030100 – Penguatkuasaan dan 030200 - Hal Ehwal Pengguna. Dato' Pengerusi apa yang ingin saya tekankan kali ini ialah rasa kebimbangan saya dan juga mungkin banyak rakyat di Malaysia ini iaitu apa yang berlaku sekarang ini. Syarikat-syarikat kredit yang begitu banyak sekarang ini dikeluarkan di surat khabar.

Saya ingin petik kalau dilihat surat khabar hari ini muka surat.... [*sambil mencari*], ini surat khabar hari Selasa 23hb Oktober, oleh kerana satu muka surat penuh mengiklankan syarikat-syarikat kredit tetapi tidak ada nama syarikat. Begitu juga dalam surat khabar Berita Harian. Dalam Utusan Malaysia hari ini, muka surat ....26 Isnin, satu muka. Muka surat 30, Isnin 26, mengenai syarikat-syarikat memberi kredit. Begitu juga dengan Harian Metro, Selasa 20 November, 3 muka surat iklan mengenai pinjaman peribadi sehingga RM30,000 khas untuk kakitangan kerajaan, badan

berkanun, tanpa cagaran, tanpa penjamin; diluluskan dalam masa 1 jam; kadar faedah yang terendah. Saya cuba menelefon syarikat ini dan bertanya apakah tatacara? Ada mereka mengatakan cara yang mudah cuma menghantar slip gaji dan membawa kad ETC ataupun ATM dan juga akaun bank.

Dato' Pengerusi, memang pinjaman kita luluskan tetapi biarlah pinjaman yang produktif. Bagi saya, saya melihat perkara ini adalah satu perkembangan yang kurang sihat dalam masyarakat kita iaitu melatih budaya meminjam yang tidak produktif. Saya minta penjelasan daripada kementerian apakah syarikat-syarikat ataupun institusi yang mengiklankan memberi kemudahan kredit ini syarikat-syarikat berdaftar ataupun mengikut pemiagaan yang mereka daftarkan? Apakah kementerian sedar sebenarnya perkara ini? Apakah syarat dan prosedur yang mendapatkan lesen untuk syarikat memberi pinjaman kewangan? Setahu saya syarikat-syarikat ini - syarikat kewangan - mesti ada kelulusan daripada kementerian kewangan dan di bawah BAFIA kecuali syarikat-syarikat ataupun koperasi-koperasi dan juga syarikat-syarikat yang mengadakan kad kredit. Saya minta penjelasan daripada kementerian apakah maklumat terkini syarikat berkenaan untuk dimaklumkan kepada orang ramai.

Dato' Pengerusi saya minta kementerian menyiasat perkara ini. Mengikut maklumat yang saya ketahui kebanyakan kegiatan memberi pinjaman ini adalah beroperasi secara haram dan tiada kawalan. Perkara ini bukan berlaku di bandar sahaja seperti di dalam iklan ini kebanyakan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, tetapi juga berlaku di pekan kecil, ia dijalankan oleh orang perseorangan dan kedai tertentu seperti kedai emas dan kedai pajak gadai.

Dato' Pengerusi apabila pinjaman diberikan ia mengenakan riba atau bunga yang tinggi. , Saya difahamkan ada peminjam dikenakan bunga sehingga 10 hingga 15% sebulan - bukan setahun - sebulan dan ini diperas sehingga menyusahkan peminjam. Ada peminjam - memang peminjam ini sebagai satu syarat - menyerahkan kad ATM dan ETC dan buku pinjaman. Saya bertanya bagaimana peminjam tadi kalau untuk mengeluarkan duit dia kata terpaksa berjumpa kami semula untuk meminta duit daripada mereka. Ini bererti peminjam telah dikongkong. Dan yang menyedihkan lagi, ada peminjam yang berjumpa dengan saya yang baki gaji mereka cuma sekitar RM150 sahaja setelah ditolak pinjaman ini dan ini amat menyusahkan mereka. Tidak kurang juga yang mengalami tekanan hidup dan menjadi hamba kepada pemberi pinjaman tadi. Yang malangnya, ada peminjam yang diugut dan dianiaya oleh pemberi pinjaman tadi.

Dato' Pengerusi, apa yang tersiar di akhbar ini mungkin kerja-kerja broker ataupun lintah darat yang cuma mengambil komisen daripada peminjam. Dato' Pengerusi, kita tidak menghalang peminjam jikalau pinjaman itu perlu tetapi pinjaman haram secara ini boleh memporak-perandakan masyarakat, meningkatkan tekanan hidup dan menggalakkan pecah amanah kerana yang memberi pinjaman ini ialah kebanyakan kakitangan kerajaan dan juga pekerja-pekerja syarikat.

Oleh itu, saya mohon diambil tindakan. Yang pertama, aktiviti ini perlu disiasat dan dipantau. Yang kedua, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti ini perlu dikaji dari segi latar belakang mereka, apakah mereka ini ada lesen untuk pemiagaan tersebut. Yang ketiga, jumlah wang yang terlibat dalam aktiviti ini perlu dilaporkan ke Bank Negara untuk pemantauan kerana ini ada kaitnya aktiviti ekonomi dan NPL - dengan izin - ataupun pinjaman tidak berbayar. Yang keempat, perang akhbar, seharusnya bagi saya, saya melihat akhbar tidak seharusnya menerima iklan yang tidak bermoral seperti ini yang mana dalam iklan ini tidak ada nama syarikat, cuma nombor *handphone* sahaja. Tidak ada alamat. Siapa pengiklan? Mungkin di luar pengetahuan saya. Barangkali dirahsiakan oleh media-media, mungkin ada tetapi tidak ada dalam surat khabar. Kalau yang beretika mesti ada alamat dan juga nama syarikat dan juga nombor lesen syarikat. Yang kelima membela mangsa-mangsa yang terlibat dengan aktiviti ini dan juga. Dan yang keenam, mengadakan prosedur-prosedur tertentu khususnya dalam *tribunal* untuk membela pengguna-pengguna yang telah dianiaya melalui skim pinjaman ini. Itu sahaja, Dato' Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli, selepas ini Timbalan Menteri jawab, ya.

**Puan Chong Eng:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan timbang nantilah.

4.03 ptg.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullah dan selamat sejahtera. Dato' Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian, saya ingin menyentuh kepada 020100 - Perdagangan Dalam Negeri. Sekali lagi saya ingin mengulangi seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Tumpat sebentar tadi kerana kita tidak mahu *trend* ini berterusan di Dewan yang mulia ini. Maknanya bila pembangkang mengutarakan pandangan ataupun memberi pandangan yang berbeza dengan pihak kerajaan maka dianggap sebagai sekadar membangkang, tidak memikirkan tentang nasib dan masalah rakyat yang terbanyak. Perlu kita jelaskan bahawa pembangkang juga memainkan peranan, bukan hanya pihak kerajaan, dalam hendak memajukan negara. Oleh sebab itu saya sekali lagi mengungkitkan peristiwa di mana, apa yang pada asalnya dibangkang dan dilawan habis-habisan oleh pihak kerajaan tetapi pada masa yang akan datang, yang ditegur itu diambil balik. Sebab itu kita harus jelas.

Umpamanya dalam kes kenaikan harga diesel bila mana dibangkitkan, maknanya kita ungkit, maknanya kenaikan ini akan menyebabkan separa *impact economy*, dengan izin, maknanya bukan hanya sekadar minyak diesel yang naik tetapi minyak diesel yang naik itu akan menyebabkan kenderaan yang menggunakan minyak diesel akan cajkan kenaikan itu kepada pengguna-pengguna. Jadi sudah tentu pengguna-pengguna sama ada pekedai dan juga pengilang dan sebagainya terpaksa menaikkan kos tersebut dan bila mana mereka menaikkan kos-kos mereka dan pasti akhirnya yang akan menerima kesan daripada kenaikan 10 sen pada asalnya, separa *impact* dia pergi kepada pengguna yang mana segala barang-barang yang terlibat dengan pengangkutan akan turut naik. Tetapi akhirnya kerajaan terpaksa akur dengan kesilapan yang telah dibuat.

Begitu juga dengan Akta Pengambilan Balik Tanah dahulu. Alhamdulillah kerajaan pusing balik, terima balik yang asal walaupun pada satu ketika sudah mengenakan syarat-syarat baru akhirnya kerajaan tarik balik juga yakni kebebasan yang berleluasa dari segi pihak-pihak yang hendak ambil balik tanah itu. Sebab itu saya hendak melihat juga bahawa kalau minyak diesel boleh kita turunkan 10 sen. Begitu juga saya fikir minyak petrol juga kita boleh turunkan 10 sen kerana sekarang ini harga minyak sudah semakin menurun, sudah tidak berada pada paras USD30 setong lagi dan satu tidak faham mengapa bila mana harga minyak turun tetapi kerajaan masih mengekalkan subsidi yang terpaksa dibayar oleh kerajaan kerana penurunan harga minyak walhal harga minyak di pasaran antarabangsa sudah menurun. Di samping itu saya difahamkan bahawa negara kita membeli, mengimport minyak manakala negara kita mengeksport minyak berkualiti tinggi tetapi mengimport minyak yang premiumnya lebih rendah daripada negara-negara Timur Tengah. Jadi kalau ini berlaku maknanya harga minyak sepatutnya kerajaan tidak boleh menaikkan 10 sen dan mengekalkannya pada paras yang lama.

Di samping itu saya melihat bahawa akhir-akhir ini kita melihat bahawa satu trend marketing yang berjalan begitu maju, begitu kuat di kalangan masyarakat yang multi-level marketing dengan izin dan multi-level marketing ini kalau kita perhatikan bahawa kebanyakan produk yang dijual itu agak substandard kerana tidak ada satu pengesahan dan sebagainya dari pihak-pihak yang berwajib tetapi oleh kerana strategi pemasaran yang cukup licin, kemas dan teratur menyebabkan banyak pengguna yang tertipu dan banyak kita lihat syarikat multi-level marketing ini dalam dua atau tiga tahun akhirnya mereka juga tidak beroperasi lagi kerana mereka telah membiayai penganjur-penganjur utama ini dengan satu hadiah yang lumayan dan akhir sekali mungkin sudah sampai kepada sasaran bilangan pengguna yang tepu maka mereka tidak boleh mengembangkan lagi.

Sebab itu kita lihat umpamanya produk-produk yang sering menjadi bahan dan target ialah barang-barang jenis ubat-ubatan umpamanya Shuang Hor dengan Ganodarma dan macam-macam lagi barang-barang yang *related* dengan izin, kepada barang-barang kesihatan. Sebab itu saya memohon pihak kerajaan memantau hal ini kerana kita tidak mahu akhirnya pengguna menjadi mangsa dan syarikat ini pada satu ketika cukup hebat. Majlis-majlis perasmian pejabatnya dihadiri oleh menteri atau timbalan menteri memang kebanyakan syarikat-syarikat ini begitu halnya. Majlis perasmian pejabatnya selalu dilakukan oleh pihak-pihak yang mempunyai *authority* sama ada menteri, timbalan menteri atau setiausaha parlimen tetapi dalam dua, tiga

atau empat tahun selepas itu operasinya terhenti dan pengguna yang menjadi mangsa kerana belum ada *continuity* lagi dari segi membeli barang-barang dan produk-produk tersebut.

Sebab itu saya merasakan bahawa untuk mengemaskan lagi sistem penguatkuasaan kementerian, saya fikir mungkin sudah sampai waktu dan ketikanya kerajaan memikirkan ala James Bond mungkin, satu syarikat perisikan ala James Bond kerana dengan menggunakan syarikat-syarikat ini saya fikir upahnya berdasarkan kepada kejayaan. Kalau ini dapat dilaksanakan, saya fikir rungutan-rungutan daripada pengguna mungkin semakin berkurangan kalau tidak hendak mengharapkan kakitangan kerajaan bilangan mereka juga terhad dan banyak masalah penipuan yang berlaku di sana sini.

Bayangkan apa nasib yang menimpa pegawai-pegawai penguatkuasaan kementerian bila mana mereka cuba hendak mengawal pendedaran bahan-bahan tiruan yang secara meluas di pasaran, mereka diugut malah mereka ada yang dirempuh dan mereka menghadapi pelbagai tekanan dan ancaman daripada mereka yang berniaga secara haram. Sebab itu saya fikir kalau kerajaan boleh memikirkan unit-unit ala James Bond ini insya-Allah kita akan perhatikan bahawa keselamatan pegawai-pegawai kementerian terutama bahagian penguatkuasaan pun akan kurang sedikit bahayanya.

Seterusnya kita pergi kepada 030000 yakni konsumerisme. Kita sering kali melihat bahawa kerajaan sentiasa memaparkan dan memaklumkan bahawa inflasi kita rendah. Jadi saya hendak tanya kalau boleh pihak kementerian memberi maklum kepada Dewan ini kalau ada waktu, kalau sempat, kalau tidak minta dihantar secara bertulis, apakah komponen-komponen ataupun barang-barang yang dimasukkan dalam agregat mengira inflasi tersebut. Saya bimbang kalau jumlah barangan yang dimasukkan dalam agregat itu kecil, terhad tidak seperti mana diamalkan oleh sesetengah negara maju. Kalau boleh ini cukup penting kerana kita tidak mahu rungutan daripada rakyat dikatakan inflasi rendah tetapi di peringkat kampung, mahal. Umpamanya kita kata apakah susu bayi dimasukkan dalam perkiraan inflasi atau tidak sedangkan susu bayi itu merupakan bahan harian, bahan wajib bagi mana-mana orang yang ada anak. Sebab itu kita hendak tengok, apa bahan dan barang-barang yang dimasukkan ke dalam komponen agregat yang dikira agregat inflasi tadi supaya selepas ini kalau kita memberi cadangan dan kalau kerajaan mentakrifkan dan mentafsirkan inflasi itu berdasarkan kepada banyak barang yang menjadi keperluan.

Selepas ini mungkin kita kata pakaian bayi dan sebagainya...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Berapa minit lagi Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tahu, tahu berapa minit lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah tanya masa.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi begini, jadi tunggu. Seterusnya kepada 040900 .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kursus Tadbir Urus Korporat anjuran swasta pegawai-pegawai ROC....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi dia kata....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya perhatikan bahawa akhir-akhir ini kerajaan dalam satu bentuk seolah-olah memaksa mana-mana orang yang hendak menjadi pengarah mana-mana syarikat sendirian berhad terpaksa menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak swasta yang diluluskan oleh pihak kementerian. Jadi saya fikir mungkin bilangan pengarah ini lebih daripada 100,000 orang. Jadi bayangkanlah bayaran yang dikenakan oleh syarikat-syarikat swasta ini tinggi. Sekarang ini RM360 untuk seorang peserta menghadiri. RM300 ke atas untuk seorang

peserta. Jadi yang membimbangkan kita ialah bila mana bayaran yang dikenakan tinggi, banyak syarikat yang baru hendak beroperasi mungkin tidak mempunyai modal yang besar dan di samping itu juga mereka dalam masa dua hari menghadiri kursus itu belum mencukupi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Belum mencukupi untuk memberi kefahaman kepada mereka hendak meneruskan tugas sebagai pengarah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekurang-kurangnya dia beri jalan kepada saya, terima kasih. Sebenarnya cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu ada juga nampak kebaikannya tetapi bolehkah kalau saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat, kita hendak menjayakan semua program macam Yang Berhormat kata tadi, nampak Yang Berhormat sudah sealiran dengan kita. Jadi bagaimana kalau kita sebagai Ahli Parlimen terutama sekali daripada pihak pembangkang kalau dirasakan segala dasar dan perbuatan kita itu baik, mengapa kita tidak jelaskan kepada orang kampung kata ini baik, semuanya baik. Jadi segala-galanya berjalan lancar. Macam kita kata inflasi. Kalau kita cuba jelaskan kepada orang, memang keadaan kita begini dan kita sokong apa tindakan kerajaan itu. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Memberikan isyarat memanggil seseorang]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panggil siapa?

**Seorang Ahli:** Tidak hendak bagi saya jawab, sekejap lagi saya jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabar sedikit.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya ingat Nor Misuari sesat di sini. *[Ketawa]* Jadi saya fikir macam ini, macam mana kami hendak terang *[Ketawa]* Cuba bayangkan bagaimana kami pembangkang hendak terangkan? Hendak dapat permit hendak berucap dalam Dewan sendiri pun tidak dapat hendak terang macam mana? Cuba bagi ke public rally, kami terangkan *[Tepuk]*. Tolong angkat yang itu dahulu, minta Menteri Dalam Negeri beri peluang kami berceramah balik, insya-Allah kami terangkan. Di samping itu sudah banyak akhbar.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lain hendak berucapkah?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya hendak berucap lagi ni.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi sebab itulah kita minta kalau boleh pihak kerajaan kalau boleh kos kursus itu tolonglah diturunkan janganlah melebihi RM300, tidak berbaloi, tidak berpadanan dengan orang yang hendak jadi Lembaga Pengarah. Di samping itu kita tengok juga bahawa bahan-bahan yang disampaikan itu terlalu teknikal yang mana saya fikir ramai orang kampung tidak mampu. Jadi pening lagi hendak jadi pengarah syarikat-syarikat sendirian berhad sedangkan kita hendak menggalakkan ramai rakyat memasuki era perniagaan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tetapi dengan adanya kursus-kursus macam ini, kalau menakutkan ramai orang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ha, ini sebabnya, kacau Setiausaha Parlimen. *[Ketawa]* Jadi sebab itu kita minta pihak kementerian pasal menteri sudah ada, kalau boleh tolong mainkan peranan supaya kurangkan kos dan di samping itu kalau boleh 020400, 040200, 041500 semua harta intelek, kalau boleh minta kerajaan berwaspada kerana kita tengok merupakan satu trend syarikat-syarikat antarabangsa yang mengenakan isu harta intelek ini seolah-olah hendak mengenakan caj yang berterusan bukan hanya pengguna Malaysia bahkan kerajaan itu sendiri. umpamanya

kita ambil Microsoft Office atau Window, tiap-tiap tahun dia akan upgrade. Bila dia hendak upgrade, dia dikenakan caj. Saya fikir jabatan kerajaan punya komputer, saya rasa ini jabatan kerajaan boleh mengaku saya fikir banyak menggunakan ciplak Microsoft, Window ciplak. Jadi sebab itu kita bimbang lepas ini tiap-tiap tahun kerajaan mesti memperuntukkan peruntukan khusus untuk mendapatkan harta intelek yang sah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat pandang sana cakap dengan siapa?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Okey terima kasih, terima kasih banyak-banyak. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mesti hendak cakapkan? Haa, sila. *[Ketawa]*

4.15 ptg.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini mesti hendak cakap. Saya tuju kepada B.21 - 030200 - Hal Ehwal Pengguna. Saya ingin tahu, apakah rasionalnya kementerian memperuntukkan RM100,000 kepada *cup consumer* di *Resident Association Ireland Grace* kerana kalau kita lihat kepada peruntukan untuk operasi khas syarikat ROC ialah RM100 dan RM5,000 sahaja. Tetapi satu *card consumer* telah diperuntukkan RM100,000. Bukan saya tidak boleh sokong, saya pun bukan membangkang, tetapi saya tidak mahu menyokong dengan membuta tuli sahaja. Bagaimana satu *card consumer* boleh diperuntukkan dengan wang yang begitu besar dan sekiranya kita hendak menubuhkan 10 *card consumer* di Pulau Pinang, kita akan perlukan RM1 juta dan kalau satu RM1 juta bukan satu peruntukan yang kecil, kita lihat program-program dan aktiviti-aktiviti baru pendidikan dan kesedaran *consumer* di peringkat akar umbi iaitu, 041300 ialah dia ambil peruntukannya ialah RM5 juta.

Berapakah *consumer* boleh ditubuhkan kalau menggunakan peruntukan seperti ini dan saya hendak tahu, mengapa persatuan penduduk *Ireland Grace* dipilih? Adakah kerana ia adalah di kawasan Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna? Saya difahamkan bahawa Adun MCA dan juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga menggunakan tempat yang sama untuk berkhidmat untuk rakyat. Jadi, saya rasa di sana 'ada udang di sebalik batu' dan ada *conflict of interest* dan ini perlu dielakkan dan bukan satu *joking matter*. Sekiranya ini boleh terjadi, saya juga mahu meminta bahawa di mana-mana, di Bukit Mertajam juga ditubuhkan satu kelab *consumer* dan diberikan RM100,000 dan boleh saya berkhidmat di sana juga.

Tuan Pengerusi, Pusat Perkhidmatan Wanita daerah di Pulau Pinang, pusatnya setiap daerah hanya diperuntukkan RM16,000 tetapi satu *card consumer* telah diberi RM100,000. Saya ingin tahu apakah sebabnya dan jika perlunya kelab *consumer*, saya rasa ia lebih perlu di kawasan luar bandar seperti di Sungai Bakap ataupun di Machang Bubuk, di Permatang Pauh, di mana tidak ada langsung boleh mendapat ataupun NGO ada di sana. Di Pulau Pinang, ada dua buah Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang begitu terkenal sekali dan juga ada satu lagi yang baru-baru ini ditubuhkan.

Jadi, saya rasa ini adalah *redundant* dan ini hanya untuk kepentingan Setiausaha Parlimen sahaja. Dan kalau hendak membandingkan kelab *consumer* ini, saya rasa Tribunal Tuntutan Pengguna adalah lebih penting. Tribunal Tuntutan Pengguna hanya mendapat RM1.4 juta. Ini untuk seluruh negara, bagaimana pengagihan sumber dilaksanakan, saya ingin tahu dan saya rasa Tribunal Tuntutan Pengguna adalah sangat penting supaya ia diadakan di setiap daerah dan bukan misalannya hanya di bandar-bandar besar sahaja. Dari segi penguatkuasaan, saya ingin menarik perhatian kepada kementerian bahawa penguatkuasaan ini perlu mengadakan satu mekanisme yang sihat dan bukan menggunakan wanita MCA, wanita UMNO untuk menjadi pemantau atau ejen-ejen untuk memantau harga. Ini bukan satu langkah yang *sustainable* dan juga bukan satu langkah yang efektif. Apa yang perlu ialah mengadakan *hotline* di merata-rata tempat dan memaparkan nombor *hotline* ini di

mana-mana kedai supaya setiap, pengguna (*consumer*) yang ditipu atau merasakan mereka ditipu dapat menelefon *hotline* ini. Ini adalah satu mekanisme yang lebih berkesan dan bukannya menggunakan wanita MCA, wanita UMNO. Ini untuk menjalankan kempen politik. Saya juga ingin menarik perhatian kementerian untuk mengkaji semula tentang faedah terhadap pinjaman kereta. Pada waktu sekarang, kalau pinjaman ..... [Disampuk]

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tebrau bangun.

**Puan Chong Eng:** Nanti, tidak ada masalah. [Ketawa]. Kalau pinjaman rumah, faedah itu dikira hanya ke atas pinjaman yang masih terhutang sahaja, itu tiap-tiap bulan ia akan berbeza, tetapi untuk.....[Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat, ya. Peraturan Mesyuarat, Seputeh, tidak apalah. [Ketawa]. Balik tempatlah Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Chong Eng:** Tetapi untuk pinjaman kereta, faedahnya dikira ke atas amaun, jumlah pinjaman berkali dengan masa pinjaman itu. Jadi, kalau faedahnya ialah 7%, pada akhirnya, peminjam itu akan bayar. Sebenarnya, 11% dan bukan 7%. Persatuan Pengguna Pulau Pinang pernah mengemukakan satu memorandum mengenai perkara ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil dan apakah kementerian akan buat supaya ini akan diselaraskan, supaya pengguna atau peminjam tidak dikenakan faedah yang sebenarnya lebih tinggi yang ditetapkan.

Satu lagi, Butiran 03011 - Penguatkuasaan. Saya rasa penguatkuasaan dan juga pendidikan *consumer* ini, pengguna ini perlu disebar kepada luar bandar kerana di luar bandar di mana penoreh getah ataupun petani apabila mereka menjualkan bahan-bahan pertanian mereka, banyak kali mereka mendapati bahawa timbang itu telah di manipulasi, iaitu tidak cukup timbang - 100 kilo, ia hanya menunjukkan 75 kilo dan yang rugi ialah petani dan pekebun kecil seperti ini. Mereka tidak tahu mana hendak adu kerana begitu jauh kementerian dan kalau mereka mengadu di tempatan ataupun di daerah pun, kadang-kadang tidak ada tindakan diambil. Jadi, saya haraplah kalau betul-betul berkhidmat untuk rakyat, mekanisme aduan ini perlu ditubuhkan secara berleluasa. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Ingin saya maklumkan Yang Berhormat perlu selesaikan jawapan dalam setengah jam.

4.25 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun untuk membahaskan belanjawan bagi peringkat kementerian saya pada petang ini. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh banyak perkara yang saya fikir memang ada kepentingan kita untuk dibincangkan.

Yang Berhormat bagi Tumpat telah pun menyebut tentang soal kenaikan harga petrol dan diesel. Ini telah pun dijelaskan oleh pihak kerajaan beberapa kali atas sebab-sebab mengapa kenaikan itu dianggap perlu kerana daripada tarikh sejak kita mula kuat kuasakan di bawah sistem *automatic price mechanism*, dengan izin, kerajaan telah pun menanggung dua komponen penting iaitu:

- (i) pengecualian cukai bagi minyak petrol dan diesel; dan
- (ii) subsidi

Dalam tempoh sejak bila tahun kita melaksanakan skim ini, kerajaan telah pun menanggung hampir RM72 bilion nilai subsidi dan pengecualian cukai, iaitu satu peruntukan yang agak begitu besar sekali. Sebab itu baru-baru ini kita telah pun membuat keputusan supaya kadar subsidi dan juga pengecualian cukai itu dapat dikurangkan untuk membolehkan pihak kita membiayai banyak lagi rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang memang memerlukan peruntukan yang besar seperti dalam sektor ekonomi, pembangunan luar bandar, infrastruktur, pendidikan dan sebagainya.

Maka itu keputusan telah pun dibuat supaya harga petrol dan pada peringkat awal juga diesel, dinaikkan sebanyak sepuluh sen seliter dan dengan itu kerajaan dapat menjimatkan hampir lebih kurang RM72.8 juta dalam tempoh beberapa bulan yang lepas ini. Tetapi dengan sebab rayuan dan permohonan yang telah pun dikemukakan oleh tiga sektor utama, iaitu sektor pengangkutan darat, nelayan dan juga kerajaan maka pihak Kabinet telah pun bersetuju supaya harga minyak diesel itu dapat diturunkan semula kepada paras yang asal iaitu 70.1 sen.

Langkah sedemikian kita anggap memang perlu supaya bebanan kerajaan itu dapat kita kurangkan walaupun yang kita dapat jimatkan tidaklah sebesar mana. Kalau ikut taksiran pihak Kementerian Kewangan mungkin lebih kurang RM700 juta sahaja dan Yang Berhormat pun sedang membahaskan belanjawan di Parlimen di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan beberapa minggu yang lepas, belanjawan itu juga adalah merupakan belanjawan yang defisit. Jadi ini bermakna kenaikan harga minyak petrol ini pun sendiri tidak menampung kekurangan yang masih besar yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan.

Walaupun begitu, sebagaimana yang kita telah jelaskan bahawa jumlah kenaikan ini kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di negara-negara lain masih lagi rendah, masih lagi rendah. Malahan kalau kita hendak biarkan mekanisme harga itu diapungkan di pasaran, mungkin sebahagian daripada kita terpaksa membayar harga minyak yang lebih tinggi kerana waktu mana harga minyak dunia meningkat, tentulah pihak syarikat akan mengenakan harga yang tinggi walaupun di waktu turun mungkin harganya turun, tetapi dari segi jangka panjangnya kemungkinan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi daripada biasa.

Dalam *mekanisme automatic price mechanism*, dengan izin, Tuan Pengerusi, semua kos komponen yang penting dikawal oleh kerajaan. Antara contohnya, kos bagi harga minyak yang diusahakan oleh syarikat minyak. Kalau mereka hendak memproses minyak mentah untuk menjadi minyak petrol, sebagai contoh, kosnya ditetapkan oleh kerajaan. Agak luar biasa kerana biasanya kos ditentukan oleh pihak industri tetapi dalam kes minyak, kosnya ditetapkan oleh kerajaan supaya dengan cara itu pihak syarikat minyak tidak boleh menentukan harga mereka sendiri yang mungkin dengan sebab itu kita terpaksa membayar harga yang lebih tinggi.

Komponen yang keduanya iaitu komisyen atau pun keuntungan yang boleh diterima oleh syarikat minyak juga ditentukan oleh pihak kerajaan – tidak boleh melebihi sekian harga. Yang ketiganya iaitu komisyen yang harus dibayar kepada pengedar-pengedar minyak, stesen minyak, juga ditentukan oleh pihak kerajaan dan baru-baru ini mereka telah pun membuat rayuan supaya kadar itu dapat dinaikkan sedikit kerana mereka berkata kos di peringkat mereka sudah meningkat dan bertambah - mereka terpaksa menanggung beban, dan perkara ini masih dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Jadi ini bermakna banyak komponen-komponen yang ada dalam mekanisme ini semuanya dikawal oleh kerajaan. Yang Berhormat mungkin boleh bayangkan kalau ia tidak dikawalkan kemungkinan besar harga yang terpaksa kita bayar adalah lebih tinggi daripada biasa. Sebab itu kerajaan menggunakan mekanisme ini iaitu dengan dua perkara - satu pengecualian cukai, yang keduanya subsidi untuk memastikan harga kita stabil dalam satu jangka waktu yang boleh dikatakan panjang.

Inilah rasional di sebalik itu. Kita tahu bahawa kemungkinan dengan kenaikan ini maka pihak pengguna terpaksa membayar lebih daripada yang biasa sedikit daripada yang biasa. Tetapi beban itu saya fikir adalah satu perkara yang wajar ditanggung untuk membolehkan sektor-sektor lain yang juga memerlukan kewangan dapat dibiayai dari segi pengecualian cukai dan subsidi yang telah pun ditanggung oleh pihak kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah mencadangkan supaya kita menubuhkan satu unit untuk mengawal harga - kenaikan harga seperti harga minyak petrol dan lain-lain lagi. Sebenarnya pihak kementerian adalah dalam proses untuk memperkemaskan satu unit harga yang akan bertanggungjawab dalam soal-soal atau perkara barangan dan unit ini pada masa ini lebih daripada segi mengkaji masalah harga dan bekalan barang-barang kawalan sahaja.

Kita berpendapat kemungkinan perlu kita perkemaskan ini kerana masalah kawalan harga bahan-bahan perlu ini sudah menjadi satu perkara yang agak begitu penting terutamanya bagi bahan-bahan yang digunakan oleh pengguna, barang-barang yang agak diperlukan, di samping kita menguatkuasakan undang-undang kawalan harga di musim-musim tertentu seperti di musim perayaan supaya pihak pengguna tidak akan nanti dibebankan dengan bayaran harga yang lebih daripada yang sepatutnya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya dari segi mutu minyak dan harga. Kita kadang-kadang dengar pihak pengeluar-pengeluar minyak, dia mengeluarkan ciptaan minyak yang baru - mula-mula regular, super, selepas itu V-power. Siapa yang menentukan jenis minyak ini betul-betul bagus; kedua, harganya, fasal ini melibatkan harga. Jadi saya ingin tahu Yang Berhormat, macam mana yang hendak menentukan. Nanti besok keluar VVV-Power pula. Ha, naik pula harga lagi. Jadi yang menentukan macam mana laju lari tidak perasan - lari 100 km/ph begitu juga, super atau regular. Tetapi harganya akan berbeza. Macam mana ini, boleh dapat penjelasan sedikit dalam hal ini Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, perkara ini memang di dalam bidang kuasa kementerian. Tetapi yang kita kawal adalah kategori-kategori minyak yang kita sebutkan seperti minyak petrol Ron-97, Ron-92 yang agak kurang sedikit dikatakan tahap kualitinya daripada Ron-97, kemudian itu diesel dan LPG, iaitu minyak masak atau pun gas memasak. Ini empat kategori sahaja yang kita kawal yang telah kita bincang tadi, tetapi yang lain itu semacam mana Yang Berhormat sebutkan tadi ialah macam sejenis minyak yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat minyak luar daripada kategori ini yang dianggap mempunyai kualiti yang terbaik - mungkin yang digunakan oleh Formula One. Maka itu kualitinya agak lebih daripada biasa. Ini adalah hasil penyelidikan mereka. Minyak seperti ini tidak kita tentukan atau pun kita kawal harga mereka - boleh mereka tentukan harga yang berpatutan dan terserah kepada pihak pengguna sama ada mereka hendak membeli barang-barang itu ataupun tidak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat telah pun menyebut tentang pentingnya dibuat kawalan harga bagi barang-barang terutamanya menjelang musim perayaan. Ingin saya menyebut di sini memang pun kita memberikan perhatian yang cukup penting pada soal ini dan kita sudah mula mewartakan semua jenis bahan yang kita fikir penting untuk kita kawal di musim perayaan sama ada di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Ini telah pun kita buat sejak 15 Oktober 2001 yang melibatkan 25 jenis barangan dan di samping itu kita juga ada mengawal lagi satu jumlah tambahan sebanyak 21 jenis barang-barang kawalan yang lain dan di samping bilangan ini kita juga telah meletakkan di bawah skim kawalan harga barang-barang beberapa kategori barang-barang pengguna yang digunakan waktu musim perayaan, khususnya seperti di musim perayaan Hari Raya Aidilfitri. Kita masukkan bahan seperti kacang panjang, kubis, selain daripada telur, ayam dan daging, sebarang barang yang dikawal dari segi harga, di mana harga silingnya kita tetapkan dan pihak peniaga tidak dibenarkan untuk menjual lebih daripada paras harga siling.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasih. Saya tidak sempat berucap, cuma hendak mengambil satu peluang untuk menarik perhatian kementerian berkenaan dengan pengawalan dan penguatkuasaan.

Oleh kerana beberapa tahun dahulu kementerian telah melaksanakan satu polisi yang mewajibkan semua kedai termasuk kedai runcit untuk mempamerkan tanda semua urus niaga dalam Ringgit Malaysia, dengan alasan bahawa terdapat kedai-kedai yang telah menipu pelancong dengan mengatakan bahawa barangan jualan mereka adalah dalam urus niaga mata wang asing. Tetapi pada masa itu saya telah membuat bantahan tetapi tidak mendapat balasan. Saya rasa ini adalah satu polisi yang tidak logik langsung. Oleh kerana kalau segelintir orang yang telah menipu kita, kita mewajibkan mereka mempamerkan urus niaga dalam katanya *American Dollars*.

Kepada sesiapa yang tidak mempamerkan bermakna automatik dalam Ringgit Malaysia. Jadi, kita telah membuat satu keputusan yang tidak baik, yang saya anggap tidak logik langsung. Yang logik kalau semua kedai di Malaysia mempamerkan perkataan begitu, so its automatic kalau sesiapa tidak mempamerkan memang dalam Ringgit Malaysia. Jadi, siapa yang hendak menjual dalam American Dollars kena dipamerkan. Jadi, bukan sebaliknya. Jadi saya telah membuat bantahan pada masa itu tetapi langsung tidak mendapat balasan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengkaji semula keputusan yang saya anggap tidak logik langsung.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, memang ada peraturan dari segi Undang-undang Akta Perihal Dagangan dan sebagainya yang mewajibkan pelabelan atau penandaan harga dibuat untuk membantu pengguna daripada mereka ini ditipu oleh pihak peniaga. Jadi, ada kewajaran perkara seperti itu dikuatkuasakan. Setakat ini saya tidak menerima apa-apa aduan tertentu. Mungkin kes Yang Berhormat itu agak spesifik tetapi kalau perkara itu hendak dibangkitkan semula insya-Allah saya akan melihat semula perkara itu tetapi saya hendak menjelaskan, ini adalah satu perkara yang kita fikirkan penting dan perlu untuk melindungi kepentingan pengguna.

Kalau pengguna dapat mengetahui dengan sebenarnya harga, sama ada dia tulis dalam nilai Ringgit tempatan ataupun Dolar US dan sebagainya itu akan membantu mereka untuk membuat keputusan sebelum mereka berbelanja ataupun membeli barang-barang yang mereka berminat.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah pun membangkitkan bahawa orang awam belum dapat hasil yang tepat untuk mendapat kemudahan terutamanya carian nama dan juga bekalan maklumat syarikat.

Tuan Pengerusi, ingin saya memaklumkan bahawa proses kelulusan carian nama bagi permohonan yang lengkap dan sempurna di Pejabat Pendaftar Syarikat pada masa ini mengambil tempoh selama lebih kurang lima hari. Bagi permohonan yang dibuat melalui cawangan pejabat Registrar of Company atau Pendaftar Syarikat..

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu bangun.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya sebenarnya masih dalam perkara pengawalan tadi dan juga penguatkuasaan. Adakah kementerian sedar bahawa seperti Yang Berhormat sebut terdapat beberapa perkara dalam barangan kawalan tetapi trend terakhir ini saya dapati iaitu barang yang kalau kita kira tidak menjadi barang keperluan atau barang mesti pada bukan musim perayaan tetapi ia jadi mesti, menjadi barang keperluan utama yang mungkin bukan dalam bentuk barang makanan seperti kalau saya ambil contoh ialah pakaian kanak-kanak. Ia bukan barangan mesti tetapi di musim perayaan menjadi satu kemestian, termasuk dalam barangan yang mesti juga seperti rokok dan sebagainya. Walau pun harganya dinaikkan tetapi ibu bapa tetap menjadi satu kemestian membeli untuk kanak-kanak, pakaian dan juga barang-barang yang ada kaitan dengan kanak-kanak, terutamanya di musim perayaan.

Jadi, saya mendapat banyak sungutan daripada ibu bapa bagaimana barangan ini telah dinaikkan berlipat kali ganda tanpa ada satu pengawasan yang munasabah dan berkesan. Sebagai contoh saya ambil contoh pakaian hari raya, baju Melayu untuk kanak-kanak. Kalau tahun lepas antara RM40 ke RM50 sepasang tetapi tahun ini sehingga RM65 sepasang, hampir menyamai harga sepasang untuk orang dewasa yang dijual dalam RM70 dan RM75, tetapi barangan untuk kanak-kanak ini kerana kanak-kanak kalau tidak bertukar baju baru satu masalah besar kepada keluarga tetapi tidak kepada ibu bapa. Jadi, adakah kementerian bercadang juga untuk memasukkan atau memberi kawalan yang lebih atau penguatkuasaan terhadap barang-barang yang saya maksudkan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, memanglah menjadi hasrat. Mungkin bagi semua rakyat kalau boleh semua kita kawal, barang-barang yang ada di pasaran. Tetapi Yang Berhormat mungkin sedia maklum hal seperti ini tidak mungkin boleh berlaku. Malahan saya sudah semak

banyak negara di dunia tidak ada yang membuat semacam Malaysia, mengawal harga adalah satu yang bertentangan dengan soal ekonomi, pasaran seperti harga yang ditetapkan oleh penawaran dan permintaan. Walau pun begitu kemungkinan sebagaimana yang kita tahu ada barang-barang yang dianggap perlu sangat itu kita letakkan sebagai barang kawalan.

Soal sekarang ini sama ada pakaian kanak-kanak seperti pakaian sekolah itu adalah satu barang yang cukup penting. Ini kita perlu telitilah. Kita mungkin mudah membuat keputusan untuk mewartakan tetapi kalau ada pendekatan yang lain sebagai contoh kemungkinan kita menggalakkan lebih banyak pengusaha untuk mengeluarkan bahan seperti itu dengan lebih banyak dan dijual di pasaran dengan cara harga yang lebih berpatutan. Pendekatan seperti itu saya fikir lebih baik dari segi jangka panjang daripada kerajaan mengenakan kawalan dan selepas itu untuk hendak menguatkuasakan kawalan. Hendak meletakkan harga di Kota Bharu, harga di Kuala Terengganu, harga di Kuala Lumpur, jenis produk yang sama mungkin agak sukar sebagaimana yang kita cuba buat dalam beberapa hal di musim perayaan. Tetapi walau pun begitu perkara ini mungkin boleh kita teliti untuk masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya menyambung lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tentang soal belum dapat lagi hasil keputusan oleh pihak pendaftar syarikat untuk mendaftarkan nama-nama dengan cara yang cepat. Tadi saya telah sebut biasanya mengambil masa lebih kurang selama lima hari untuk permohonan yang biasa itu. Tetapi kemungkinan dalam hal-hal tertentu ia agak mengambil masa yang lebih sedikit terutama kalau nama-nama yang dicadangkan itu agaknya tidak berapa sesuai ataupun nama-nama yang boleh membangkitkan keraguan dan memerlukan kelulusan daripada Menteri sendiri untuk meluluskan. Maka di waktu itu kemungkinan ia akan mengambil masa yang agak lama sedikit.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah pun membangkitkan tentang, apakah jaminan bahawa harga barang-barang diturunkan sejajar dengan penurunan cukai.

Saya sangat bersetuju perkara itu dibangkitkan kerana memang hasrat kerajaan bila membuat keputusan supaya tidak dikenakan cukai bagi barang-barang tertentu seperti barang-barang kulit sebagai contoh ataupun bahan-bahan elektrik ataupun jam tangan yang memang tidak dikenakan cukai, maka pihak pengedar ataupun penjual seharusnya mengenakan harga yang lebih rendah daripada harga sebelum cukai diturunkan terutama sewaktu sesi belanjawan biasanya diumumkan oleh Menteri Kewangan, beberapa jenis barang termasuk barang-barang makanan. Satu ketika dahulu seperti barang-barang dalam tin ataupun cendawan yang diimport daripada luar yang sepatutnya diturunkan tetapi yang kita lihat lambat. Bila harga itu patut lebih rendah daripada biasa, proses turun ke bawah harga itu agak lambat.

Kita telah mengadakan banyak perbincangan dengan pihak syarikat-syarikat yang mengimport supaya mereka memberi respons cepat. Kalau tidak, tidak perlu kerajaan menurunkan tetapi yang menguntungkan ialah peniaga sahaja dan orang ramai terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi.

Kita membuat pemantauan tentang perkara itu dan memang ini sebagai contoh dalam belanjawan 2002, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah pun menyatakan 306 barangan yang telah pun diturunkan itu. Jadi, kita sudah membuat perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat supaya mereka mengambil langkah untuk mengurangkan harga dan supaya pengguna dapat faedah daripada penurunan ini tadi.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah pun menyentuh tentang soal penubuhan Institut Pengajian Harta Intelek, tentang bidang kuasa dan aktivitiinya. Institut Pengajian Harta Intelek ataupun *Intellectual Property Training Center* adalah merupakan sebahagian daripada bahagian harta intelek di bawah kementerian saya, dan sekarang ini kita tempatkan di INTAN.

Di antara tujuan penubuhannya ialah untuk mengadakan kursus-kursus ataupun seminar dan bengkel bagi melatih pegawai-pegawai harta intelek, mengadakan kempen-kempen kesedaran awam mengenai harta intelek di universiti ataupun di sekolah-sekolah termasuklah di sektor industri dan juga perniagaan, dan,

juga mengadakan bengkel-bengkel yang ada kaitan dengan penguatkuasaan serta juga kehakiman untuk meningkatkan keprihatinan mengenai harta intelek di negara kita.

Baru-baru ini, Dewan ini juga telah pun meluluskan penubuhan Perbadanan Harta Intelek. Kemungkinan selepas ini institut seperti ini akan diletakkan secara langsung di bawah Perbadanan dan kita mengharap dengan cara begitu urusan berkenaan dengan latihan dan meningkatkan keupayaan tenaga-tenaga pakar bagi bidang harta intelek ini dapat kita majukan dengan lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat bagi Batang Lupa juga membangkitkan tentang masalah bekalan maklumat syarikat yang lewat di cawangan-cawangan di Sarawak. Maklumat di peringkat negeri akan dapat diperolehi secara cepat sebaik sahaja Projek Idaman II yang sedang pun dibangunkan ini selesai. Ini projek pengkomputeran seluruh sistem di bawah pendaftar syarikat dan kita harap dengan cara begini cawangan-cawangan pendaftar syarikat yang ada di seluruh negara akan dihubungkan secara *on line*. Dan dengan cara begini maka maklumat dapat disebar secara lebih cepat dan kita harap ianya dapat disiapkan sebelum Januari tahun 2002 iaitu tahun hadapan.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan soalan, apakah syarikat-syarikat yang mengiklan kredit ataupun syarikat kewangan berdaftar? Apakah maklumat yang terkini? Dan mereka meminta pihak kementerian menyiasat perkara ini.

Memang perkara ini kerap dibangkitkan terutamanya kerana kadar yang telah pun ditetapkan dari segi faedah yang dikenakan oleh pihak syarikat kepada peminjam dan sebagainya menjadi masalah. Ada aduan yang mengatakan terlalu tinggi. Tetapi ingin saya sebutkan di sini bahawa perkara ini adalah diletakkan di bawah bidang kuasa Bank Negara yang mengawal selia, tetapi kalau sekiranya dia ada berkaitan dengan soal-soal urusan di bawah Akta Syarikat, maka pihak pendaftar syarikat boleh mengambil tindakan yang sewajarnya kalau ia didapati menyalahi peruntukan yang ada di bawah Akta Syarikat 1965.

Yang Berhormat bagi Sipitang juga membangkitkan isu iklan pinjaman haram melalui akhbar....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Jeli bangun, Yang Berhormat. Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa kalau ianya melibatkan syarikat maka ia termasuk dalam Akta Syarikat. Tetapi bilamana terlibat dengan penipuan sebegini, ia melibatkan pengguna. Jadi, tidakkah kementerian Yang Berhormat juga terlibat dengan hal ehwal pengguna? Jadi, yang menjadi mangsa pengguna. Jadi, tidak bolehkah mereka-mereka yang terlibat - lebih kurang macam ceti haram inilah - dikenakan juga di bawah kementerian Yang Berhormat kerana ia melibatkan hal ehwal pengguna? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Aspek kepenggunaan ini Tuan Pengerusi, memanglah luas. Boleh dikatakan semua perkara di bawah semua urusan, di bawah semua kementerian adalah berkaitan dengan pengguna, termasuklah kementerian yang bukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Jadi, oleh sebab itu, walaupun perkara itu agak di luar bidang - perkara itu tidak di bawah bidang kita - ada agensi dan badan-badan lain yang saya kira juga harus boleh mengambil tindakan untuk melindungi kepentingan pengguna kerana ada undang-undang yang telah pun dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa mereka.

Namun begitu, kadang-kadang perkara itu sampai juga ke kementerian kita dan diminta supaya tindakan-tindakan dibuat, dan, kita menyelaras. Umpama kalau kes itu berkaitan dengan soal Bank Negara, kita mengadakan perhubungan dengan Bank Negara supaya maklumat itu dapat disampaikan kepada pengguna. Dan, apakah langkah yang sewajarnya yang diambil oleh pihak Bank Negara untuk menangani masalah itu?.

Di bawah pendaftar syarikat ianya adalah di bawah kementerian saya. Jadi, walaupun begitu kita minta supaya langkah-langkah yang tegas diambil mengikut undang-undang supaya perkara itu dapat memberikan perlindungan yang sewajarnya pada pengguna.

Ini soal iklan yang dikatakan tidak tepat yang dikeluarkan. Isu ini, Tuan Pengerusi, memang banyak aduan diterima oleh kita di kementerian tentang pihak-pihak yang membuat pengiklanan secara tidak beretika, yang tidak tepat, yang kadang-kadang mengelirukan, membuat pelbagai tuntutan. Boleh kata, kalau hendak naik tinggi lagi cepat, makanlah vitamin ini, dalam masa 12 bulan boleh naik 3 inchi, sebagai contoh. Ada satu contoh iklan dalam surat khabar begitu. Dan, ibu bapa mungkin akan terpengaruh. Ini bermakna mereka ditipu helah oleh pihak pengiklan yang tidak bertanggungjawab.

Pihak kementerian memandang berat soal ini. Cumanya di peringkat ini belum ada satu agensi yang khusus bertanggungjawab untuk mengawal institusi pengiklanan ataupun industri pengiklanan. Kita sedang memikirkan apakah wajar satu undang-undang khas untuk mengawal bentuk pengiklanan di adakan. Setakat ini tidak ada. Yang ada ialah satu kod etika bagi pengiklan, tetapi tidak semua menjadi ahli dalam Persatuan Pengiklan Malaysia. Sebab itu semua pihak boleh buat pelbagai cara dan banyak aduan-aduan yang kita terima ialah tentang soal penipuan dalam bentuk iklan yang tidak bertanggungjawab ini.

Kita sedang meneliti keperluan untuk mengadakan aturan dan juga undang-undang dan mungkin sama ada diletak di bawah kementerian saya ataupun agensi lain, itu soal kedua. Tetapi mungkin perlu ada satu bentuk pengawalan. Kalau soal *self discipline*, kawalan secara sendiri, dengan kod yang ada di bawah persatuan tidak boleh menyelesaikan masalah, maka kemungkinan satu bentuk undang-undang yang perlu kita bawa ke sini untuk Yang Berhormat timbangkan, diwujudkan oleh pihak kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sipitang bangun pula.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Terima kasih, atas jawapan daripada Menteri. Apa yang saya ingin tegaskan dan minta penjelasan di sini ialah bahawa perkara ini berlaku, misalnya syarikat dalam iklan ini tidak nama syarikat dan tidak ada tempat. Kita tidak tahu sama ada syarikat ini telah diberi lesen untuk memberi kredit. Kita tidak tahu apakah jenis syarikat itu dan adakah mengikut peraturan?

Yang jelas saya katakan tadi, misalnya ada satu kedai emas memberi pinjaman dan ia menahan kad kredit ataupun kad ATM orang tersebut dan didapati kalau di hujung bulan - saya dapat tahu - ada seorang dia memegang mungkin berpuluh-puluh kad kredit atau kad ATM untuk mengambil gaji. Dan, ini menganiaya kepada pengguna. Apa sekiranya kalau yang memegang kad ini mengambil lebih duit daripada pinjaman ataupun daripada akaun itu? Tidak ada kawalan dan penganiayaan boleh berlaku. Inilah yang kita ambil berat. Terima kasih, minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, kalau sekiranya iklan itu dibuat secara tidak tepat mungkin yang penting ialah pihak bakal pelanggan menyemak dahulu, mungkin dengan kementerian saya ataupun kalau dia melibatkan kes itu mungkin dengan Bank Negara untuk mengesahkan sama ada yang menawarkan khidmat itu mendapat lesen ataupun tidak.

Kadang-kadang masalah kita ialah pengguna sendiri tidak teliti. Dia dengan terburu-buru mendaftar untuk menjadi ahli, mendapat kemudahan, dan lepas itu menghadapi masalah seperti ini. Jadi mungkin yang perlu kita buat ialah menyedarkan pengguna tentang tanggungjawab mereka, dan peranan mereka.

Selain daripada kalau kita dapat maklumat tepat tentang syarikat-syarikat berkenaan itu dan diletakkan di bawah bidang kuasa seperti contoh tadi, di bawah Bank Negara, atau kalau soal di bawah *hire purchase*, kementerian saya boleh menyiasat. Mungkin kalau Yang Berhormat bagi Sipitang ada maklumat kes yang tertentu boleh serah kepada pihak kementerian, insya-Allah kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Bagan Datuk telah pun bertanya tentang soal prestasi tribunal dan tuntutan pengguna bagi tahun 2000 dan tahun 2001. Sukacita saya maklumkan, Tuan Pengerusi, bahawa sejak kita tubuhkannya pada 15 November 1999 sehingga hari ini, sebanyak 1,293 tuntutan telah difailkan oleh pengguna kepada tribunal. Bagi tahun 2000, ada 291 kes dan bagi tahun 2001 hingga 26 November ini ialah 1,002 kes. Dan, dari jumlah itu sebanyak 1,056 kes telah dapat diselesaikan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun membangkitkan soal sukarelawan pemantauan harga yang dikatakan telah digunakan oleh pihak MCA bagi kepentingan politik. Sebenarnya tidak ada politik dalam soal ini. Kalau sekiranya wanita DAP hendak jadi pemantau harga, *most welcome*, tetapi saya fikir mungkin beliau tidak berminat. Jadi, jangan iri hati kalau ada UMNOkah, MCAkah, kalau PASKah datang dengan ahli-ahli yang berduyun-duyun hendak mendaftar untuk menjadi pemantau.

Kita memang menyambut dengan tangan dan hati yang terbuka. Jadi, tidak ada soal politik. Cuma kerana mereka berminat, mereka lihat ini adalah satu perkara yang perlu dan wajar, mereka hendak bantu kerajaan, kenapa DAP harus iri hati? Kenapa wanita DAP tidak tampil ke hadapan dan bertanya, "Bolehkah Yang Berhormat, saya juga hendak menjadi pemantau harga?". Kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berminat, saya kata, "Sedialah, saya akan terima."

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya akan timbangkan dan saya juga akan tengok, adakah wanita MIC, wanita Gerakan, wanita SUPP ataupun mengapa wanita sahaja. Seluruh cawangan UMNO, semua buat perkara ini bukankah lebih baik kalau inilah caranya, tetapi saya hendak tanya, adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan satu mekanisme yang *sustainable*.

Kalau sukarela bukan tidak baik, tetapi ia tidak boleh *sustain*. Hanya untuk satu tempoh sahaja. Selepas itu, orang tidak berminat lagi. Apakah yang tadi saya katakan, mengadakan satu mekanisme pengaduan seperti mengadakan *hotline* di merata-rata tempat, di kampung-kampung dan di semua kedai. Adakah kementerian akan menimbangkan cadangan ini? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita sudah buat pun, tetapi langkah mewujudkan pasukan sukarelawan ini adalah sebagai satu inisiatif tambahan, bukan bergantung 100% kepada langkah ini. Tanpa mereka selama ini pun, Yang Berhormat, kita buat kerja. Kita pergi turun ke bawah menyiasat semua sekali, tetapi apabila kita kata, apakah pengguna sanggup untuk membantu? Mereka tampil ke hadapan. Jadi, sikap sebegini adalah satu perkara yang molek, harus kita hargai, jangan kita perkecilkan langkah itu.

Apabila saya dengar Yang Berhormat kata, saya akan timbang, saya kecil hati, Tuan Pengerusi. Patut dia tidak kata begitu, patut dia kata "saya akan bersedia," pasal ini adalah tanggungjawab bersama. Bukan tugas kerajaan atau kementerian semata-mata. Patut kita sambut dengan baik dan jangan perkecilkan kalau UMNO buat, MCA buat, MIC ditanya sudah buat atau belum, saya fikir itu soal kedua, pasal ini tidak ada kuat kuasa undang-undang.

Tetapi selain daripada mekanisme secara tidak rasmi yang dibuat dengan pemantauan tadi, kita sudah ada mekanisme yang sudah pun kita laksanakan selama ini yang perlu kita buat secara perkukuhkan mekanisme itu. Sebagai contoh, kita buat, umpamanya di bawah Akta Kawalan Harga, bagaimana kita hendak pastikan supaya harga yang kita letakkan dikawal itu dipatuhi oleh peniaga. Bagaimana pemantauan yang harus kita buat?

Kita baca berita tentang harga setiap minggu. Kabinet harus dimaklumkan setiap bulan. Bermakna kementerian kita harus menggerakkan tenaga kita di bawah setiap hari. Pemantauan hampir 162 pusat di seluruh negara. Kita tahu di mana sahaja tempat itu. Jadi, ini satu mekanisme yang sudah berjalan. Kalau Yang Berhormat lihat dari segi fakta, umpamanya contoh, kenaikan harga barangan boleh dikatakan boleh stabil dalam satu jangka masa yang panjang. Inflasi di negara kita tidak meningkat sampai 2%.

*Consumer Price Index (CPI)* atau Indeks Harga Pengguna di negara kita tidak sampai 1.4%. Ini impak daripada kawalan harga dan juga mekanisme yang sudah sedia ada. Kalau boleh kita perkuat lagi. Sebab itu kita gerakkan tenaga masyarakat, menyedarkan mereka, tampil ke hadapan, bantu kita supaya kita boleh dapat lagi melaksanakan skim ini secara lebih berkesan. Itu sebagai khidmat sokongan daripada apa yang kita buat sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah

mekanisme yang ada sekarang untuk membuat aduan, untuk pengguna yang hendak membuat aduan, apakah barang yang dia beli itu sudah lepas tarikh penggunaan ataupun mereka yang telah ditipu ataupun pekebun kecil yang apabila mereka menjualkan susu getah, timbang tidak cukup.

Macam mana, apakah mekanismenya untuk membuat aduan? Kerana setahu saya, tidak ada hotline. Adakah kementerian akan mempertimbangkan *hotline* supaya senang, kerana orang-orang kampung, mereka malu hendak buat aduan. Mereka susah hendak tulis surat untuk mengadu. Mereka *depend on others* untuk membuat aduan. Jadi, kita perlu mengadakan satu mekanisme atau satu sistem yang senang, yang *friendly* untuk mereka buat aduan, untuk mereka tahu, ini adalah hak mereka untuk membuat aduan. Adakah ini telah dijalankan? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, memang kita sudah jalankan talian bebas tol ataupun "talian panas" yang Yang Berhormat sebut tadi, sudah sedia ada. Kita iklankan selalu. Mungkin tidak semua yang *aware* ataupun sedar tentang perkara itu, terutama di musim perayaan ini. Kita kata silalah panggil talian nombor ....., saya pun kurang ingat. Saya pun tidak dapat hendak beritahu tetapi boleh beritahu selepas ini, Yang Berhormat boleh beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun kepada sesiapa di kawasan mana sekali pun, mereka boleh panggil dan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Mekanisme itu bermakna mereka boleh gunakan kemudahan yang sedia ada di cawangan-cawangan kita dan berikan laporan. Masalah kita Yang Berhormat ialah banyak daripada sikap pengguna kita acuh tidak acuh, dia tidak berapa berkira sangat, "Tidak apalah, mahal sedikit lah" tetapi apabila dia berjumpa Yang Berhormat, dia kompelin tetapi mekanisme yang ada, saluran yang ada, tidak digunakan.

Keduanya, kemungkinan tidak ada kesedaran tanggungjawab itu, dia tidak ada kesedaran. Jadi, dia ambil mudah dan dia buat aduan di tempat yang tidak betul. Padahal kita sudah maklumkan selalu, silalah datang jumpa kita. Maklumlah sekarang ini, penghulu pun ada kuasa, pegawai daerah pun ada kuasa, pegawai kita tentu ada kuasa, pemantau harga boleh bantu untuk sampaikan kepada kita.

Jadi, saya fikir, tebaran *network*nya sudah sedia ada. Cuma mungkin kesedaran itu masih kurang. Jadi, kempen-kempen kesedaran tentang tanggungjawab pengguna ini, saya fikir perlu dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan telah pun menyebut bahawa menanam perniagaan yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Perniagaan menggunakan perkataan Cina tidak pernah diarahkan oleh pendaftar. Yang dikatakan tidak dibenarkan dan pihak pendaftar perniagaan telah pun menolak ataupun sebagainya. Kalau umpamanya, perkataan "Perniagaan Hock Seng" tidak diluluskan, saya hendak menafikan tentang itu. Kalau ada kes tertentu, tolong sampaikan kepada saya, kita akan siasat. Tetapi ikut rekod di pejabat kita, tidak ada. Bermakna, kita luluskan kerana sudah banyak nama syarikat-syarikat yang kita patut benarkan pendaftarannya kita sudah luluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara ini benar-benar beriak. Tadi sahaja saya ada menelefon kawan saya yang mengadu. Dia kata masih begini juga. Jadi, apa tindakan susulan Yang Berhormat akan ambil untuk membetulkan perkara ini atau memberi satu amaran atau memberi satu nasihat kepada pegawai di Butterworth untuk mereka menerima permohonan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya akan siasat perkara itu tetapi kemungkinan bukan soal tidak setuju, kadang-kadang ada bertindih. Nama-nama Cina ini kadang-kadang Hock Seng ada di Johor Bharu, Hock Seng ada di Penang. Itu kadang-kadang jadi masalah. Jadi, saya fikir kemungkinan ada sebab-sebab yang wajar kita kena siasat. Kalau tidak ada, saya boleh beri jaminan, Yang Berhormat, kita akan luluskan. Itu saya boleh beritahu.

Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar, ini isu jualan murah. Apa justifikasi kementerian dalam hendak mengawal harga penjualan barang-barang keperluan musim perayaan yang tidak menekan pengguna. Ada peraturan mengenai jualan murah bahawa peniaga tidak boleh menjual dengan harga murah kecuali mereka mendapat kebenaran dan sebelum diberi kebenaran, mereka ini perlu

membuat permohonan dan dijelaskan harga yang sebelum, harga yang terbaru, berapakah harga yang hendak ditawarkan kepada pengguna.

Jadi, memang sudah ada mekanisme sebegini tetapi kadang-kadang berlaku juga, Tuan Pengerusi, di mana peniaga mengambil kesempatan, dia buat tawaran murah tetapi sebenarnya tidak murah dan ini ada berlaku dan kita boleh siasat dan kita boleh ambil tindakan di bawah peraturan.

Yang Berhormat bagi Jeli telah pun mencadangkan penubuhan unit *ala James Bond*. Terima kasihlah ada minat dalam filem *James Bond* ini. Memang sebenarnya walaupun tidak kita namakan unit seperti itu tetapi kita sudah gerakkan. Dari segi pergerakan kita macam James Bond jugalah. Dia tidak dibuat secara terus menerus, dia diatur, dirancang, kadang-kadang dagangan pakaian preman, orang tak boleh mengenali tetapi kita kena teliti dan berhati-hati kerana ada masalah dari segi keselamatan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang yang kita perlu hormati. Jadi dalam soal ini saya ucapkan terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga telah meminta supaya kerajaan berwaspada ke atas harta intelek yang dikatakan digunakan oleh pihak negara-negara maju untuk menekan negara membangun. Kemungkinan itu satu daripada yang memang serius. Tetapi Yang Berhormat sedia maklum kita sentiasa menghormati undang-undang dari segi harta intelek. Kita tidak ada kuasa untuk menentukan harga bagi setiap kategori produk harta intelek yang dikeluarkan dan oleh sebab itu selagi ia tidak bercanggah dagangan undang-undang yang ada maka kita harus hormati.

Cuma masalah yang berbangkit kadang-kadang harga yang terlalu tinggi yang dikenakan. Ini kerap dibangkitkan oleh Yang Berhormat, cara bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini mungkin dengan cara perundingan dan sebagainya. Tetapi masalah ini masih lagi berlaku dan saya kira kita perlulah meneruskan gerakan kita untuk memastikan supaya di peringkat pasaran, satu harga yang berpatutan dapat disediakan.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun membangkitkan barang-barang kes yang disita setelah beberapa bulan baru dibuat keputusan sama ada di kompaun ataupun didakwa iaitu setelah tamat sah tempoh lalu. Contohnya ubat.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, siasatan bagi sesuatu kes tidak semestinya dapat diselesaikan dalam masa yang cepat berdasarkan kepada pelbagai siasatan yang perlu diadakan. Walau bagaimanapun pihak kementerian sentiasa bersedia untuk memastikan tiap-tiap kes yang diselesaikan dapat diselesaikan dalam tempoh yang sesingkat mungkin. Ada kalanya terdapat juga kes di mana barang-barang yang disita itu mungkin sudah hampir tamat tempoh. Jadi ini memerlukan kita memberikan penyelesaian dengan seberapa segera yang mungkin.

Yang Berhormat bagi Tanjung ada membangkitkan, sejak bilakah kementerian menghendaki nama yang digunakan untuk syarikat perlu kepada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Pertimbangan permohonan carian nama di Pendaftar Syarikat tertakluk kepada Seksyen 22, Akta Syarikat 1965 di mana apa-apa perkataan yang tidak diingini ataupun *under desirable* ataupun dilarang oleh Menteri melalui Warta tidak akan diluluskan.

Nama-nama yang mengelirukan atau tidak mengikut undang-undang juga tidak akan diluluskan. Dari segi bahasa, pihak Pendaftar Syarikat juga akan menyemak penggunaan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia agar ejaan yang digunakan adalah tepat dan berdasarkan kepada yang tidak mengelirukan selaras dengan Dasar Bahasa Kebangsaan kita.

Yang Berhormat bagi Jeli juga membangkitkan tentang soal latihan pengarah di mana dikatakan tadi dikenakan bayaran yang tinggi. Ini sebenarnya Yang Berhormat memang cadangan saya supaya pihak pengarah-pengarah di dalam Syarikat Sendirian Berhad ini dikehendaki untuk mengikuti kursus kerana daripada rekod Pendaftar Syarikat, kes pelanggaran Akta Syarikat begitu banyak, beratus ribu dan bernilai jutaan ringgit dari segi kompaunnya.

Ini menunjukkan bahawa tahap *corporate governance* dengan izin, ataupun tahap tadbir urus korporat di kalangan pengarah-pengarah syarikat sendirian berhad di Malaysia agak masih rendah. Ini satu perkara yang tidak seharusnya berlaku. Syarikat

umpamanya tidak memfailkan *report* tahunan. Tidak ada mesyuarat agung. Dia jadi ahli, jadi lembaga pengarah, sign borang sahaja, lepas itu tidak tahu tanggungjawab.

Jadi kalau kita minta bayar RM360 supaya terlepas daripada hukuman dan kena denda dan penjara, saya rasa terlalu kecil sangat. Jadi saya fikir berpatutan kerana yang hendak memberikan ceramah dan kursus ini orang-orang yang pakar dan tahu yang dalam tempoh dua hari setidak-tidaknya mereka tahu apa hukumannya, apa undang-undang, soal tanggungjawab sebagai Lembaga Pengarah, peraturan-peraturan dalam Akta Syarikat yang harus mereka ketahui dahulu.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah dengan mudah, siapa sahaja boleh jadi pengarah. Dan mereka mungkin orang biasa macam Yang Berhormat sebut orang kampung. Tetapi *sign* borang lepas itu duduk sebagai pengarah tidur atau *sleeping partner*. Tetapi apabila sudah berlaku kesalahan dan penyelewengan, mereka ini menjadi mangsa. Kemudian baru dia tahu. Dia bertanya, kenapa saya kena? Kita terpaksa menjelaskan, *jointly and severely liable*, dalam Bahasa Inggeris. Barulah mereka sedar bahawa itu satu kesalahan tetapi sudah lewat.

Jadi bagi saya walaupun kita terpaksa dikenakan sedikit, harga ini bukanlah tinggi sangat Yang Berhormat kerana dia masuk dengan bahan dia, dengan penceramah yang kita terpaksa bayar dan sebagainya. Jadi saya rasa tidaklah terlalu tinggi. Sebenarnya ada juga cadangan supaya dinaikkan lagi tetapi saya tidak bersetuju setakat ini untuk menaikkan kadar daripada apa yang sedia ada.

Ini ada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangkitkan ada bantuan kewangan sebanyak RM100 ribu yang diberikan kepada kelab pengguna, Island Glades. Ikut maklumat ini, tidak Yang Berhormat. Kalau ada tolong bagi buktilah. Yang kita beri ialah bantuan-bantuan kewangan agihan kepada Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri iaitu kita bagi kepada *state*, Pejabat Majlis Hal Ehwal Pengguna dan di peringkat Majlis, dia akan agihkan kepada kelab-kelab pengguna untuk mengadakan seminar, kursus dan sebagainya. Jadi peruntukan itu bukan diberi kepada mereka tetapi disalurkan kepada Majlis Pengguna. Majlis Pengguna belanja sebahagian, bukan kesemua. Yang saya ingat sekarang ini tidak ada satu kelab pengguna dapat sampai RM100 ribu. Kita pun tidak ada duit banyak untuk bagi sampai RM100 ribu itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini ialah diumumkan oleh Setiausaha Parlimen di dalam surat khabar *The Sun*. Dia ini merupakan *pilot project* kementerian. Satu di Island Glades dan yang lain di Klang Valley. Jadi saya tidak tahu sama ada Menteri tidak tahu, apakah Setiausaha Parlimen yang membuat ataupun Setiausaha Parlimen telah buat perkara yang berlainan. Jadi saya akan dapatkan keratan surat khabar itu dan tunjukkan kepada Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, keratan surat khabar tidak boleh digunakan sebagai *evident* dalam mahkamah. Kadang-kadang Yang Berhormat pun tahu Yang Berhormat cakap lain, surat khabar keluar lain. Kadang-kadang berlaku begitu. Jadi kemungkinan Setiausaha Parlimen saya memberitahu bahawa ini disalurkan kepada Majlis Pengguna Negeri sebanyak RM100 ribu tetapi nampak macam RM100 ribu kepada Island Glades.

Kadang-kadang perkara seperti itu berlaku tetapi saya hendak menjelaskan tidak ada. Kita tak bagi pun. Kita tak ada duit hendak bagi RM100 ribu hendak bagi satu kelab Tuan Pengerusi. Ya kita ada boleh RM2 ribu atau RM5 ribu itu biasalah. Jadi saya boleh menafikanlah. Tetapi kalau Yang Berhormat ada bukti tolong bagi. Jangan keratan surat khabar. Itu tak boleh pakai 100%. Bukti yang sebenarnya. Itu beritahu kepada saya. Insya-Allah kita akan siasat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Ya, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau saya ingat dengan betul, pengumuman ini bukat satu kali tetapi dua kali. Jadi kalau itu adalah pengumuman yang tidak betul dan beliau di *quote*. Jadi beliau perlulah memberi penjelasan dan dalam tempoh hari di dalam Dewan ini pun saya menimbulkan perkara ini, Setiausaha Parlimen kementerian pun ada di dalam Dewan ini. Beliau tidak bangun untuk membuat penjelasan.

Jadi saya harap kementerian bukan sahaja bergantung kepada bukti yang saya akan kemukakan tetapi saya rasa kerana perkara ini telah ditimbulkan di dalam

Dewan ini, kementerian perlu menjalankan siasatan sendiri supaya memastikan sama ada duit itu digunakan untuk kelab ini ataupun untuk cara yang lain. Atau pun bagaimana perkara ini berlaku? Saya rasa perlulah tanya kepada Setiausaha Parlimen untuk membuat penjelasan dan bukan bergantung kepada saya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, tunggu sekejap, tunggu sekejap, ya Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Cuma saya mahu menjelaskan satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bila Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara ini memang benar, Setiausaha Parlimen ada dalam Dewan Rakyat. Tetapi pada hari tersebut saya yang menjawab perkara-perkara yang bangkit. Maka tidak perlu beliau sendiri menjawab. Saya telah menafikan perkara itu daripada maklumat tidak benar, tidak berlaku. Jadi bukan bererti dia sendiri tak menafikan. Saya jawab bagi pihak kementerian. Itu sebagai penjelasan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tak tahulah ada niat buruk kah atau..... Yang Berhormat. Dia tidak boleh percaya Menteri cakap. Kalau Menteri sudah menjelaskan, tidak ada bagi peruntukan, tolong terimalah kenyataan itu. Surat khabar merupakan satu kenyataan lain. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah menjelaskan, saya fikir cukuplah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bukit Mertajam cukuplah. Sekiranya Yang Berhormat ada bukti, bagilah, ya?

**Beberapa Ahli:** Cukuplah, cukuplah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Bulan puasa, so tak payah hendak gaduh-gaduh banyak.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun][Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada bukti, berilah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga membangkitkan soal program akar umbi dan juga penubuhan kelab-kelab pengguna penduduk yang dikatakan bertindih dengan Persatuan Pengguna yang sedia ada. Sebenarnya, ia tidak bertindih. Ini bukan satu perkara baru. Kita ada berlaku di banyak tempat-tempat lain di negara lain di mana kita galakan penubuhan kelab-kelab pengguna yang dibuat secara sukarela oleh masyarakat kita di kampung atau di mana-mana sahaja. Ini sebagai satu usaha untuk kita memberikan pendidikan kepada mereka.

Dengan adanya tertubuh kelab seperti ini, bermakna kita boleh salurkan banyak maklumat. Majlis Pengguna sudah ada di peringkat daerah tetapi di peringkat umbi tidak ada orang yang menggerakkan. Maka kementerian berpendapat mungkin wajar, tubuhlah kelab-kelab pengguna. Mungkin tidak ramai yang menjadi ahli, 10 atau 20 orang tetapi dengan cara begitu mereka boleh jadi penggerak utama untuk menjalankan program-program pendidikan pengguna, kesedaran pengguna. Mungkin maklumat yang ada di peringkat kementerian boleh disalurkan kepada kelab dan mereka boleh itu. Jadi ini tidak bertindih dagangan peranan yang dimainkan oleh pihak persatuan pengguna.

Lagipun Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa persatuan-persatuan pengguna tidaklah begitu cergas sampai ke peringkat akar umbi di daerah mungkin yang ada satu, dua tokoh yang mungkin membuat komen tetapi gerakan kepenggunaan tidak sampai ke bawah, jadi kita lihat ini sebagai satu kelompangan ataupun vacuum dari segi kepenggunaan yang tidak dicapai oleh pihak persatuan-persatuan pengguna.

Jadi, penubuhan kelab-kelab ini sedikit sebanyak dengan tertubuhnya di peringkat akar umbi dapat menyedarkan masyarakat umum tentang pentingnya isu-isu kepenggunaan dan mungkin dengan kelab pengguna, mereka boleh duduk berbincang bersama-sama membawakan isu-isu yang mereka hadapi di tempat mereka, cara

hendak menangani, berhubung dengan kementerian, jadi ini saya fikir satu bentuk *networking* yang kita fikir boleh membantu pengguna dari segi jangka panjang.

**Tuan Chong Eng:** Tuan Pengerusi, penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, masa Yang Berhormat pun .....

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, saya fikir setakat itu sahajalah yang dapat saya sebutkan berbangkit daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ingin hendak sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah membangkitkan perkara-perkara ini dan insya-Allah mana-mana yang difikirkan sesuai tadi untuk kita beri perhatian dan laksanakan, kita akan laksanakan. Terima kasih. Assalamualaikum.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM143,204,100 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM143,204,100 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30,400,030 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30,400,030 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Jadual] –  
Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Anggaran Pembangunan 2002] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.22 hingga B.24 dan Kepala Pembangunan P.22 hingga P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Ya, Bachok.

**5.18 ptg.**

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullah dan Salam Sejahtera. Pertama, saya merujuk di bawah Kepala B.22 Butiran 03000 – Kebudayaan dan Kesenian di bawah Butiran Program khusus iaitu Dasar Kebudayaan Dan Kesenian serta butiran program Pembangunan Kebudayaan Dan Kesenian.

Pertama sekali, sukacita saya merakamkan terima kasih kepada pihak RTM sebab baru-baru ini Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan telah mengisytiharkan untuk menyiarkan secara bersiri aktiviti kebudayaan dan kesenian rakyat Kelantan menerusi kaca TV sebagai suatu respond kononnya untuk menghidup suburkan ingatan masyarakat kepada beberapa aktiviti kebudayaan dan kesenian yang ada di negeri Kelantan yang kononnya telah dikebelakangkan oleh dasar kebudayaan kerajaan negeri yang ada hari ini.

Pada pengamatan saya perkara ini sesuai sekiranya ianya memberi suatu *survival* kepada aktiviti kebudayaan dan kesenian itu sendiri dalam konteks masyarakat yang sedang menuju kepada era pembangunan yang begitu melonjak.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah pun kita ketahui sejarah budaya dan seni negeri Kelantan begitu unik dan selalu diberi perhatian kerana beberapa asas nilai kebudayaan yang ada kepada rakyat Kelantan memberi tarikan khususnya kepada aktiviti pelancongan dalam negara kita.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini memberi suatu perhatian yang lebih serius lagi bagi

memastikan *survival* budaya dan seni rakyat Kelantan ini tetap menjadi unggul dalam tempoh akan datang dan tidak dikebelakangkan dalam program-program Kementerian ini.

Yang lebih penting lagi ialah beberapa unsur budaya dan seni yang ada di Kelantan mempunyai persamaan dalam konteks sosiobudaya masyarakat di Selatan Thailand itu sendiri khususnya orang-orang Melayu di Selatan Thai mempunyai hubungan budaya begitu lama dengan negeri Kelantan dan saya ingin bertanya pihak Kementerian adakah setakat ini pihak Kementerian telah membuat beberapa program kerjasama bagi mengukuhkan asas-asas ataupun tunjang kepada kekukuhan budaya dan seni orang Melayu di sebelah Selatan Thai dengan rakyat Kelantan itu sendiri.

Misalnya program-program bersifat interaksi kebudayaan dan seni dalam bentuk rombongan-rombongan dalam konteks negara ASEAN ataupun dalam konteks negara yang bersempadan.

Dalam hal ini, saya melihat beberapa unsur seni budaya yang dicetuskan yang sekarang ini tidak dihidupsuburkan oleh penggiat seni di Kelantan lantaran mereka reaktif kepada dasar kebudayaan negeri Kelantan. Misalnya penggiat wayang kulit, mereka terlalu reaktif dan ada satu sikap untuk mematikan permainan tersebut kerana kononnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak bersetuju dengan unsur permainan tersebut dan dikatakan tidak Islamic. Sedangkan dari sudut dasar kebudayaan negeri Kelantan yang telah pun diterima oleh pemerintahan PAS Kelantan ialah untuk memastikan penyesuaian dalam konteks kemodenan dan penyesuaian dalam konteks akidah umat Islam itu sendiri yang tidak lagi terikat kepada unsur-unsur tahyul dan karut-marut dalam cerita-cerita wayang kulit dan Kerajaan Negeri Kelantan tidak pun membantah ataupun tidak menyanggah asas-asas seni wayang kulit itu sendiri. Cuma jalan cerita dan beberapa unsur tahyul yang dipersembahkan dalam permainan wayang kulit perlu dimoderatekan oleh penggiat-penggiat seni dan oleh kerana penggiat seni tidak mempunyai suatu wawasan yang jauh ke hadapan, mereka telah mengambil langkah reaktif dan terus untuk mematikan permainan tersebut.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menerusi program-program pembangunan kebudayaan dan kesenian ini boleh mencetuskan suatu rangsangan baru ataupun memberi suatu motivasi baru kepada penggiat-penggiat seni di Kelantan ini supaya mereka lebih bersifat kreatif untuk memastikan seni-seni tersebut seni permainan seperti wayang kulit, dikir barat dan seumpamanya dapat mereka sesuaikan dengan perubahan-perubahan zaman yang serba menuntut kepada suatu perubahan ke arah yang lebih membanggakan bangsa dan negara kita.

Perkara kedua ialah di bawah P.22 Program Pemuliharaan Tinggalan Sejarah. Sukacita saya sebutkan di sini dua unsur penting dari sudut sejarah yang telah dilalui oleh masyarakat Kelantan dalam konteks negara kita, iaitu untuk mengenang semula kisah perjuangan nasionalis dan juga pejuang bangsa dan agama iaitu Tok Janggut itu sendiri sebagai suatu agenda penting Kementerian.

Saya melihat Kementerian seharusnya memberi suatu pandangan yang serius dalam memastikan kenangan silam terhadap kebangkitan bangsa Melayu dan umat Islam dalam negara kita untuk menentang penjajah dengan semangat yang begitu membara di atas beberapa asas ketidaksetujuan dengan dasar yang telah dibuat oleh British pada masa itu.

Oleh kerana itu, saya melihat dua unsur tinggalan dalam sejarah Tok Janggut ini, pertama, kuburnya yang tidak terurus dengan baik dan tidak diurus oleh pihak tertentu dengan baik di Pasir Pekan dan yang keduanya, ialah lokasi sejarah di mana berlakunya pertempuran di antara pihak pasukan yang menyebelahi Tok Janggut dengan pasukan British di Kampung Pasir Jeram, Pasir Puteh.

Baru-baru ini ada pihak beberapa NGO yang berminat untuk membangunkan lokasi sejarah ini dan untuk menjadikan ianya sebagai suatu kawasan warta sejarah untuk dijadikan suatu tumpuan dan pusat pelancongan tetapi nampaknya usaha-usaha itu tidak jauh ke depan dan tidak membawa suatu pembaharuan yang membanggakan, jadi saya melihat peranan Kementerian ini perlu mengambil alih ataupun mengambil campur tangan secara lebih positif bagi memastikan dua unsur tinggalan sejarah Tok Janggut ini iaitu kubur dan juga tempat berlakunya pertempuran dengan pihak Tok Janggut dan British itu dibangunkan dengan segera bagi memastikan unsur-unsur ini

dapat dikenang dan juga dapat dihayati oleh anak bangsa kita bagi tempoh-tempoh generasi akan datang.

Kemudian yang kedua, dari sudut sejarah lagi di Kelantan yang perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian dan perkara ini pernah saya bangkitkan dalam Soalan Lisan saya kepada pihak kementerian yang tidak dijawab dalam Parlimen tetapi dijawab secara bertulis iaitu berhubung dengan peninggalan kubu-kubu Perang Dunia II yang memang kedapatan masih lagi ada di sepanjang pantai di antara pantai Tumpat Sabak, Bachok dan Pasir Puteh khususnya di pantai tempat saya sendiri di Parlimen Bachok, memang beberapa kubu masih lagi belum tertimbus dan sekiranya dibuat beberapa pemulihan segera kubu ini boleh ditimbulkan lagi daripada dasar pantai dan boleh dijadikan suatu objek untuk menjadi tumpuan kepada pelancong-pelancong untuk melihat kesan peperangan yang sebenarnya yang dialami oleh negara kita dalam pengalaman Perang Dunia Kedua menghadapi tentera Jepun. Dan saya mendapat jawapan daripada pihak kementerian dan memang perkara ini telah pun dibuat di peringkat Negeri Kelantan iaitu menubuhkan Muzium Perang Dunia Kedua di Kota Bharu dengan mengadakan replika-replika kubu dan beberapa objek-objek di dalam sejarah Perang Dunia Kedua di Kota Bharu tetapi saya merasai perkara ini tidak realistik dan asas-asas yang masih realistik itu perlu dijaga dan perlu dikekalkan untuk memastikan supaya kenangan sejarah ini secara di depan mata boleh disaksikan oleh bangsa kita sendiri dan oleh generasi-generasi kebelakangan, bagi memastikan perkara ini tetap memberi suatu yang terbaik, dalam memastikan jati diri bangsa kita dapat dibangunkan menerusi dasar kebudayaan dan kesenian serta usaha-usaha mengekalkan warisan sejarah dalam negara kita bagi meningkatkan aktiviti pelancongan secara spesifiknya.

Itulah Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Teluk Intan

**5.26 ptg.**

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.24 Jabatan Muzium Butiran - 00301 – Pemuliharaan Monumen dan Tapak Sejarah.

Bandar Teluk Intan ada banyak tarikan terutamanya Menara Jam Teluk Intan, menara condong yang bersejarah ini boleh dijadikan satu daya tarikan tetapi malangnya jarang adanya rombongan pelancong yang melawat menara condong ini. Bagi saya antara sebab utama adalah pelawat tidak dibenarkan masuk ke dalam menara condong ini. Saya pernah naik tangga ke atas menara ini dan pandangan dari atas adalah begitu *cynic* dan cantik. Kerja *restoration* dan pemasangan bahan-bahan telah dilaksanakan tetapi saya dimaklumkan bahawa orang ramai masih tidak dibenarkan masuk.

Saya mencadangkan bahawa menara condong ini dijadikan satu mini muzium dan kerana menara condong ini walaupun adalah satu *landmark* Bandar Teluk Intan tetapi sebahagian besar, 95% penduduk Teluk Intan sendiri tidak pernah masuk untuk menikmati keunikan peninggalan sejarah dalam menara itu. Oleh itu saya harap pelawat-pelawat dibenarkan masuk ke dalam jika bukan untuk tujuh hari seminggu tetapi sekurang-kurangnya pada hari Sabtu dan Ahad.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkaitan Maksud P.22 Butiran 00700 - Program Kebersihan Tempat Pelancongan.

Kementerian telah melaksanakan banyak projek untuk mencantikkan destinasi pelancong dari luar, di taman-taman, di gua-gua, di muzium-muzium, semuanya nampak cantik tetapi masuk ke tandas atau *toilet*, keadaan berubah. Ada banyak restoran untuk pelancong yang begitu *porch* dan mahal tetapi jangan masuk tandas mereka. Bukan sahaja masalah kekotoran tetapi isu *design* juga patut dikaji. Di banyak destinasi pelancongan, berjuta-juta dibelanjakan untuk meningkatkan daya tarikan tetapi *toilet* nya masih kecil dan tidak dilengkapi, terutamanya *toilet* untuk wanita, tidak cukup dan .....

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat ada masuk kah?

**Tuan Mah Siew Keong:** [Ketawa] Tidaklah, sebab saya tengok *long queue*, bagi lelaki kita guna sangat cepatlah tetapi wanita *the queue* selalu panjang, saya selalu kena tunggu isteri sayalah..[Ketawa] So, saya pernah dengar cerita pelancong

luar negara yang bercakaplah.. *when I think of your country, I think of your toilet* dengan izinlah..

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat, esok sambunglah ya.

**Tuan Mah Siew Keong:** Satu minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa dah habis

**Tuan Mah Siew Keong:** Okay...saya harap akan buat *toilet design* nya yang dilengkapi dengan lebih sedikitlah, jika negara hendak menjadi satu pusat pelancongan yang berjaya dan dipuji kerana saya harap kementerian akan membuat dan melaksanakan serta memastikan bahawa *toilet* bersih, cukup dan dilengkapi perlu disediakan di semua destinasi pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya kita sambung esok.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang**